



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 08 APRIL 2015 ( RABU )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad(Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/ Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Ibrahim bin Mat Mom

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum* warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ke-13, pada hari yang kelapan, 8 April 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Soalan seterusnya, Hulu Bernam. Tidak hadir. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan no.89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK: SELANGOR SCIENCE PARK (SSP)**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan jumlah keluasan dan berapakah harga tanah di SSP?
- b) Sila nyatakan secara detail apakah faktor tarikan utama SSP?
- c) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan pelabur domestik dan luar terhadap SSP?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, untuk menjawab soalan daripada Sekinchan, sukacita saya ingin memaklumkan Dewan ini bahawa Science Park 2 atau Science Park (II) telah pun ditukar nama kepada Cyber City dan ini adalah atas cadangan daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam Mesyuarat Lembaga PKNS yang telah pun diadakan pada bulan Mac yang lalu di mana ianya akan memberikan imej yang baru, yang bersesuaian dengan pembangunan yang sedang rancak berlaku di Science Park 2 (Cyber City) yang baru ini. Keluasan

keseluruhan Cyber City ialah 1,254 ekar. Harga tanah di Cyber City adalah berdasarkan tempoh pajakan seperti berikut :-

- a) Untuk jenis pajakan 30 tahun :-
  - (i) perniagaan adalah RM89/kp;
  - (ii) industri adalah RM45/kp.
  
- b) Untuk jenis pajakan 60 tahun :-
  - (i) bagi jenis perniagaan adalah RM125/kp; sementara
  - (ii) untuk industri adalah RM63/kp.
  
- c) Untuk jenis pajakan 99 tahun :-
  - (i) untuk perumahan adalah RM59/kp;
  - (ii) untuk perniagaan adalah RM142/kp; dan
  - (iii) untuk industri adalah RM71/kp.

Tarikan utama kepada *Cyber City* adalah terhadap konsep pembangunannya yang telah dirancang dengan rapi. Ianya adalah bandar moden yang mementingkan konsep hijau dan *sustainability* serta sensitiviti terhadap pencemaran. Untuk itu, walaupun 27.19% daripada kawasan pembangunan dirancang sebagai kawasan industri, namun ianya industri jenis *hi-tech* dan bebas daripada pencemaran.

Selain daripada itu, lokasi pembangunan *Cyber City* juga menarik minat pelabur-pelabur dan pembeli hartanah kerana ianya bersebelahan dengan Putrajaya dan Cyberjaya. Lingkaran lebuh raya seperti SKVE, ELITE, PLUS, MEX, LDP, Besraya telah sedia ada dan ini menjadikan perjalanan ke KLIA hanya mengambil masa selama 15 minit, Kuala Lumpur (30 minit) dan Pelabuhan Klang (15 minit).

Sambutan daripada pelabur domestik dan luar negara terhadap *Cyber City* amat memberangsangkan. PKNS menerima lebih kurang 3 kali pertanyaan dalam seminggu mengenai pembangunan *Cyber City*.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tahniyah kepada kerajaan negeri kerana telah melangkah kesatu pelaburan yang lebih canggih iaitu *hi-tech*. Maknanya saya nak tanya kepada Y.B. EXCO tentang pelaburan ini. Maknanya pada jangka panjang dan waktu jangka panjang, kerajaan negeri Selangor sasarkan pada pelaburan jenis apa yang kerajaan negeri lebih tumpukan dalam konteks nak menarik lebih ramai pelaburan di Negeri Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Selain daripada *hi-tech* yang disebutkan adalah sasaran utama, 5 sektor utama telah pun disasarkan sebagai industri yang akan kerajaan negeri Selangor memberi penumpuan. Antaranya adalah perindustrian

makanan, (keduanya) *life sciences*, (ketiganya) *machinery*, (keempatnya) *transport equipment* dan elektronik dan *electrical* dan *chemical* dan *chemical product*. Itu adalah sektor-sektor yang akan diutamakan selain daripada yang *hi-tech* ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya. Saya ada dapat cerita, pandangan ataupun cadangan tapi secara umum tentang ada *Islamic City* di mana akan dibawa pelabur-pelabur dari negara-negara Timur Tengah dan Brunei untuk melabur dalam pelbagai sektor. Adakah *Islamic City* ini sebahagian daripada rancangan itu?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Ya, sebahagian tanah di *Cyber City* itu akan dibangunkan oleh pemaju persendirian. Sebenarnya mungkin tidak tepat dipanggil *Islamic City*. Ia merupakan sejenis *branding* di mana terdapat ciri-ciri Islam dalam reka bentuk bandar ini dan umpamanya ada tadika, ada (apa itu) institusi pendidikan dan tadika hingga ke peringkat yang lebih tinggi di mana dia mempunyai ciri-ciri Islam itu sebagai satu tarikan kepada pembeli. Walau bagaimanapun, sebenarnya mengikut pengumuman yang dibuat oleh pemaju itu sendiri, mereka mengalu-alukan seluruh masyarakat untuk melabur di kawasan itu. Dan bukan seperti yang disalahtafsirkan sebagai *Islamic Compliant City*. Itu tidak merupakan keadaan yang sebenarnya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Y.B. EXCO di atas penjelasan tadi. *Cyber City* ini ataupun *Selangor Science Park 2* terletak di DUN Dengkil. Bagus untuk pelaburan terutamanya di kawasan Dengkil. Cuma, saya nak tahu berapa peratuskah *completion* sehingga siap sepenuhnya *Cyber City* ini dan apakah status terkini jambatan runtuh yang menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teramat sangat menuju ke *Cyberjaya* / *Putrajaya*? Dalam isu ini, minta penjelasan daripada Y.B. EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, terima kasih Dengkil. Mengikut maklumat yang saya perolehi, proses pembinaan akan mula dalam jangka masa yang pendek ini dan tanah ini seluas 1,254 ekar ini mempunyai beberapa isu yang perlu diselesaikan juga. Salah satunya juga adalah pendudukan orang asli di kawasan itu yang perlu diselesaikan. Tapi, ia hanya melibatkan sebahagian kecil sahaja. Sementara itu, tanah itu walaupun dibangunkan (infrastrukturnya dibangunkan) oleh PKNS, tetapi pembangunannya akan dimajukan oleh pembeli beberapa *parcel* yang berlainan. Jadi, agak sukar untuk menjangkakan bagaimana



pembangunan akan datang ini. Walau bagaimanapun, seperti yang disebutkan/dibangkitkan oleh Hulu Kelang tadi ia melibatkan satu kawasan yang agak luas di mana ia adalah satu kemajuan yang menggalakkan.

Sementara itu, kita telah pun berjaya mempelawa sebuah syarikat iaitu Q-Sel (Hangua Q-Sel) daripada Korea yang membangunkan (apa itu) solar sel telah pun mula beroperasi dan mereka sudah masuk ke peringkat kedua pembangunan ataupun pembinaan kilang mereka. Jadi, itu merupakan salah satu tarikan kepada pelabur khususnya kilang daripada negara asing yang ingin menceburkan diri dalam pasaran Malaysia ini untuk membangunkan perindustrian *hi-tech*.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi / Tuan Speaker. Soalan no.90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: PERTANIAN**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan telah mempunyai Pelan Induk Pembangunan Pertanian negeri Selangor?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Tanjung Sepat yang bertanya berkenaan dengan Pelan Induk Pembangunan Pertanian negeri Selangor. Kerajaan negeri pada ketika ini sedang di peringkat penyediaan terma rujukan ataupun *term of reference* (dengan izin) bagi Pelan Induk Pembangunan Pertanian negeri Selangor sebelum satu kajian menyeluruh dilaksanakan pada tahun ini oleh penyelidik yang akan dilantik.

Pelan Induk Pembangunan Pertanian ini merangkumi perancangan untuk tempoh jangka pendek iaitu dalam 5 tahun dan juga jangka panjang (10 tahun) bagi meningkatkan jumlah sumbangan di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang berada pada tahap purata hanya 1.7% bersamaan dengan RM2.8billion setahun sahaja serta meningkatkan peratusan tahap sara diri (*self-sufficient level*) yang masih juga dalam tahap yang rendah bagi menjamin sekuriti bekalan makanan. Sebagai contoh bekalan daging lembu yang masih berada pada tahap sekitar 3% sahaja untuk bekalan di dalam negeri Selangor selain daripada bekalan padi yang hanya pada tahap 31% sahaja.

Perkara-perkara lain yang akan dijadikan keutamaan dalam penyediaan Pelan Induk Pembangunan Pertanian negeri Selangor ini adalah antaranya :-

- a) Memberi tumpuan kepada projek-projek pertanian yang menggunakan teknologi moden seperti penggunaan konsep 'fertigasi' yang tidak memerlukan kawasan yang luas, tetapi dapat memberikan pulangan hasil yang tinggi;
- b) Mengenal pasti tanah-tanah pertanian milik individu yang tidak diusahakan untuk dimajukan dengan mengadakan perjanjian di antara tuan punya tanah dan juga usahawan tani yang berminat. Jadi, Program Sua Muka yang dikendalikan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian ini juga sedang giat dilakukan;
- c) Mengenal pasti tanah-tanah milik kerajaan negeri dan anak-anak syarikat kerajaan negeri yang boleh dijadikan sebagai kawasan ladang agrotek yang akan diselia selenggarakan sepenuhnya oleh kerajaan negeri bagi pelbagai jenis tanaman dan juga ternakan;
- d) Mewujudkan Program Usahawan Agro Muda di kawasan-kawasan yang telah pun dikenal pasti berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan pertanian; dan
- e) Menerapkan konsep pelaksanaan projek tanaman yang berkonsepkan *natural farming* dengan memberikan penumpuan kepada penghasilan separa organik secara berperingkat; dan
- f) Menyediakan satu data maklumat yang lengkap secara menyeluruh dan sistematik di dalam semua aktiviti pertanian negeri Selangor agar perancangan yang lebih tepat dapat dibuat pada masa hadapan seperti jumlah sebenar penggunaan tanah untuk pertanian bagi tujuan bekalan makanan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Tadi Y.B. EXCO ada menyatakan tentang penyediaan Pelan Induk, adakah kerajaan zon-zon spesifik tentang di seluruh Selangor ini mengenai zon pengeluar makanan ruji ataupun ternakan dan juga tanaman-tanaman kontan dan juga perikanan. Kita mahu supaya Kerajaan Negeri dalam penyediaan pelan rancang induk ini supaya perkara-perkara yang (empat) yang dinyatakan ini dilaksanakan. Adakah dalam pelan induk itu akan meliputi program seumpama ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat yang bertanya. Sudah pasti pelan induk ini akan melihat secara menyeluruh berdasarkan kepada tempat, lokasi, zon dan juga jenis-jenis tanaman. Dan itu perkara telah pun diambil kira dan ia juga ia akan dijadikan sebagai salah satu elemen dalam menyediakan terma rujukan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.  
Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Saya nak tanya EXCO. Sekarang di dalam *United Nations*, ada satu program yang dipanggilkan '*community farming*'. '*Community farming*' ini sekarang dilaksanakan di seluruh tempat-tempat di negeri khususnya macam Afrika dan juga di kawasan. Tujuan mereka ialah untuk gunakan tanah-tanah yang terbiar itu *reserved land* yang tidak digunakan ataupun tanah-tanah di bawah PBT yang tidak digunakan di bawah rentasan dan sebagainya untuk digunakan sebagai '*community farming*' untuk bagikan/berikan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan itu sahaja dengan pembayaran minima itu untuk mereka laksanakan pertanian di atas tanah-tanah biar ini. Adakah negeri cadang untuk menggunakan proses ini juga di dalam negeri Selangor dan di kawasan-kawasan tertentu?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Seri Andalas yang bertanya dan memberikan pandangan. Memang *community farming* ini telah pun berjalan di beberapa PBT dan ianya juga menjadi satu agenda ataupun yang akan digalakkan oleh kerajaan negeri khususnya kepada penduduk-penduduk ataupun komuniti-komuniti yang berada di bandar yang mempunyai kekangan. Dan sudah pastilah di sana nanti kita akan melihat kepada garis panduan yang sesuai supaya tanah-tanah yang bersesuaian seperti tanah-tanah rizab dan sebagainya dan sudah pasti di sana ada tanah-tanah lapang yang tidak boleh digunakan, ada yang dibolehkan dan sebagainya.

Sebagai respons sekali lagi saya ingin nyatakan bagaimana kerajaan negeri memang menggalakkan usaha-usaha di peringkat PBT dan juga komuniti untuk mewujudkan *community farming* ini.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Tadi, Y.B. EXCO ada nyata tentang konsep pertanian '*fertigasi*'. Jadi, apakah insentif oleh kerajaan negeri untuk memberi galakkan kepada petani-petani yang melaksanakan kaedah '*fertigasi*'?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:**Berkenaan dengan pertanian moden termasuklah 'fertigasi' ini, memang menjadi satu perkara yang disyorkan oleh kerajaan negeri khususnya kepada petani-petani yang mempunyai kawasan-kawasan keluasan yang agak kurang dan sebagainya dan juga seperti yang saya sebutkan tadi, sekarang ini Program Temu Sua sedang kita lakukan dengan pemilik-pemilik tanah-tanah individu yang dibiarkan secara semak-samun dan sebagainya. Dan untuk pengetahuan kita telah pun mengenal pasti tanah-tanah terbiar yang telah dikenal pasti pemiliknya sebanyak 3,009 hektar dengan 1,829 pemilik dikenal pasti. Jadi, Program Temu Sua sedang dijalankan. Dan sudah pastilah pemilik-pemilik tanah ini tidak mahu tanah-tanah mereka diguna pakai yang menyebabkan terganggu dari struktur tanah dan sebagainya dan di situlah bagaimana 'fertigasi' teknologi itu datang. Juga termasuk di kalangan petani-petani yang sudah yang berminat untuk mengadakan program 'fertigasi' yang kalau dibandingkan dengan kaedah pertanian biasa kosnya agak lebih tinggi tetapi pulangnya juga lebih tinggi.

Dan dari sudut bantuan, setakat ini kita akan melihat kepada spesifik kes. Kes yang khusus yang kita akan bantu seperti mana yang saya sebutkan tadi di antaranya adalah Program Usahawan Agro Muda dan begitu juga dengan bantuan-bantuan yang telah pun diperuntukkan untuk bantuan petani, penternak dan nelayan ini juga kita akan memberikan fokus kepada program-program pertanian yang bersifat komuniti yang juga bersifat kelompok supaya bantuan-bantuan yang kita berikan itu dia memberikan impak yang besar. Bukan setakat kita bagi kepada individu dengan jumlah yang kecil. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no.91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: BIASISWA NEGERI SELANGOR**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah kewangan dan pelajar yang disasarkan untuk menerima biasiswa setiaptahun?

- b) Nyatakan pelajar yang berjaya menerima mengikut pecahan pendapatan keluarga (bawah 3 ribu, bawah 5 ribu dan atas 5 ribu) dalam tempoh sepuluh tahun ini?
- c) Nyatakan juga pecahan mengikut kaum?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:**Terima kasih Y.B. Batu Tiga, Y.B. Tuan Speaker. Pembiayaan yang diberikan adalah dalam bentuk pinjaman pelajaran di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Pinjaman pelajaran ini dalam konsep boleh ubah kepada biasiswa bagi pelajar-pelajar yang memenuhi syarat. Jumlah peruntukan tahunan untuk pinjaman pelajaran ini adalah sebanyak RM16juta dan sasarannya ialah sebanyak maksimum 1,000 pelajar baru akan ditaja setiap tahun.

Tentang pecahan pendapatan keluarga dan juga (c) pecahan mengikut kaum. Buat masa ini, sistem yang sedia ada tidak mempunyai rekod yang mendalam sebab itu kita dalam proses untuk membangunkan Sistem Pinjaman Pelajaran Bersepadu yang mampu memenuhi keperluan semasa yang semakin bertambah termasuk maklumat-maklumat sebagaimana yang disebut oleh Batu Tiga dalam soalan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:**Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya dalam manifesto Pakatan Rakyat yang lalu ada disebut bahawa kerajaan Pakatan Rakyat akan melancarkan satu Biasiswa Menteri Besar bagi membiayai pelajar Ijazah Lanjutan dengan bon Kerajaan Negeri sebagai usaha membentuk sebuah bank pemikir negeri Selangor. Kita sudah masuk ke tahun ketiga, tetapi saya belum dengar lagi *stand character* (dengan izin). Masih belum dengar lagi penubuhan biasiswa sebegini. Jadi, saya ingin bertanya apakah perkembangan terkini? Adakah ia akan dilakukan dalam masa terdekat? Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Y.B. Kampung Tunku. Saya ingat dalam Sidang Dewan yang lepas Y.A.B. Dato' Menteri Besar pun ada menjawab tentang perkara ini, malah beliau sendiri telah melancarkan dalam ucapan belanjawan biasiswa PHD sebanyak RM5juta untuk 10 orang di dalam bidang-bidang strategik untuk kerajaan negeri. Dan ini selaras dengan apa yang disebut di dalam manifesto kecuali jenama dia sahaja yang tidak disebut. Jadi, dan beliau telah tegaskan dalam ketika dibangkitkan, saya ingat oleh Kampung Tunku dan

Damansara Utama dalam Sidang Dewan yang lepas. Jadi bagi saya perkara itu sudah terjawab dan kita dalam proses melaksanakan biasiswa tersebut.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINIT ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Y.B. EXCO tadi menjawab tentang memang tidak ada satu sistem maklumat yang lengkap / yang sempurna dan ianya akan dilaksanakan. Jadi, saya mengharapkan supaya soalan saya bilakah jangkaan ia akan disiapkan memandangkan dasar ketelusan kerajaan perlu untuk melihat siapakah kumpulan sasaran yang mendapat bantuan-bantuan ini. Sebab banyak akhir-akhir ini, saya mendapat laporan bahawa permohonan biasiswa ataupun pelajaran ini tidak dapat bila mereka memohon. Jadi, saya nak tahu sama ada sasaran ini benar-benar dapat kepada golongan yang memerlukan terutama yang berpendapatan RM3,000 ke bawah dan RM5,000 ke bawah. Jadi, bilakah ianya akan dilaksanakan?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang pertama sekali, yang saya nak maklumkan yang kita kata kita tidak ada rekod menyeluruh untuk tempoh 10 tahun ya. Sebab ini selari dengan apa yang ditanya. Tetapi bukan bermakna bahawa dalam kita meluluskan biasiswa tiap-tiap tahun, kita tidak mengambil kira isu pendapatan. Dia (kita) menggunakan sistem pemarkahan ataupun *pointer* yang mana (satu) ialah gred yang dicapai oleh pelajar tersebut di dalam SPM misalnya, (kedua) ialah latar belakang keluarga dari segi pendapatan dan beberapa kriteria lain dan pelajar-pelajar yang diterima ialah mereka yang mendapat *pointer* tertinggi. Jadi, dia menggabungkan elemen merit dan juga elemen pendapatan.

Kedua ialah kita dalam sememangnya kerajaan negeri kita sedang membangunkan sebab kita lihat dalam banyak dasar-dasar yang diberikan oleh kerajaan negeri menerusi Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor, dia tidak ada satu pengurusan data secara menyeluruh dan ini menyebabkan banyak kerugian *overlapping* dan juga kelompongan dalam sistem yang sedia ada. Jadi, sebab itu sekarang di bawah Bahagian Teknologi Maklumat, kerajaan negeri sedang membangunkan satu sistem bukan sahaja untuk program biasiswa tetapi juga untuk program-program yang lain daripada program TUNAS sehinggalah Program Mammogram dan sebagainya (program-program bawah Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor). Kita nak kumpulkan data dan melihat data ini secara menyeluruh daripada pihak kerajaan negeri. Jadi, ini memang sedang dibangunkan dalam kita akan mendapat. Mesyuarat pertama telah diadakan kira-kira dua bulan yang lepas dan kita akan mendapat melihat prototaip dia dalam masa yang terdekat. Jadi saya jangkakan (*insya-Allah*) dalam tahun ini kita boleh lihat sistem ini berfungsi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Tuan Speaker, soalan saya no.92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK: ASET MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah aset tunai dan tidak tunai MBI kini?
- b) Nyatakan aset yang telah dijual, lokasi, nilai dan pembeli pada tahun 2014?
- c) Apakah strategi dan pelan MBI untuk mengukuhkan asetnya di bawah kepimpinan baharu?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Permatang yang ingin mengetahui kedudukan aset tunai dan juga tidak tunai MBI pada ketika ini. Untuk makluman Y.B. Permatang, aset tunai MBI pada ketika ini berjumlah RM90juta yang merangkumi tunai transit yang disalurkan melalui Perbendaharaan Negeri ke anak-anak syarikat di dalam bentuk geran. Dan yang keduanya, tunai transit hasil daripada transaksi hartanah anak-anak syarikat yang berkenaan.

Manakala, aset tidak tunai MBI mengikut rekod yang diperolehi aset tidak tunai MBI merangkumi tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, nilai aset tanah ini akan hanya direalisasikan apabila wujud usaha pembangunan di atas tanah yang berkenaan kerana apabila dibangunkan, barulah nilai yang sebenar dapat dikenal pasti bagi hartanah yang berkenaan.

Berhubung pertanyaan tentang aset yang telah dijual dan lokasi pada tahun 2014. Sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa mengikut rekod tiada aset ketara seperti tanah yang telah dijual pada tahun 2014.

Dan berhubung strategi dan pelan MBI untuk mengukuhkan asetnya. Sukacita saya memaklumkan bahawa MBI sebelum ini merupakan sebuah pentadbir dan pelabur pasif di dalam anak-anak syarikatnya. Maka, pengurusan baru MBI yang terdiri daripada kumpulan profesional telah diberi mandat untuk bertindak sebagai pelabur strategik kerajaan negeri di mana ia akan memainkan peranan yang ketara di dalam anak-anak syarikat. Dan strategi menambah nilai dan transformasi aset-aset anak-anak syarikat akan dilaksanakan di dalam tempoh 3 ke-4 tahun yang akan datang di

mana anak-anak syarikat ini pada akhirnya akan memberi sumbangan yang signifikan didalam hasil Kerajaan Negeri.

MBI akan terlibat hanya didalam sektor-sektor pelaburan strategik kerajaan negeri seperti sektor hartanah, infrastruktur, perkhidmatan telekomunikasi, pengurusan hasil pasir / kuari dan yang ada kaitan dengan usaha sama yang saya nyatakan tadi. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya nak tanya. Pertama, apakah Syarikat Air Selangor Berhad yang dirancang itu akan diletakkan di bawah MBI? Dan yang kedua, saya juga nak mengetahui mengenai perkembangan semasa mengenai pengambilan semula kutipan semula RM26juta yang dulunya sudah dibayar kepada kakitangan-kakitangan MBI yang berhenti. Saya nak tanya apa perkembangan semasa? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Untuk makluman Yang Berhormat, Air Selangor adalah satu entiti baru sebuah XPV yang dibentuk oleh kerajaan negeri untuk kendalikan industri perkhidmatan air di negeri Selangor.

Dan berhubung tentang pegawai-pegawai MBI yang memilih untuk ditamatkan perkhidmatan mereka dan diberikan pampasan yang begitu lumayan. Kes ini sekarang sedang dalam proses perundangan. Pihak MBI telah pun (melalui peguam) telah memaklumkan kepada mereka yang berkenaan untuk membayar balik pampasan itu kepada kerajaan negeri. Oleh kerana tempoh berkenaan telah pun tamat dan mereka enggan melakukan demikian, maka MBI dalam proses untuk memulakan prosiding mahkamah dan mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang diberikan pampasan yang begitu tinggi kerana mengikut rekod yang ada ialah MBI pembayaran tersebut adalah bercanggah dengan proses dan tatacara kewangan yang diamalkan sebelum ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin merujuk kepada jawapan Y.A.B. Menteri Besar tadi yang katakan mungkin ambil masa 3 hingga 4 tahun untuk kukuhkan aset. Jadi, saya ingin bertanya sama ada ini adalah satu *time frame* (dengan izin) yang telah ditetapkan yang rujuk kepada soalan sebelum ini untuk penstrukturan



semula anak-anak syarikat di bawah MBI ini dan sama ada satu *task force* (dengan izin) telah dibentuk yang telah melantik konsultan dan siapakah mereka yang kalau ada dalam *task force* tersebut untuk kukuhkan penstrukturan semula termasuk aset-aset dalam di bawah MBI ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Speaker, satu soalan tambahan lagi. Ialah berkenaan dengan MBI mempunyai seorang CEO yer dan Dato' Menteri Besar sebagai Pengerusi sejauh manakah sokongan dan kerjasama akan diberikan oleh MBI bagi dikendalikan oleh ABBAS sebagai sebuah jawatankuasa. Maklumatnya pada yang terakhir kita jemput wakil-wakil daripada MBI yang datang CEO nya dengan penjelasan bahawa CEO ada urusan di bawah arahan Menteri Besar. Saya ingin penjelasan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:**Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, saya tidak pasti masa dan ketika apabila jawatankuasa ini memanggil pengurusan MBI, namun saya memberi jaminan MBI akan terus memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada mana-mana jawatankuasa dewan untuk memastikan sebarang maklumat yang diperlukan itu mestilah dikemukakan bagi menjamin ketelusan keterbukaan kebertanggungjawaban dalam pengurusan anak-anak syarikat di bawah MBI khususnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker Soalan 93

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARAIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KUALITI JALAN RAYA**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Selain daripada meningkatkan perbelanjaan penyelenggaraan jalan di bawah peruntukan MARRIS, apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kualiti pembaikan dan penurapan semula jalan raya?
- b) Adakah spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya akan ditingkatkan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker terima kasih kepada Bukit Gasing yang bertanya berkenaan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi kualiti pembaikan penurapan semula jalan-jalan raya dan untuk mengatasi permasalahan yang dibangkitkan itu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menggunakan satu yang kaedah yang baru iaitu menggunakan kaedah pengurusan HDM 4 ataupun *Highway Development and Management model Version 4* yang dibangunkan oleh World Bank sendiri sebagai asas ke arah mengujudkan satu sistem pengurusan asas jalan raya yang lebih sistematik dan strategik di mana menggunakan HDM 4 ini sebagai komputer *decision map tool* yang digunakan World Bank untuk menganalisa penambahbaikan jalan raya dalam jangka masa yang panjang. Berserta dengan unjuran kewangan kos pembaikan HDM 4 memerlukan data-data yang dikumpulkan daripada penilaian kejuruteraan melalui ujian-ujian yang menggunakan peralatan berteknologi tinggi seperti *Network survey Vehicle* dan juga *The Falling Weight Deflectometer* (FWD), dan daripada data-data ini kondisi, semasa sebuah jalan itu dapat ditentukan dan seterusnya HDM 4 menggunakan data-data penilaian kejuruteraan ini untuk menganalisa jenis rawatan atau pun penambahbaikan yang perlu dilakukan ke atas sesebuah jalan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan ujian kos pembaikan yang diperlukan. Kerajaan Selangor telah pun bersama melantik syarikat swasta untuk melakukan kerja-kerja kajian *pavement* dan juga program aset menyeluruh bagi semua jalan-jalan negeri di seluruh negeri Selangor, yang pada fasa ini daripada 3700 jalan-jalan yang di selenggara oleh JKR, fasa pertama telah pun diuruskan untuk program ini 1130km. Jadi diantara tujuan kajian ialah untuk mendapatkan menyelenggarakan bajet tahunan secara lebih efisien untuk penyelenggaraan dan pembaikan jalan menggunakan kaedah program pembaikan HDM yang disebutkan tadi. Ini satu perkara baru yang kita akan nantikan hasilnya nanti, supaya nanti penyelenggaraan yang kita lakukan jalan-jalan bukan lagi menunggu kepada aduan-aduan yang dibuat oleh orang ramai ataupun juga oleh Ahli Dewan Negeri tetapi ia lebih kepada preventif berdasarkan maklumat-maklumat data yang kita dapat daripada program-program yang kita sebutkan tadi. Seperti *Road Scanning* dan sebagainya. Itu antara itu yang pertama yang keduanya Program Latihan yang komprehensif kepada semua pegawai dan kakitangan teknikal termasuklah JKR, PBT, Pejabat Tanah dan Daerah, JPS sendiri yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang mana khusus ini dijalankan selama 4 hari. yang dengan kerjasama IKRAM mulai Disember 2014 dan diteruskan dalam tahun 2015. Program ini akan diteruskan sehingga semua pegawai dan kakitangan agensi pelaksana dilatih dan juga dikira sebagai terlatih. Dan pada tahun 2016 nanti program ini juga akan turut disertai oleh pihak kontraktor yang berdaftar dengan UPEN pihak pembekal dan juga pihak kuari. Jadi program bertujuan untuk memberikan kemahiran teknikal yang sebenar supaya kualiti pembinaan jalan dapat kita perolehi dan dapat kita pastikan bahawa agensi-agensinya pelaksana, termasuklah kontraktor, pembekal pihak kuari semuanya *aqupit* ataupun dilengkapi dengan latihan-latihan yang betul yang juga efektif dan berkesan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing dulu.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan pokok saya sebenarnya apa yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menambah baik cara kita *repair* cara kita membaiki jalan raya, jawapan yang diberi itu, cukup cantik dan *high tech* dengan izin tetapi jalan raya di kawasan Bukit Gasing di seluruh negeri Selangor masih lagi sangat berlubang. Jadi apakah jawapan daripada Yang Berhormat EXCO untuk mengatasi perkara itu sekarang? Dalam bulan ini dan bulan hadapan apakah yang akan dilakukan adakah *team* akan ditambah? Adakah bilangan kontraktor akan ditambah? Apa yang akan dilakukan untuk penyelia-penyelia untuk kita supaya kita boleh membaiki semua jalan berlubang ini dengan kadar yang cepat. Saya tahu *Roads Scanning* itu bagus, tapi ia akan mengambil masa yang panjang, untuk *long term* tapi untuk *short term* punya strategi?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing, berkaitan jalan-jalan yang mudah rosak pertamanya disebabkan oleh dari sudut amalan kerja penyelenggaraan dan penampalan jalan raya tidak dilaksanakan dengan cara yang betul. Oleh yang kita hasil daripada program latihan-latihan kita kenal pasti kita kenal pasti beberapa mungkin agensi-agensi pelaksana tidak menurut tidak menggunakan kaedah amalan yang tidak tepat, sebab itulah satu latihan komprehensif yang saya sebutkan tadi yang jangka masa panjang *Road Scanning* seperti yang saya sebut tadi yang dipersetujui oleh Bukit Gasing. Yang keduanya adalah latihan. Latihan ini semua agensi-agensi pelaksana yang di kumpul dalam tempoh 4 hari berikan kursus dan juga ada ujian di kalangan mereka juga ada keputusan ujian tersebut yang kita kenal pasti siapa yang lulus dan kenapa tidak lulus dan sebagainya. Kita kenal pasti selepas pada itu *correction* pembetulan telah pun dibuat sudah pastilah mereka yang telah pun melalui program ini keluar nanti dengan satu minda, satu pengalaman dan juga satu ilmu yang baru untuk memastikan bahawa cara kaedah amalan penampalan penyelenggaraan itu dapat dilakukan dengan baik. Itu yang pertama. Yang Kedua untuk pengetahuan juga seperti mana yang telah disebutkan dalam sidang ini juga bagaimana Kerajaan Negeri juga mengenal pasti beberapa teknologi-teknologi baru supaya kaedah-kaedah untuk penampal contohnya *pot hole* dan sebagainya sekarang ini yang kita lihat sebagaimana setelah ditampal dalam tempoh yang singkat oleh kerana musim cuaca yang tidak menentu menyebabkan dalam tempoh yang singkat sahaja *pot hole* itu berlaku kembali. Sebab itu kita berapa teknologi termasuklah juga teknologi-teknologi baru apa itu seperti *Cone Penet* yang ada unsur-unsur karbon yang mana tidak mudah alah dengan cuaca hujan dan sebagainya yang mana mempunyai 4 kali ganda daripada ketahanan dan sebagainya itu sedang diuji pasti kita memberikan harapan dengan adanya teknologi-teknologi baru ini dengan adanya kursus-khusus yang kita pastikan agensi-agensi pelaksana menjalankan dengan mengikut tata cara yang betul. Juga dengan bagaimana dengan perancangan jangka masa yang

panjang. *Road Scanner* yang kita lakukan itu, saya kira persoalan yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing itu dapat kita atasi.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker. Sebenarnya soalan tambahan saya tidak dijawab.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing. Tidak dijawab ok tanya semula

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Yang saya tanya ini, *pot hole* ini cukup banyak ada kita akan tambah bilangan kontraktor macam mana dengan penyelia sedia ada hari ini. Semua jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat EXCO tadi rancangan jangka masa yang panjang tapi sekarang dalam bulan April ini macam mana?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Gasing, saya kira dengan permasalahan dibangkitkan tadi dan telah pun dikongsi dalam Sidang Dewan ini bagaimana bajet tambahan telah diberikan kepada peringkat PBT begitu juga bagaimana penggunaan bajet-bajet MARRIS yang semuanya nanti kita akan pastikan di salur dan digunakan untuk baiki dan juga penyelenggaraan jalan. Saya kira itu sudah cukup untuk memberikan jaminan bagaimana nanti kita dapat mengatasi permasalahan ini. Katanya dari sudut Bukit Gasing menyebutkannya tadi, kalau ada aduan-aduan dan sebagainya *pot hole* ini sudah pastilah kita mintak PBT kalau jalan-jalan PBT kita mesti memastikan supaya *road* geng ataupun kumpulan-kumpulan untuk menampal jalan segera ini mampu turun dan pastikan bagaimana cara untuk membuat penyelenggaraan penampalan dan sebagainya mengikut tatacara yang betul yang kita melakukan koreksi itu dalam kursus-kursus yang kita laksanakan. Permasalahan-permasalahan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan, saya memang belum jawab soalan bagi Bukit Gasing tapi seperti yang kita tahu ada satu syarikat konsesi KPSHCM yang adalah diumumkan oleh kerajaan bahawa ia adalah untuk menyelesaikan lubang-lubang di Selangor di mana kita peruntukkan 35 juta untuk syarikat konsesi ini. Di manakah syarikat konsesi ini? Adakah dia telah menjalankan peranan dia sebagai syarikat konsesi untuk menyelesaikan masalah kita dan apakah perancangan untuk sama ada kita nak teruskan syarikat konsesi ini ataupun kita nak syarikat konsesi yang lain ataupun tambahkan kontrak-kontrak yang lebih kecil untuk menyelesaikan masalah ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih. Saya ingat kepastian daripada Bukit Gasing, sama ada saya telah menjawab ataupun tidak, sebab soalan masih belum jawab lagi dan soalan daripada Damasara Utama tadi kira lari daripada persoalan pokok berkenaan dengan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tidak, ini ialah untuk menyelesaikan lubang-lubang yang di jalan raya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ok, yang pertama berkenaan di peringkat di peringkat saya kata tadi jalan-jalan ada yang di bawah selia selenggara senggara di PBT ada yang di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk jalan-jalan negeri. Bagi PBT tadi seperti mana yang disebutkan tadi ada banyak yang telah pun disentuh berkenaan bajet-bajet tambahan dan ada juga di kalangan PBT-PBT yang telah pun menambah telah pun menambah bilangan-bilangan kontraktor dan juga proses pemantauan, saya sebutkan selepas daripada kursus-kursus dilaksanakan ini pemantauan itu di jalankan dengan lebih dengan lebih *detail* dengan cekap supaya cara tatacara menyelenggarakan dapat dijalankan dengan cara yang baik dan sudah pastilah saya sebutkan tadi jalan-jalan *pot hole* dan aduan sudah pasti akan di *attent* akan dilaksanakan oleh peringkat-peringkat PBT dengan cara yang baik. Saya sebutkan tadi tentang bagaimana projek perintis menggunakan teknologi-teknologi baru yang sedang giat dilaksanakan supaya nanti dengan itu permasalahan-permasalahan jalan-jalan berlubang *pot hole* yang sering kali kita tampal dan sering kali berlaku semula dapat kita atasi.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMAED TALHA:**Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMAED TALHA:**Kerosakan jalan bukan sahaja kerja yang mungkin tak berkualiti salah satu sebab adalah syarikat utiliti yang telah memotong jalan-jalan masih elok dan kerja penampalan yang ada yang tidak baik tidak apa itu tidak membuatnya seperti asal telah menimbulkan banyak masalah kepada penduduk. Adakah tindakan yang lebih tegas akan dikenakan terhadap syarikat-syarikat utiliti ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Taman Medan yang bertanya, sudah pastilah tanggungjawab itu dipulangkan kembali pihak utiliti supaya bila mana ada proses-proses pengorekan dan sebagainya. Mereka dalam julat masa yang tertentu sewajarnya mereka kembali kepada asal. pada masa yang hasil, tetapi apa yang berlaku seperti mana dibangkitkan oleh Taman Medan tidak seperti itu biasanya akan dihabiskan dari sudut kerja mereka itu dengan cara yang tidak sempurna dan sebab itulah ia Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMAED TALHA:**Mungkin tindakan yang boleh mencegah mereka untuk mengambil tindakan yang sesuka hati mereka, mereka memikir dua kali untuk memastikan ia kerja itu dikembalikan kepada asal. Tindakan yang mencegah.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Yang pertamanya dari sudut pemantauan di peringkat pihak-pihak berkuasa PBT dan juga JKR itu yang pertama. Yang keduanya di peringkat jawatankuasa pelaksana seperti JKR tidak teragak-agak sudah banyak kali kita menggunakan wang caruman deposit mereka untuk digunakan digunakan untuk memastikan bahawa proses kembali kepada asal dapat dilaksanakan dengan segera. Tapi yang penting dari sudut pemantauan ialah pemantau dan bilamana tidak berlaku kalau sebelum ini kita memang menghadapi masalah. Kita mintak supaya syarikat-syarikat utiliti ini supaya mereka menjalankan kerja dengan baik dan kembalikan kepada asal janji tidak dari sudut *punishment* kita menggunakan wang-wang caruman atau wang deposit mereka supaya kembali seperti kepada asal.

**Y.B. PUAN GAN PEN NEI:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Rawang:

**Y.B. PUAN GANPEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sekarang keadaan yang ada di tapak sekarang bahawa kita mempunyai banyak jenis jalan, jalan negeri, jalan JKR, jalan PBT, jalan kampung. Jadi ada tak kajian ini juga termasuk kita mengkaji supaya diletakkan di bawah satu agensi sahaja untuk memantau jalan-jalan ini supaya *public* dengan izin tahu siapa yang perlu di kemukakan dan senang untuk kita selesaikan masalah penjagaan jalan ini dengan segera tanpa melalui pelbagai agensi.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :**Terima kasih Rawang. Sebagai tambahan kepada Taman Medan tadi teguran juga kita buat di sinilah kadang-kadang kedapatan di kalangan syarikat-syarikat utiliti ini yang tidak pun memohon kebenaran daripada PBT dan juga pihak-pihak yang berwajib yang lain. Sebab itu teguran saya kira patut dibuat sudah pastilah dari sudut pemantauan dan juga dari sudut *inforcement* dan *punishment* dengan izin itu perlu kita tegaskan lagi. Cadangan daripada Rawang tadi satu cadangan yang baru yang saya kira boleh kita ambil sebagai satu cadangan yang baik untuk kita perhalusi dan melihat kepada permasalahan yang disebutkan tadi dan makna katanya di peringkat pengguna-pengguna tidak tahu jalan itu adalah merupakan jalan milik atau pun di kawal selia oleh siapa tapi bagi saya mana-mana agensi sekali pun yang menerima aduan dia akan sampai pada satu *one stop centre* yang akan disalurkan kembali kepada pihak-pihak yang berwajib.

**TUAN SPEAKER:**Ya Bukit Gasing.

Tadi di jawab pada PBT dia ada *road* gang di buat kerja tampalan, cuma kita nak kaji berapa macam mana kita nak ubah teknik macam mana kerja tampalan itu boleh bertahan. Tapi Yang Berhormat, bilangan *road* gang di setiap PBT ini tidak mencukupi dan di MBPJ hanya baru-baru ini ada usaha untuk meningkatkan

daripada satu hingga tiga *road* geng. Dan kawasan yang perlu dijaga ini sangatlah luas. Jadi bila aduan datang mereka tidak dapat membuat kerja tampalan dalam masa dua tiga hari atau *better staylah* dalam masa dua puluh empat jam daripada aduan diterima. Jadi untuk kita buat tampalan itu betullah SOP dia itu kena tingkat baik tapi untuk kita sampai ketapak untuk mengejar bilangan aduan yang cukup banyak ini saya rasa kena tambah kontraktor ataupun *road* geng itu dengan yang segera supaya dapat di masalah ini dapat di atasi dengan cepat. Dan saya juga perhatikan daripada soalan bertulis yang dijawab, JKR hanya ada sepuluh orang yang memantau semua jalan raya yang dipotong oleh utiliti itu hanya dalam satu pegawai satu daerah. So macam daerah ini yang cukup luas, Daerah Klang, Daerah Petaling, cukup luas, macam mana pegawai JKR ini dapat membantu, memantau semua pemotongan jalan seperti yang Taman Medan bangkitkan. Kalau pegawai yang memantau tidak mencukupi tidaklah dapat menangkap utiliti-utiliti ini. Jadi kerosakan jalan raya ini akhirnya kita yang tanggung.

**Y.B. TUAN ZAILY BIN ABDUL TALIB:**Ya terima kasih kepada yang pertama tadi berkenaan dengan cadangan itu kita akan selaraskan balik dengan EXCO PBT dan juga PBT-PBT yang disebutkan tadi dan saya pastilah kerisauan yang dibangkitkan tadi saya kira dapat menyentuh keprihatinan di kalangan PBT-PBT supaya melihat kembali dari sudut keberkesanan kecukupan tenaga kerja di peringkat pelaksanaan *roadgeng* dan sebagainya dan untuk tenaga kerja JKR itu tadi saya kira saya perlu melihat kembali dari sudut keberkesanan sepuluh orang yang di peringkat yang mungkin di peringkat daerah yang dimaksudkan tadi supaya kita dapat melihat kembali dari sudut keberkesanan dan sudah pastilah yang saya sebutkan tadi dari sudut pemantauan penguatkuasaan dan juga tindakan perlu diambil dengan tegas ke atas pihak utiliti-utiliti yang ada kedapatan di kalangan mereka yang langsung kadang-kadang tidak meminta kebenaran pun yang meminta kebenaran juga terkadang kala mereka menyempurnakan tugas dengan baik. Jadi pemantauan, tindakan dan juga hukuman perlu dilaksanakan dengan lebih tegas.

**TUAN SPEAKER:**Paya Jaras.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:**Tuan Speaker Peraturan Tetap 24 (2)

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya benarkan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Rawang. Tuan Speaker, dalam menguruskan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana kadar bantuan dari Tabung Bencana Khas Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- i) Yang pertama mangsa bencana tanah runtuh dan ribut adalah sebanyak lima ratus ringgit.

- ii) Yang Kedua mangsa kebakaran musnah keseluruhan lima ratus ringgit. Musnah sebahagian dua ratus lima puluh ringgit dan waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia sebanyak seribu ringgit.

Sehingga tahun 2015 Kerajaan Negeri Selangor masih bersetuju dengan kadar bantuan tersebut. Tabung Bencana Khas Negeri Selangor ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu kerja-kerja menyelamatkan dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya, membiayai bantuan kewangan bagi meringankan beban mangsa bencana, waris-waris mangsa dan mereka-mereka yang secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dengan bencana berkenaan. Seterusnya membiayai penyediaan makanan dan minuman kepada mangsa-mangsa bencana kecuali mangsa-mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan. Seterusnya membiayai penyediaan makanan dan minuman petugas yang terlibat sepanjang bencana tersebut. Kelima membuat *requitment* setiap tabung bencana daerah tertakluk kepada had siling ataupun amaun pusingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pentadbir dan lain-lain perbelanjaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah JPBBB setelah berunding dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri. Seterusnya di peringkat daerah, Kerajaan Negeri telah membenarkan satu akaun persendirian di buka dan di pegang bersama kad ATM atas nama Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah bagi memudahkan penyaluran bantuan kewangan kepada mangsa bencana dengan had pengeluaran sebanyak sepuluh ribu ringgit sehari. Kerajaan Negeri Selangor juga telah menyediakan pek makanan kering yang mengandungi barangan keperluan asas untuk diagih secara segera kepada mangsa-mangsa yang di timpa musibah.

c) Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor tiada sebarang perancangan untuk membuat kajian semula berkenaan dengan menaikkan nilai bantuan memandangkan mangsa-mangsa yang terlibat bencana turut menerima bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan lain-lain yang berkaitan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:**Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:**Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:**Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada contohnya kalau pembaikan bumbung dan sebagainya yang terlibat dalam ribut itu juga boleh dimohon melalui tabung bencana alam ini dan kedua ada tak apakah siling-siling yang ditetapkan oleh setiap Pejabat Daerah Gombak itu kalau ikut tabung bencana alam yang dikatakan ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Rawang. Untuk seperti kes sekiranya berlaku ribut dan terbang bumbung sesebuah rumah ya, Pejabat Daerah memperuntukkan sejumlah kewangan sumbangan kewangan sejumlah maksima



adalah lima ratus ringgit dan yang lainnya adalah mungkin melalui JKM ataupun daripada Lembaga Zakat Selangor.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:**Saya memohon sedikit penjelasan, sebab soalan saya sebenarnya bukan kepada mangsa, tetapi kalau nya sekiranya, ambil contoh di kawasan saya ada satu flat kos rendah yang mana bumbung atap itu yang terbang, memang bantuan diberikan kepada mangsa lima ratus itu, tetapi untuk kos pembaikan bumbung itu untuk ganti balik tu. Macam mana boleh kita juga dapat peruntukan menggunakan tabung bencana alam ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Rawang, seperti yang berlaku di Pandamaran yang lepas apabila bumbung flat bangunan itu diterbangkan oleh ribut maka Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan daripada tabung bencana khas ini untuk membaik pulih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:**Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:**Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:**Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin pada pihak EXCO apakah ada satu KPI masa bertindak atau pun respons *time* untuk isu-isu bencana. Kadang-kadang kita tengok tidak konsisten ya, ada yang lambat ada yang, yang sebenarnya usaha-usaha yang dibuat oleh pimpinan-pimpinan kawasan seperti JKKK dan sebagainya untuk memastikan mangsa-mangsa ini diselamatkan dengan lebih cepat. Jadi soalan saya apakah KPI jika sesuatu bencana itu berlaku untuk semua agensi Yang Berhormat EXCO jawab tadi untuk masuk dan memberikan bantuan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Batu Tiga. Di pihak Pejabat Daerah satu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah telah pun di tubuhkan yang mana ianya akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, Ketua Polis Daerah, Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah, Pegawai Kesihatan Daerah, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Pegawai Jabatan Alam Sekitar Daerah dan beberapa lagi agensi-agensi yang terlibat juga termasuk Penghulu dan Ketua Kampong. Jadi sekiranya berlaku sesuatu bencana sama ada kebakaran atau ribut dan menerbangkan bumbung maka mereka-mereka ini akan diberikan maklumat dan akan segera turuk ke kawasan ke lokasi untuk membantu atau pun mendapatkan laporan-laporan tersebut dan jawatankuasa pengurusan bencana daerah ini akan bermesyuarat dan akan memberikan bantuan-bantuan tersebut.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:**Soalan saya belum di jawab dengan sepenuhnya. Apakah ada satu KPI *time frame* ataupun respons *times* untuk bencana-bencana yang berlaku sebab kadang kala ianya mengambil masa dua puluh empat jam atau lebih ya untuk semua bantuan-bantuan ini diberikan dan lebih

*even worst* ya lebih teruk lagi kadang-kadang ianya langsung tak datang ya berkali-kali kita maklumkan barulah ada tindakan daripada agensi yang telah Yang Berhormat EXCO jawab tadi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Batu Tiga. Buat masa ini kita belum ada KPI respons *time* mungkin ini adalah satu cadangan yang baik yang kita akan teliti dan perhalusi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:**Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 95. Kalau mengikut EXCO semalam dia sudah jawab soalan saya tapi saya belum dapat jawapan bahagian ( b )

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA NBINTI MOHAMED TALHA  
(N 33 TAMAN MEDAN )**

**TAJUK: MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana strategi 1 dalam Belanjawan 2015, membesarkan lapisan kelas menengah melalui program HIJRAH mampu membasmi kemiskinan serta meningkatkan pendapatan?
- b) Apakah peratusan lapisan kelas menengah yang ingin dicapai serta ukuran yang digunakan keluar daripada kemiskinan

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:**Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Untuk bahagian (b) kadar kemiskinan yang ditunjukkan dengan mendapatkan peratusan bilangan masyarakat yang miskin daripada keseluruhan penduduk atau isi rumah yang dikaji, garis pemisah bagi membezakan di antara yang golongan miskin dan tidak miskin dikenali sebagai pendapatan garis kemiskinan. Sesebuah isi rumah ada lah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada paras garis kemiskinan iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan alamak, minta maaf ya, yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat. Justeru itu paras garis kemiskinan yang digunakan sebagai ukuran bagi menentukan atau menetapkan golongan miskin dan tidak miskin.

Paras Garis Kemiskinan peringkat nasional bagi tahun 2012 bagi Semenanjung Malaysia yang telah ditetapkan untuk kategori miskin adalah berjumlah RM830.00 seisi rumah. Walau bagaimana pun sebagai negeri termaju, Negeri Selangor tidak boleh menggunakan paras garis kemiskinan nasional. Dengan itu pada tahun 2009 Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju dan memutuskan supaya paras garis kemiskinan Negeri Selangor dinaikkan ke paras yang realistik dan bertanggungjawab iaitu RM1,500.00. Menurut kriteria ini tiga puluh peratus daripada penduduk Selangor berada di bawah paras garis kemiskinan. Melalui program HIJRAH Selangor, Yayasan Dar Al-Hasan Selangor telah merangka satu sasaran yang merangkumi 56,000 peserta menjelang tahun 2017 iaitu lebih kurang 3.5% daripada jumlah rakyat miskin Selangor. Di mana golongan ini akan diwakili oleh 1,000 orang peserta dari setiap DUN di Selangor. Ukuran utama yang akan digunakan bagi menentukan kejayaan program adalah peningkatan pendapatan peserta sekali ganda berbanding sebelum menyerta program HIJRAH Selangor.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang Berhormat EXCO masih belum menjawab berapakah peratusan yang menjadi sasaran daripada pendapatan rendah kepada pendapatan pertengahan menengah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** EXCO masih belum jawab berapakah peratusan yang menjadi sasaran daripada pendapatan rendah kepada pendapatan pertengahan menengah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan seperti yang saya telah menyatakan daripada yang telah diberitahu ya apa yang telah disasarkan melalui program Hijrah keseluruhannya 56,000 peserta daripada 56 DUN. Bermaksud lebih kurang daripada orang miskin daripada tadi 30% daripada 5 juta tu kita sasarkan 3.5%. Itu yang sasaran kita.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya ingin bertanya pada pihak EXCO, mengikut paras garis kemiskinan yang telah dinyatakan apakah EXCO sedar bahawa kita Kerajaan Selangor telah pun meletakkan RM1,500.00 itu sebagai paras kemiskinan tetapi ianya masih belum diselaraskan dengan agensi-agensinya yang terutamanya memberi bantuan-bantuan seperti bantuan orang tua, kanak-kanak dan sebagainya khususnya JKM. Jadi apakah usaha Kerajaan untuk memastikan

supaya keselarasan ini berlaku supaya bantuan-bantuan itu juga mengambil kira minima RM1,500.00 pendapatan rakyat.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga. Saya memang akui bahawa penyelarasan secara holistik masih belum dilakukan tapi dalam pada *STANDCO-STANDCO* di bawah kemiskinan memang kita gunakan paras kemiskinan adalah 1,500. Saya juga difahamkan ada soalan daripada Yang Berhormat Kajang kepada EXCO Kebajikan berkenaan tentang paras garis kemiskinan untuk Jabatan Kebajikan. Saya percaya nanti YB, Yang Berhormat daripada Sementa akan menjawab soalan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Speaker 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: BELIA LUAR BANDAR**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan kelompok belia luar bandar tidak tersisih dari pembangunan yang dilaksanakan?
- b) Apakah kaedah yang dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi mengekang penghijrahan belia luar bandar ke bandar?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sungai Panjang atas soalan yang telah dikemukakan dan kita telah merangka beberapa program untuk memastikan kelompok luar bandar tidak tersisih daripada arus pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui program-program berikut:-

1. Kerajaan Negeri merancang untuk menjalankan program 1 Daerah 1 Inkubator untuk memberi peluang kepada belia bagi memulakan perniagaan dengan bantuan modal dan tempat bekerja. Urus setia ini dilakukan oleh Pembangunan Luar Bandar melalui Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor.
2. Kerajaan Negeri bekerjasama dengan IKRAM untuk melaksanakan Program Kursus Kemahiran Belia Desa yang telah dijalankan pada tahun 2014. Ini juga diselenggarakan oleh PLB.
3. Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan INSPENS untuk memberi latihan seperti dalam bidang kecantikan, automatif, pendedahan rambut, elektrik, elektronik, motosikal,

sistem komputer dan penyaman udara. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga mengadakan program-program seperti SPIES yang akan ditukarkan dari segi namanya tapi meneruskan pembangunan modal insan untuk menonjolkan aspek-aspek kepimpinan belia.

4. Menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khusus untuk memberikan pendedahan kepada usahawan kepada golongan belia iaitu
  - i. Kursus Asas keusahawanan;
  - ii. Kursus Pemasaran;
  - iii. Kursus Pengurusan Kewangan; dan
  - iv. Kursus Rancangan Perniagaan
  - v. Program Jom Kerja berbentuk Karnival yang diadakan di semua daerah di Negeri Selangor. Selain itu pemohon-pemohon diberikan pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temu duga dilaksanakan.
  - vi. Program Jom Kerja berbentuk Kursus Belia Berkualiti menjadi satu platform kepada para peserta untuk bertemu dengan bakal majikan untuk mencari peluang pekerjaan.

Bagi jawapan b, kaedah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengekang penghijrahan belia ke luar bandar adalah melalui langkah-langkah seperti mana yang berikut:-

1. Sektor pertanian dimajukan dengan memberikan bantuan kewangan, bantuan nasihat dan menyatukan kawasan tanah pertanian yang sempit dalam konsep pertanian bersepadu. Kaedah moden diperkenalkan seperti menggalakkan penggunaan bijih benih yang bermutu tinggi, penggunaan jentera, baja organik, racun serangga supaya hasil pengeluaran dapat dipertingkatkan. Di samping itu, pihak Kerajaan juga memperbaiki kemudahan infra di luar bandar. Bekalan elektrik, air, kemudahan perhubungan pengangkutan dibina dengan sistematik dilaksanakan di luar bandar. Dengan kemajuan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, maka mereka tidak akan berhijrah dengan tarikan yang ada di kawasan *urban* atau pun kawasan bandar.
2. Sektor industri desa juga perlu dimajukan seperti industri memproses hasil pertanian, industri kraf tangan dan industri makanan untuk memajukan kawasan luar bandar. Usaha-usaha memodenkan ekonomi luar bandar dibantu dengan pinjaman kewangan Kerajaan Negeri serta khidmat nasihat daripada badan-badan tertentu.

Kesimpulannya saya menjawab soalan ini, saya terpaksa rujuk rakan-rakan EXCO lain sebab soalan ini dia *transit dental* dengan izin EXCO-EXCO yang lain. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Saya merujuk kepada soalan saya yang a tu bagaimana dengan keberkesanan kejayaan terhadap program-program yang telah dikemukakan ok disebut di situ sebahagian daripada program-program yang dilaksanakan dan yang b itu sendiri bagaimana Yang Berhormat EXCO boleh menjawab dengan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar itu boleh mengawal proses urbanisasi itu tersebut sebab pada saya proses urbanisasi ni suatu yang tidak dapat kita kawal. Mohon Penjelasan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Kalau dilihat daripada pembangunan memang sebagaimana yang saya jelaskan ketika penggugungan yang lalu proses penghijrahan masyarakat ke kawasan bandar ini terutamanya di kalangan anak muda ini adalah perkara yang lumrah. Yang pertama kerana pendidikan dan yang kedua atas tarikan pekerjaan dan kalau diukur daripada kadar kejayaan itu saya kira kadarnya masih lagi rendah lah. Kadarnya masih lagi rendah sebab kegagalan kita untuk melahirkan ataupun meletakkan infra-infra yang secukupnya di kawasan-kawasan luar bandar daripada segi tarikan-tarikan khususnya dalam bidang pendidikan. Kerajaan Negeri hanya mampu membina satu universiti di luar bandar di kawasan agak terpencil iaitu Universiti Selangor sebelum ini dan juga INSPENS juga di Kuala Selangor. Ini adalah contoh-contoh bagaimana kita membangunkan ataupun meletakkan institusi-institusi yang strategik di kawasan luar bandar supaya anak-anak yang berlaku di luar bandar itu dapat terus tinggal di sana dan meneruskan kerjaya mereka.

Untuk jawapan b, proses urbanisasi akan berlaku secara berterusan namun begitu maksud saya ialah sektor pertanian yang menjadi asas kepada beberapa daerah di negeri Selangor seperti di kawasan utara Selangor itu, kita teruskan di Sekinchan dan sebagainya namun begitu kita terapkan aspek *modern farming* ataupun pertanian moden. Hah ini dah masuk EXCO Pertanian pulak saya nak jawab dan *modern farming* dan sebagainya yang bagaimana kita kekalkan cara kerja yang lebih sistematik tetapi mampu untuk mengekalkan mereka-mereka dengan bekerja dengan pendapatan yang boleh dibandingkan setara dengan kawasan bandar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, soalan 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan MBI untuk membangunkan jumlah keluasan 5,000 ekar tanah secara usaha sama dengan pemaju-pemaju swasta seperti yang dilaporkan di The Edge (2 Mac 2015)
- b) Sila nyatakan sebab-sebab keputusan ini dibuat.
- c) Sila huraikan rancangan ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama yang ingin mendapat penjelasan tentang cadangan untuk mengadakan usaha sama di antara MBI dan pemaju-pemaju swasta untuk membangunkan tanah-tanah milik MBI.

Untuk makluman yang terhormat strategi untuk menjalinkan usaha sama bersama pemaju tanah swasta yang berwibawa dan menepati dasar ketelusan dan keterbukaan Kerajaan Negeri adalah wahana ataupun *vehicle* bagi mengurus aset-aset Kerajaan Negeri. Langkah ini dilihat sebagai strategi simbiosis di mana ia bukan merupakan langkah Kerajaan Negeri untuk bersaing secara terus bersama pihak pemaju swasta atau terlibat dengan perniagaan.

Melalui pengurusan baru MBI, strategi pengurusan aset hartanah Negeri Selangor akan merangkumi dua aspek yang penting. Yang Pertama, bertindak sebagai entiti pelaburan strategik Kerajaan Negeri yang akan menjadi pemacu dan pemangkin untuk meningkatkan kadar produktiviti aset dan memperkembangkan pembangunan modal insan dan yang kedua, untuk memastikan Negeri Selangor mendapat pulangan yang wajar dan tidak hanya bergantung kepada pulangan premium dan cukai tanah di mana hasilnya adalah terhad. Jika dibandingkan dengan pulangan kepada pemaju secara keseluruhannya.

Aset hartanah berjumlah 5,000 ekar yang diberi milikan oleh Kerajaan Negeri kepada MBI akan diuruskan dan diusahakan secara strategik bersama pemaju-pemaju swasta. Usaha sama ini merupakan satu langkah yang akan memberikan impak *win-win situation* kepada kedua-dua pihak di mana jalinan ini akan mengimbangi ekosistem industri hartanah di Negeri Selangor dan ia bukan merupakan persaingan entiti Kerajaan Negeri bersama pihak swasta.

Strategi yang akan diterapkan adalah berlandaskan konsep *supply change contract* di mana MBI dan pihak pemaju swasta akan bersama-sama melalui proses urusan pembangunan hartanah ini dengan lebih berkesan dan dinamik. Ia juga akan

memastikan hasil kewangan dan bukan kewangan kepada Kerajaan Negeri lebih terjamin dan selamat.

Selain itu, entiti Kerajaan Negeri ini bersama pihak pemaju swasta akan memastikan ekosistem urusan hartanah ini dilindungi dan diimbangi di mana melibatkan penguatkuasaan, pembekal, pembeli dan *stakeholder* yang lain di dalam industri ini.

Di dalam merencanakan agenda urusan usaha sama ini selaras dengan ketelusan dan keterbukaan Kerajaan Negeri di dalam menguruskan aset-aset ini, strategi pertama yang akan dilaksanakan adalah menerapkan unsur tadbir urus korporat ataupun *corporate governance* di dalam proses pelaburan entiti Kerajaan Negeri.

Di dalam aspek pengurusan hartanah 5,000 ekar ini, proses *request for information* (RFI) akan dijalankan terlebih dahulu di mana MBI akan mengumpul segala maklumat analisa keupayaan pemaju-pemaju bagi rujukan strategi untuk menguruskan aset-aset hartanah yang terlibat. Apabila ini dikenal pasti pihak pemaju yang terlibat akan diminta untuk menghasilkan RFP iaitu *request for proposal*. Didalam proses ini, pihak pemaju yang menepati strategi dan pembangunan yang dirancang akan dipilih sebagai rakan usaha sama MBI. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Apakah kaedah pelaksanaan usaha sama di antara syarikat swasta dengan anak syarikat kerajaan negeri Selangor, di mana kami contohnya di peringkat DUN. Beberapa syarikat datang *approach* minta sokongan dan sebagainya. Adakah amalan sokongan ADUN terhadap *proposal joint venture* dengan izin projek-projek pembangunan digalakkan ataupun ada panduan tertentu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya, pandangan daripada Yang Berhormat yang mewakili kawasan yang berkenaan boleh dimajukan kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga MBI tetapi sekali lagi dalam urusan hartanah ini kita ada beberapa terma dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk memastikan yang saya sebutkan tadi prinsip ketelusan, keterbukaan dan kebertanggungjawaban di antara pemilik tanah yang berkenaan iaitu MBI dengan pemaju yang akan membangunkan tanah yang berkenaan dan yang keduanya untuk memastikan ianya akan memberikan pulangan yang adil dan baik kepada Kerajaan Negeri.

Prinsip yang kedua, saya telah tegaskan tadi Kerajaan Negeri pada prinsipnya tidak akan terlibat didalam perniagaan tetapi kita akan tumpu kepada projek-projek strategik untuk melindungi kepentingan rakyat sebagai contoh, pembinaan rumah mampu milik ramai pemaju-pemaju hartanah swasta yang tidak berminat untuk membangunkan rumah kos rendah dan rumah mampu milik kerana keuntungannya



terlalu kecil. Maka sekali lagi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk mewujudkan kerjasama ini, *smart partnership* dengan pemaju swasta dan meminta mereka untuk mendukung dasar-dasar Kerajaan Negeri bagi menjamin penyediaan rumah mampu milik bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Itu antara contoh, yang Kerajaan Negeri berikan untuk memastikan tanah-tanah ini akan dibangunkan bagi tujuan yang strategik yang dapat menjamin pulangan kepada Kerajaan Negeri dan melindungi kepentingan rakyat di Negeri Selangor.

Soalan Tambahan (suara beramai-ramai serentak).

**TUAN SPEAKER:** Kinrara dahulu.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji kaedah open tender supaya Kerajaan Negeri akan dapat pulangan yang maksimum. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Ya, cadangan Yang Berhormat Kinrara itu memang salah satu dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri pada ketika ini khususnya untuk memastikan sekali lagi pulangan kepada Kerajaan Negeri itu adil dan dapat menjamin satu projek yang melindungi kepentingan rakyat.

Saya dengar perbincangan Yang Berhormat Damansara Utama sebelum ini, apakah dengan usaha sama ini memperlihatkan *return on investment* ataupun ROI dan ROE itu jauh lebih rendah daripada sepatutnya.

Saya mengakui ada beberapa usaha sama ini gagal dan tidak dapat menjamin pulangan yang tinggi tetapi saya juga boleh memberikan banyak contoh-contoh yang menunjukkan ROI dan ROE kita itu agak besar sekiranya kita mematuhi kepada syarat-syarat tadi termasuk tender terbuka bagi memastikan mereka yang membida tanah-tanah Kerajaan itu dapat memberikan harga yang adil dan pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kita juga tidak lagi mengamalkan usaha sama seperti amalan yang sebelum ini, mengadakan JV 30%, 70% dan kita menjadi *sleeping partner* kepada syarikat-syarikat besar. Akhirnya kita hanya mengutip keuntungan yang diumumkan oleh syarikat berkenaan. Mereka boleh menggunakan pelbagai cara untuk menurunkan jumlah keuntungan sebenar syarikat tersebut. Sebab itu sekarang, kita beralih selain daripada *profit sharing* kita juga menentukan prinsip dan kaedah GDV itu, GDV itu diperketatkan supaya setiap usaha sama di atas tanah tersebut mesti melibatkan Kerajaan Negeri. Jadi setiap keuntungan ataupun dari segi plot rasionya, dari segi ciri pembangunan dan jenis pembangunan itu Kerajaan Negeri ada pulangan di atas setiap bentuk pembangunan di atas tanah tersebut. Jadi kaedah

dan prinsip GDV ini amat penting untuk menjamin pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri.

Soalan tambahan. (suara beramai-ramai).

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Saya ingin tanya adakah 5 ribu ekar tanah ini, tanah yang diambil daripada GLC lain ataupun tanah *new alienation* daripada tanah Kerajaan Negeri kepada MBI? Dan di manakah 5 ribu ekar ini? Adakah dia di daerah mana di Negeri Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Ianya dalam bentuk pelbagai, pelbagai ada yang baru di *alienate* kepada MBI. Ada yang diserahkan kepada apa ni syarikat Setiausaha Kerajaan Negeri yang sebelum ini dan di daerah mana perincian ni saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Speaker kalau boleh saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Bukit Gasing mengikut daerah dan juga jenis tanah sama ada ianya diberikan milikan terus kepada MBI ataupun melalui anak syarikat yang lain kerana kepelbagaian itu agak, agak, agak panjang dan *detail*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sebab kita nampak cara JV yang selama ini adalah dengan Kerajaan Negeri menyumbangkan tanah dan JV *partner* itu dengan izin mereka bangunkan dan sebagainya. Jadi ada tak cara lain sebenarnya bentuk JV yang kita adakan. Maksudnya mungkin dari perkongsian teknologi dan sebagainya. Selain kita sebagai *land contributor* dengan izin.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, amalan *profit sharing* ini sudah tentulah tidak memberikan pulangan dan keuntungan kepada Kerajaan Negeri. Sementara kita memberikan aset tanah untuk memajukan pembangunan tersebut tetapi pulangannya maksimum sebelum ini adalah 30% dan kita hanya menjadi sebagai *sleeping partner*. Maka kaedah yang juga kita perkenalkan sekarang ini ialah untuk memastikan G.D.V. itu, *Gross Development Value* dalam pembangunan itu dapat juga dikongsi oleh Kerajaan Negeri. Semalam saya telah bincang panjang dalam Dewan tentang tindakan yang kita ambil terhadap Tropicana dalam isu Kernel City di mana selain daripada *profit sharing* kita juga telah menaikkan G.D.V. daripada 5% kepada 9%. Dan ini memastikan pulangan kepada Kerajaan Negeri tu dapat dijamin bagi setiap tahun secara progresif dan bukannya *bullet payment* seperti yang diamalkan sebelum ini.

Yang ketiganya tentang *transfer technology* ataupun apa ni kemahiran. Ini juga dilakukan dalam beberapa usaha sama yang dijalankan sebelum ini. Sebagai contoh ada usaha sama di antara PKNS dengan syarikat swasta yang lain. Beberapa pegawai kanan PKNS kita buat *securements* kepada pemaju-pemaju swasta tersebut supaya mereka bukan sahaja mendapat kemahiran dan ilmu tetapi mereka terlibat secara langsung dalam pembangunan tersebut dan bukan menjadi *sleeping partner* yang menjadi amalan sebelum ini. Jadi apabila berakhirnya projek tersebut, kita mempunyai pegawai yang telah terlatih mempunyai kemahiran teknologi dan mempunyai *networking* yang lebih luas untuk memajukan projek dimasa yang akan datang.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Memang saya mengalu-alukan keputusan kerajaan tidak melibatkan diri dalam perniagaan biasa tapi dalam usaha strategik. Tapi apa yang saya khuatir adalah memang yang membimbangkan adalah lebih kepada kontrak usaha sama itu. Kita sering dapat *lobsider contract* yang kita dengan GLC, dengan *private company*. So, soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ataupun MBI untuk mengelakkan *lobsider contract*, JV dan kedua adakah kita ada rancangan untuk menambahkan pakar-pakar undangan dalam MBI ataupun korporat dalam MBI supaya kontrak itu adalah baik?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama. Ini satu perkara yang amat penting untuk kita bincangkan di peringkat Dewan dan juga Kerajaan Negeri. Saya amat bersetuju bahawa banyak perjanjian usaha sama sebelum ini adalah *lobsided* dan tidak memberikan tidak berpihak kepada Kerajaan Negeri khususnya tetapi kita juga harus ingat sebahagian besar daripada perjanjian-perjanjian ini ditandatangani sebelum tahun 2008. Dan kita terpaksa mewarisi usaha sama yang *lobsided* ini dan ianya memberikan kerugian besar kepada Kerajaan Negeri. Saya beri 1 contoh sekali lagi semalam tentang Kernal City. Walaupun usaha sama ini telah ditandatangani lebih awal, tetapi pengurusan MBI yang baru yang terdiri daripada kalangan profesional telah dapat mengesan dan menyemak dan meneliti semula kandungan perjanjian tersebut dan akhirnya kita terpaksa buat pindaan-pindaan yang dapat menjamin kepentingan Kerajaan Negeri dan melindungi anak syarikat Kerajaan Negeri. Ini sebagai satu contoh tetapi terlalu banyak usaha sama yang, yang telah ditandatangani sebelum ini yang memerlukan satu usaha untuk menyemak. Dan sebahagiannya telah pun berada di dalam Mahkamah. Ini juga menimbulkan masalah kerana bila ada pertikaian di dalam Mahkamah maka kita kena tunggu sehingga Mahkamah membuat keputusan dan sebahagian besar daripada kes-kes yang dibawa ke Mahkamah itu tidak berpihak kepada Kerajaan Negeri. Maka saya bersetuju supaya

ada satu pasukan di dalam MBI yang mahir dalam menggubal draf perjanjian. Tidak seperti wakil daripada Pejabat Peguam Negara sebab perjanjian air pun mereka silap banyak ya. Jadi kita cari golongan profesional yang benar-benar mahir untuk memastikan setiap terma dalam perjanjian itu dapat melindungi kepentingan Kerajaan Negeri. Akhirnya saya nak menyatakan oleh kerana pengurusan MBI yang baru ini di kalangan profesional ini, saya nak memberikan mesej yang cukup penting. MBI tidak boleh diuruskan oleh mereka yang di kalangan orang politik seperti apa yang diamalkan sebelum ini ya. Saya mahu MBI diuruskan dan ditadbir dengan baik, amanah, berintegriti dan saya yakin dengan pengurusan yang baru ini yang terdiri daripada golongan profesional dapat membantu Kerajaan Negeri untuk melihat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Damansara Utama tadi supaya semua perjanjian usaha sama selepas ini mesti memastikan tidak *lobsided*, menjamin kepentingan negeri dan melindungi kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK: PENGGUNAAN TANAH T.O.L UNTUK MENJANA PENDAPATAN  
PENDUDUK**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan tertentu untuk membantu golongan marhaen menjana pendapatan tambahan dengan menggunakan tanah T.O.L. untuk jangka masa pendek?
- b) Apakah sudah ada *task force* mengkaji penggunaan optima tanah T.O.L.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Selat Klang yang ingin mendapat maklumat tentang tanah-tanah T.O.L bagi menjana pendapatan penduduk di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, berkuat kuasa mulai 8 Ogos 2012, Pihak Berkuasa Negeri telah memutuskan supaya permohonan Lesen Pendudukan Sementara atau T.O.L bagi tanah rizab kerajaan ditolak secara *summary rejection*. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mengeluarkan lesen T.O.L ke atas tanah-tanah Kerajaan yang terbiar dan bersesuaian bagi tujuan pertanian kepada golongan belia.

Melalui pengeluaran T.O.L tersebut Kerajaan Negeri dapat menggalakkan para belia untuk menceburi bidang pertanian dengan aktiviti bercucuk tanaman sayuran, ubi dan tanaman kontan serta tanaman sementara. Pengeluaran T.O.L ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada golongan belia dan marhaen atau rakyat yang berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan harian mereka.

Seperti yang telah saya umumkan semalam ketika sesi penggulungan, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bil. 2/2015 pada 27 Mac 2015 yang baru lalu telah membincangkan semula perkara ini dan hasil keputusan Mesyuarat bersetuju supaya pengeluaran LPS atau T.O.L atas tanah rizab Kerajaan dibenarkan bagi lima tujuan.

1. Tanaman Kontan.
2. Tempat Letak Kereta.
3. Tapak Semaian Pokok Hiasan ataupun *Nursery*.
4. Papan Iklan ataupun *Billboard* dan
5. Pondok Pengawal.

Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri juga sedang menimbang untuk mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara ataupun T.O.L ini ke atas tanah-tanah Kerajaan yang terbiar bagi tujuan pertanian seperti yang saya nyatakan tadi dan pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor sedang dalam proses mendapatkan data dan statistik yang berkaitan di semua Pejabat Daerah sebelum ianya dilaksanakan sepenuhnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:**Terima kasih, Tuan Speaker.  
Soalan 99.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PERSIAPAN MENGHADAPI BANJIR**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana pelan tindakan oleh Agensi-agensi Kerajaan dalam persediaan andai kata berlakunya banjir-banjir kilat dan banjir besar.
- b) Adakah terdapat kajian menyeluruh terhadap sistem perparitan/saliran di Selangor dan keupayaannya menampung dan menyalirkan air ketika hujan? Nyatakan kajian tersebut.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:**Tuan Speaker, terima kasih kepada Taman Medan yang bertanya berkenaan dengan pelan tindakan oleh Agensi-agensi Kerajaan dalam persediaan andai kata berlakunya banjir.

Untuk pengurusan andai kata berlakunya banjir ini di peringkat Negeri Selangor kita ada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri yang mana di situ ada agensi-agensi yang dilibatkan di peringkat negeri dan juga ianya juga ada di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah itu sendiri dan mengikut arahan 20 Majlis Keselamatan Negeri di sana dia sudah ada yang dibacakan sekali dengan Peraturan Tetap Operasi dan Tindak Balas Menghadapi Bencana Banjir ini sudah ada dia punya SOP, prosedur-prosedur yang perlu diikuti peringkat sebelum berlakunya banjir antaranya seperti sistem amaran awal dan juga pemantauan bencana seperti pemantauan cuaca oleh Jabatan Metrologi, pemantauan paras air sungai oleh JPS. Begitu juga dengan persediaan Logistik dan Bekalan termasuklah stok bekalan makanan oleh JKM. Kebolehan operasian aset agensi sendiri oleh Jabatan Pengurusan Bencana Negeri begitu juga dengan kelengkapan-kelengkapan yang lain dan termasuk juga pusat pemindahan dan pelbagai lagi sebenarnya yang telahpun digariskan dalam Peraturan Tetap Operasi tindak balas menghadapi bencana banjir ini dan mungkin detail ini saya akan sediakan untuk tatapan ataupun rujukan Taman Medan nanti. Semasa sebelum berlakunya banjir peringkat semasa kejadian banjir dan selepas berlakunya banjir.

Bagi soalan yang kedua, berkenaan dengan kajian menyeluruh terhadap sistem perparitan dan saliran di Selangor dan keupayaannya menampung dan menyalirkan air ketika hujan ini masih lagi belum diadakan untuk peringkat keseluruhan negeri Selangor. Walau bagaimanapun sudah ada kajian pelan induk saliran yang pernah dibuat antaranya kajian pelan induk saliran Bandar Klang, kajian pelan induk saliran Seri Kembangan, kajian pelan induk saliran Banting dan kajian pelan induk saliran MSC dan seperti mana yang dinyatakan sebelum ini dari sudut kajian dan kajian ini akan dibincangkan terperinci dalam *task force* tebatan banjir untuk kita memberikan pengesyoran kepada Kerajaan Negeri untuk melakukan kajian pelan induk saliran sekiranya diperlukan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:**Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:**Apakah halangan untuk Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan kajian saliran ataupun perparitan di daerah ataupun kawasan seliaan mereka kerana ini tidak menyelesaikan selagi tidak ada kajian tidak dapat menyelesaikan masalah banjir di PBT-PBT. Apakah halangan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BINTI ABDUL TALIB:** Di peringkat PBT tu saya kira wajar disentuh dan akan dijawab oleh EXCO PBT tu sendiri kemudian nanti. Dan walau bagaimanapun cadangan-cadangan itu di peringkat PBT baik ataupun di peringkat-peringkat yang lain, kajian itu mereka akan panjangkan ke peringkat sama ada dilaksanakan di peringkat PBT ataupun dilaksana, disyorkan di peringkat Kerajaan Negeri. Khususnya saya pasti kalau persoalan apakah halangan yang terbesarnya adalah bajet kerana ia merupakan bajet yang besar. Sudah pastilah dengan adanya yang antara usaha yang boleh membantunya adalah *Task Force* tebatan banjir yang kita akan duduk menilai, memikirkan secara lebih menyeluruh. Dan kita, bila kita mencapai kata sepakat bahawa 1 kajian menyeluruh perlu dilaksanakan mengikut prioriti, maka sudah pastilah syor akan dilakukan oleh *Task Force* tebatan banjir supaya diadakan satu kajian yang khusus di satu-satu tempat itu.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Masa telah mencukupi. Saya tak boleh benarkan soalan tambahan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### III. USUL

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul No.1 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa 1 usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatan Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan *Special Select Committee On Competent Accountability and Transparency (SELCAT)*. SELCAT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun, Bilangan 1, Bilangan 3 Tahun 2015.

Tuan Speaker, seperti apa yang kita maklum, Jawatankuasa SELCAT telah membentangkan 1 penyata berkenaan dengan 1 pendengaran awam terbuka, pendengaran terbuka yang dikendalikan oleh SELCAT pada 27 Januari 2015

berkaitan untuk menyiasat keberkesanan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat 2011. Kita sedia maklum bahawa Dewan Negeri Selangor, Negeri Selangor ini telah meluluskan F.O.I., Enakmen kebebasan maklumat ini untuk menjamin ketelusan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Maka selaras dengan kelulusan Enakmen Kebebasan Maklumat ini, sejak 2011 hingga 2014, sebanyak 163 permohonan telah dikemukakan oleh Badan-badan NGO, orang awam untuk mendapatkan maklumat. Dan daripada 163, 5, 5 telah ditolak. Dan tujuan jawatankuasa ini, kita menyiasat dan mendapati terdapat beberapa kekangan ya penemuan jawatankuasa dan seramai 41 Pegawai Maklumat telah dilantik di seluruh Negeri Selangor, di 12 PBT dan terdapat juga Penolong-penolong Pegawai Maklumat dalam jawatankuasa pendengaran tersebut kita telah memanggil 41, 41 Pegawai Maklumat untuk memberi keterangan dan kita mendapati pihak kerajaan masih Pegawai-pegawai Maklumat yang kita dapati, mereka masih kurang diberi pendedahan. Dan mereka masih ada yang kurang memahami bagaimana prosedur untuk menerima permohonan-permohonan daripada NGO, daripada orang awam untuk berurusan dalam konteks mendapatkan maklumat ini. Pada masa yang sama, terdapat juga Pegawai-pegawai yang dilantik, mereka masih belum diwartakan dan mereka menghadapi kekangan dari segi pembayaran elaun. Oleh yang demikian, Jawatankuasa juga meminta supaya pihak kerajaan meneliti ya tentang kelemahan-kelemahan yang wujud supaya Negeri Selangor menjadi satu negeri yang betul-betul kita menghormati kebebasan maklumat dan rakyat boleh mendapatkan maklumat lebih senang ya. Tak ada, tak ada sekatan, tak ada kekangan. Bukan kekang ya, tak ada kekangan. Dia boleh dapat maklumat yang mereka nak perolehi. Kecuali maklumat-maklumat yang perlu, yang perlu mendapat persetujuan daripada Menteri Besar atau yang di kategori dalam OSA, Akta Rahsia Rasmi, perlu pelepasan dan sebagainya. Yang maklumat-maklumat seperti biasa, tiada halangan bagi pihak Kerajaan Negeri untuk memberi maklumat-maklumat kepada mereka yang inginkan maklumat yang ada oleh kerajaan. Dalam pertemuan tersebut juga, kita mendapati jawatankuasa juga SELCAT mendapati kurangnya permohonandari pada orang awam untuk mendapatkan maklumat adalah disebabkan mereka kurang, tidak mendapat maklumat dari segi terdapat Enakmen maklumat kebebasan ini. Dan mereka tidak tahu ada F.O.I ini. Jadi dari kelemahan kita yang wujud ialah hebahan, hebahan itu tidak cukup. Publisiti tidak cukup. Maka konteks ini kita juga mencadangkan agar publisiti untuk enakmen maklumat ini, kebebasan maklumat ini ditambah baik dan dipertingkatkan supaya orang awam tahu tentang perkara-perkara ini. Dan seterusnya, saya ingin ringkaskan antara penemuan-penemuan jawatankuasa ya mendapati terdapat kelemahan penyelarasan antara pihak Kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Maklumat dari segi pelaksanaan enakmen ini secara keseluruhan. Jawatankuasa juga mendapati latihan tidak mencukupi, kurang sesuai. Di samping itu terdapat kekurangan dalam proses pelantikan Pegawai Maklumat di mana kebanyakannya bertugas tanpa sebarang latihan dan adanya, ada yang tanpa elaun. Tak ada elaun dan tidak diwartakan sehingga kini walaupun telah dipohon sejak April 2013. Ini juga perkara yang perlu dititik berat. Jawatankuasa juga mendapat Pegawai Maklumat tidak jelas



mengenai tugas seperti apa yang saya nyatakan tadi, peranan mereka. Masing-masing gagal menjalankan tugas mereka untuk menghebahkan proses di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat kepada orang awam kerana tiada Pegawai Maklumat yang tetap disebabkan oleh pertukaran ya dan kenaikan pangkat. Jawatankuasa juga mendapati bahawa terdapat masalah yang ketara dari segi komunikasi antara Pegawai Maklumat dan Ketua Jabatan dalam menepati keperluan permohonan apabila memerlukan pertukaran kepada jawatan lain. Jawatankuasa juga berpendapat sekiranya dokumen terperingkat yang memerlukan kebenaran Menteri Besar jawapan atau maklum balas kepada pemohon, harus diberi kepada Pegawai Maklumat. Jawatankuasa mendapati bahawa kekurangan permohonan berlaku di sebuah jabatan adalah disebabkan oleh kekurangan penghebahan maklumat mengenai Enakmen Kebebasan oleh jabatan tersebut. Jawatankuasa juga mendapati bahawa walaupun elaun sebanyak RM246,000.00 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2011, namun ini tidak mencapai matlamat yang diharapkan dan tidak menepati prinsip *value for money*.

Oleh yang demikian Tuan Speaker, Jawatankuasa SELCAT memberi beberapa sandaran ataupun cadangan syor-syornya. Antaranya :-

1. Seorang Ahli MMKN hendaklah diberi tanggungjawab untuk menjaga portfolio Enakmen Kebebasan Maklumat untuk melaksanakan sebarang penambah baik terhadap sistem akses kepada maklumat di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat.
2. Kerajaan Negeri hendaklah mempercepatkan proses pelantikan dan pewartaan Pegawai Maklumat seia ada yang sudah mula bertugas sejak tahun 2013. Jadi proses untuk nak wartakan mereka ini harus dipercepatkan. Kita nampak daripada pendengaran awam, penerangan saksi memang dari segi pewartaan ni terlalu lambat, pewartaan. Kita harap perkara ini dapat diambil maklum.
3. Latihan berkala untuk penjawat awam, kerajaan hendaklah dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh termasuk kakitangan Kumpulan sokongan supaya mereka boleh memaklumkan kepada pemohon setiap langkah-langkah dalam mendapatkan akses kepada maklumat di bawah enakmen ini termasuk rayuan kepada badan maklumat negeri.
4. Garis panduan untuk penyerahan, tugas antara Pegawai Maklumat baru dan lama hendaklah dibuat untuk menyelaraskan proses pemprosesan tugas tanpa sebarang masalah. Yang keempat ni, ingin saya tekankan di sini oleh kerana Pegawai Maklumat ini, mereka ni ada tugas memang di pejabat, di PBT dan sebagainya mereka dilantik sebagai pegawai sampingan untuk Pegawai Maklumat, jadi mereka sering kali apabila sampai masanya naik pangkat dan sebagainya ada pertukaran. Mereka pergi tukar dan hantar ke tempat lain. Dan apabila mereka tukar, tak ada 1 garis panduan, tak ada 1 garis panduan

yang khusus untuk pegawai yang menjawat jawatan mereka menyambung kesinambungan tersebut. Dan mereka kadang-kadang juga tidak memahami apa skop kerja mereka. Jadi garis panduan tersebut amat penting ya untuk penambah baik pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat ini.

5. Latihan lanjutan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ahli Dewan EXCO kita dari Bukit Lanjan di mana pakar-pakar yang berpengalaman dalam pelaksanaan undang-undang Kebebasan Maklumat hendaklah dibawa masuk untuk melatih Pegawai-pegawai Maklumat dan membantu menambah baik sistem dan prosedur sedia ada.
6. Hebahan dan pendidikan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat kepada pihak awam hendaklah di selaras oleh Ahli MMKN, Setiausaha Kerajaan Negeri dengan jabatan-jabatan supaya lebih teratur dan tersebar lebih luas memandangkan hanya sesetengah jabatan yang menunjukkan kesedaran umum dan permohonan yang tinggi. Dan ini kerana mereka mengambil inisiatif sendiri untuk membuat hebahan tersebut.
7. Kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat hendaklah ditambah baik untuk mewajibkan supaya pada setiap peringkat dan tahap dalam proses mendapat akses maklumat di dalam peringkat dan tahap mendapat permohonan, pemohon akan dimaklumkan supaya pemohon tidak tertunggu-tunggu dan membawa persepsi kurang baik terhadap amalan kerja penjawat awam Kerajaan Negeri Selangor. Ya, ada kes-kes tertentu yang kita dapati, kita tak ada 1 garis panduan di mana permohonan dikemukakan berapa lama, berapa lama perlu kita respons? Pihak kerajaan. Pegawai Maklumat perlu respons. 30 hari, 45 hari. Jadi kita kena tetapkan sekurang-kurangnya 30 hari kita kena jawab. Ada maklumat boleh bagi ke tak boleh bagi kena rujuk kepada Menteri Besar pun kita jawab 1 surat bahawa sekian, sekian kita permohonan sudah diterima dan proses dalam sudah di laksana maklumat anda akan diberi dalam masa sekian. Jadi ramai rakyat akan puas hatilah sekurang-kurangnya ada surat, ada dimaklumkan. Jadi mereka tak, walaupun tunggu tapi mereka puas hati. Ini budaya kerja kita yang perlu kita tingkatkan.
8. Setiap perjanjian yang ditandatangani, Kerajaan Negeri Selangor perlu memasukkan klausa Enakmen Kebebasan Maklumat di mana sekiranya terdapat kepentingan awam di mana orang awam perlu mengetahui mengenai perkara ini maka status dokumen berperingkat perjanjian boleh diubah oleh MMKN untuk dimaklumkan kepada orang awam tanpa mendapat persetujuan pihak yang ketiga terlebih dahulu.
9. Kita ada 9 syor daripada Jawatankuasa SELCAT ini untuk kerajaan telitilah. Jawatankuasa menegaskan bahawa Laporan Tahunan perlu di bentang di

dalam Dewan Negeri Selangor sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 22 enakmen ini.

Jadi keseluruhannya ya, pendengaran awam tersebut, kita mendapati memang Negeri Selangorlah antara negeri peneraju dalam konteks memberi kebebasan maklumat ya kepada rakyat di Negeri SelangorHa, inilah contoh Kerajaan Pakatan Rakyat. Dan pada masa yang sama juga oleh kerana ada enakmen F.O.I. ini 2011, maka pentadbiran Negeri Selangor sentiasa dipantau, dipantau *check and balance* bukan sahaja oleh pihak pembangkang yang tak tahu bangkang, yang tak tahu berperanan sampai hari ini pun nampak pembangkang lesu, lesu. Hanya 2 sahaja yang ada. Selalu saya puji, Dengkil memang betul, Dengkil memang, 3, 3, oh termasuk Air Tawar sebab

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dia blok hampir sama.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Boleh minta mencelah? Boleh?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mencelah. Oh boleh.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Sebab saya nak tanya Yang Berhormat Sekinchan sebab kebetulan Yang Berhormat sentuh tentang pihak pembangkang. Ada tak Yang Berhormat Sekinchan sedar selain ada soalan ciplak, sebenarnya penyelaras pembangkang tu pun tak ada hantar soalan. Mungkin dia terlalu sibuk nak, nak koordinat. Tapi koordinatsampai sendiri pun tak boleh hantar soalan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Memang kalau nak sentuh kelesuan pembangkang ni jelas dan terbukti. Tapi Dengkil ini, dia lebih bagus sikitlah. Jadi kalau kekosongan Ketua Pembangkang, Dengkil isi tu saya sokonglah. Ya, apa terima kasih kepada Rawang kerana memperingati saya ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Mohon penjelasan Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengkil nak juga? Bagilah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM MOHD SHARIF:** Terima kasihlah atas pujian daripada Y.B. Sekinchan semalam sebab Menteri Besar dah bagi *hint* semalam tu, Sekinchan pun bagi pujian juga tapi saya tak berminat untuk mengisi Ketua Pembangkang tu. Kalau boleh nak isi terus kerusi Menteri Besar...(ketawa)...cita-cita...bukan angan-angan. Saya nak bertanya dengan Sekinchan berkenaan dengan isu FOI ni yang mana Sekinchan sendiri menyebutkan sejak tahun 2011hingga sekarang 20142015 dah empat tahun hanya 163 permohonan yang dibuat untuk mendapatkan maklumat

melalui enakmen ini. Jadi selain daripada apa yang Sekinchan sebutkan tadi ianya memerlukan *promotion* ianya memerlukan apa yang dikatakan pendedahan kesedaran kepada masyarakat. Adakah Sekinchan bersetuju dengan saya bahawa sebenarnya rakyat Negeri Selangor ni juga mungkin tidak berminat dengan undang-undang ataupun enakmen FOI ini disebabkan itu tak banyak yang dibuat untuk FOI ini. Itu saya mintak Sekinchan jawab dan kalau boleh sistem yang lama pun melalui kaunter itu pun saya rasa tak ada menjadi masalah untuk diketengahkan kembali. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya terima kasih kepada Y.B. Dengkil. Saya akan jawab soalan ini sebentar lagi untuk saya teruskan tadi soal pembangkang ini ya. Kita bukan sahaja ketelusan Kerajaan Negeri Selangor. Kita ada enakmen Kebebasan Maklumat ini. Dan kita harap orang ramai boleh pantau pembangkang juga pantau cumanya pembangkang di Negeri Selangor ini lesu.....lesu dan kita bagi jawatan Ketua pembangkang pun mereka tidak mahu mengisi jawatan tersebut. Ini sesuatu yang cukup pelik dalam zaman abad 21 ini khususnya di dalam Dewan Negeri Selangor sejak Merdeka, tak pernah berlaku.....ini cuba saya nyatakan ya. Yang keduanya terima kasih Rawang, soal penyelarasa ada permohonan kita boleh nyatakan dalam Dewan ini .....kejap nanti saya bagi ....speaker pernah nyatakan dalam Dewan ini ada permohonan ada penyelarasa pembangkang penyelarasa dan Speakertolak ya kita maklumkan Speaker tolak. Saya nampak semalam Menteri Besar dah dedahkan bukan sahaja peranan pembangkang lesu dalam menghantar soalan pun ada soalan tulis yang ciplak dua sama, bukan sama maksud ayat maksud soalan ayat pun sama bukan 99% 152% ya...100%...sama...sama ayat....

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Itu ciplak

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah, ini *Free Of Information* ke atau pun tajuk apa nak dibincangkan ni. Ini dah luar tajuk ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya belum bagi, saya belum bagi.....Yang kedua penyelarasa pembangkang pun gagal belum jadi penyelarasa pembangkang pun dia sendiri tak hantar satu soalan bertulis soalan mulut Batang Kali kosong. Saya dah cek dah kosong. Ini belum jadi penyelarasa pun dah gagal. Patutlah Speaker tolak penyelarasan dia, memang betul. Keputusan Speaker saya sokong seluruhnya kerana memang kegagalan berlaku ya, kelesuan oleh pihak pembangkang dan saya jawab Dengkil saya jawab...cukup...cukup...saya jawab

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:**Hai takkan tak nak bagi soalan ini tak ada.....

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan .....

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tak sentuh fasal Rawang punya soalan. Itu very.....

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali tunggu dulu, Sekinchan balik kepada Enakmen Kebebasan Maklumat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:**Ha, ya..ya saya jawablah sebab dia ada mintak sikit saya jawablah...tentang Enakmen Kebebasan Maklumat ya. Sebab mungkin rakyat tidak minat ya...saya pun setuju

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sekinchan saya nak minta mencelah.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak...tak. .sekarang speaker dah minta untuk.....

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak ini fasal FOI tak ada kena mengena dengan tu *dont worry*....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya jawab Dengkil dulu nanti...kalau nak FOI nanti...ya...saya jawab untuk Dengkil tadi sebab.....

**TUAN SPEAKER:** Tunggu ya...Ahli-ahli Y.B. semua usul ini belum disokong dan belum dibuka untuk perbahasan. Biar pencadang habiskan dulu. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi saya cuma nak jawab untuk Dengkil, maknanya budaya Malaysia hari ni kita ya..selama 50 lebih tahun kita dimomokkan oleh...didoktrin oleh UMNO Barisan Nasional. Mereka menggunakan pentadbiran yang tak telus ya... tak telus dan tidak memberi maklumat kepada rakyat, mereka tutup sampai ke bawah ya ke bawah karpit mereka menutup. Jadi selama ini sebelum pakatan rakyat mana ada kebebasan maklumat, tak ada, tak mungkin berlaku....ya...*impossible*...tak mungkin berlaku dengan izin. Tapi selepas Pakatan Rakyat kita buat macam-macam pembaharuan, ya...reformasi di Dewan Negeri Selangor. Sekarang ini Selangor ada Enakmen Kebebasan Maklumat ...rakyat baru...ya....jadi untuk menyesuaikan keadaan ini dia perlu masa budaya dulu ketakutan..ya...werdi...werdi dengan izin takut...werdi...50 lebih tahun...50 tahun dimomokkan oleh UMNO Barisan Nasional memang dah jadi werdi...sindrom ketakutan ya...sindrom ketakutan dan sekarang kita berhijrah...kita berhijrah anjakan paradigma yang baru-baru berani sikit nak tanya ini nak tanya itu telus....aaa....ini kita balik ke pangkalan jalan dan landasan yang betul. Kerajaan yang betul, kerajaan yang telus, kerajaan Pakatan Rakyat. Jawab untuk Dengkil ya.

Jadi saya rasa kerana ini pencadang saya tidak mahu hurai panjang Batang Kali pun tak perlulah ya sebab dia pencadang jadi akhir sekali lah saya mohon ....saya

ucapkan tahniah kerana Selangor ada Akta ada Enakmen Kebebasan Maklumat jadi kita harap masa-masa akan datang kita dapat memperkasakan Enakmen ini supaya Selangor dijadikan model peneraju negeri yang cukup-cukup bebas dan telus dalam segi pentadbiran. Jadi saya akhir sekali Tuan Speaker saya mohon mencadangkan. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Ya Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Y.B. sekalian usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kg. Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam.....

**TUAN SPEAKER:** Sepuluh minit...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** .....perbahasan ini. Sebelum saya .....saya....pada pendapat saya bila saya membahaskan penyata ini adalah penting untuk kita mengimbas kembali apa yang berlaku pada tahun 2010 secara sepintas lalu. Di mana pada masa itu Dewan Negeri Selangor mula-mula membentangkan rang Undang-undang ini dan perbahasan berjalan semangat pada dewan semangat pada ataupun hasrat yang dibawa oleh Dewan yang mulia ini semasa meluluskan undang-undang ini adalah supaya semangat Kebebasan Maklumat ini dapat disemai dan disebar seluas-luasnya di seluruh pelosok masyarakat di Selangor ini. Dan pada masa itu juga kami juga beringat bahawa undang-undang baru ini dia tidak boleh sama sekali disalah guna sebagai satu penghalang terhadap pemberian maklumat yang penting kepada rakyat dan harapan Dewan pada masa itu adalah begitu menggunung tinggi sehingga Dewan menubuhkan sebuah jawatankuasa pilihan khas untuk meneliti setiap satu peruntukkan undang-undang tersebut dan satu per...bukan sahaja penubuhan jawatankuasa pilihan khas tetapi juga ada satu pendengaran Awam dijalankan untuk mendapat pendapat orang ramai terhadap Rang Undang-undang ini. Dan setelah saya meneliti laporan yang dihasilkan ataupun disediakan oleh SELCAT terhadap pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat ini saya mendapati bahawa pelaksanaannya masih jauh lagi daripada jauh tersasar daripada hasrat yang hendak dicapai oleh Dewan semasa meluluskan Enakmen ini. Dan pertama sekali Tuan Speaker saya ingin melafazkan jutaan terima kasih kepada SELCAT kerana telah berjaya menghasilkan penyata ini dan saya percaya sekiranya tiada usaha gigih daripada SELCAT dan tidak mungkin akan seluruh ahli Dewan Negeri Selangor dapat mengetahui masalah-masalah yang masih berada di hadapan kita. Penyata ini telah mendapat keterangan daripada Y.B. SUK dan saya memetik daripada laporannya bahawa Kerajaan telah membelanjakan wang sebanyak RM246,000 sebagai kos dalam pelantikan pegawai-

pegawai maklumat tetapi hasil yang dikutip daripada semua permohonan yang dikemukakan hanya setakat RM2,223.00 sahaja. Saya ingin membawa satu peringatan kepada Kerajaan Negeri Bahawa semangat Dewan dalam meluluskan Rang Undang-undang ini pada tahun 2010 dia bukanlah hendak menjana hasil ke dalam kumpulan wang yang hendak disatukan tapi ia adalah satu usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu walaupun kita membelanjakan wang lebih daripada RM200,000 dalam melantik melatih pegawai-pegawai maklumat ini dan hasil yang diterima hanya RM2,000 lebih sahaja saya berasa bahawa perbelanjaan ini adalah berbaloi. Dan ianya mesti dikekalkan tidak boleh dikurangkan satu sen langsung. Ingin juga dimaklumkan bahawa saya juga memerhati bahawa kita menghadapi satu situasi. Sebenarnya pada tahun 2010 ada juga satu akta yang telah diluluskan di Parlimen iaitu Akta Perlindungan Maklumat Peribadi. *Personal Data Protection Act*. Saya masih ingat pada tahun 2010 terdapat bantahan daripada pembangkang bahawa akta enakmen yang kita luluskan ini bercanggah dengan Akta Rahsia Rasmi. Tapi kita juga tidak sedar sebenarnya pada masa itu Dewan Rakyat telah meluluskan Akta Perlindungan Maklumat Peribadi. Dan ini sebenarnya ada satu kesan terhadap pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Di Dewan Negeri Selangor ini.

Saya telah pun ...ingin dimaklumkan kepada Dewan bahawa saya telah pun mengemukakan sebenarnya satu pertanyaan bertulis dalam Sidang Dewan Selangor pada kali ini memohon kerajaan menyenaraikan nama jawatan dan gaji semua gaji, elaun, elaun khas, keraian, bonus dan ganjaran untuk semua kakitangan atasan PKNS, PNSB, KDB dan PKBS di peringkat Lembaga Pengarah dan di peringkat Pengurusan. Saya telah menerima satu jawapan bertulis bertarikh 3 April 2015 bahawa maklumat yang diminta tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Perlindungan Maklumat Peribadi 2010. Dan saya perlu mengemukakan permohonan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar di mana perkara ini telah pun saya lakukan pada awal minggu ini. Jadi inilah kesan dia, kesan daripada pelaksanaan Akta Perlindungan Maklumat Peribadi yang mempunyai kesan terhadap pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat di Negeri Selangor. Oleh itu saya berasa bahawa perkara ini perlu dilihat oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya ingin mengatakan bahawa kita perlu wujudkan satu keseimbangan iaitu pada masa kita melaksanakan Enakmen Kebebasan Maklumat kita juga perlu mengetahui di mana garis keseimbangannya, di manakah garis pemisahannya. Apa yang kita patut bagi, apa yang kita tidak harus diberi kepada orang awam. Jadi saya rasa sebagai penambahbaikan terhadap pelaksanaan ini saya kira ini harus diperhalusi oleh pihak eksekutif. Dan itulah beberapa pemerhatian yang saya ingin cadangkan di sini dan saya memohon juga usul ini disokong dan sekali lagi jutaan terima kasih kepada SELCAT. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama, sepuluh minit....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Sebelum saya meneruskan ucapan saya ingin mendapatkan sedikit maklumat daripada kerajaan di mana saya nampak ada 163 permohonan tetapi tiada KPI yang ditetapkan. So boleh saya dapatkan maklumat daripada kerajaan senaraikan tempoh masa permohonan-permohonan 163 permohonan ini yang telah diambil sebelum kita respons kepada pemohon. Dan sama ada dia mematuhi apa yang ditetapkan dalam enakmen seksyen 7 di mana 30 hari adalah hari tempoh yang kena respons. Yang ni pertama. Kedua yang saya nak...amat menyokong SELCAT terutamanya dalam pelantikan seorang ahli MMKN dalam menjaga Enakmen Kebebasan Maklumat ini memang sangat penting sebab kita tanya soalan ADA EXCO yang boleh jawab dan bertanggungjawab dalam jawapan dia di Dewan. Saya rasa ini akan menambahbaikkan pelaksanaan enakmen ini.

Selepas saya membaca penyata ini saya rasa kita kena mengkaji semula Enakmen yang kita ada, yang kita sedia ada sekarang iaitu seksyen 3 atas pelantikan Pegawai Maklumat. Mungkin kita boleh mengkaji semula pelantikan ini sama ada ia wajib, Pegawai Maklumat perlu diwartakan atau tidak. Sebab saya tengok laporan ini tiada pewartaan *means* tiada elaun untuk Pegawai Maklumat. Pegawai Maklumat sering tukar. Itu sama ada pewartaan itu adalah sangat penting atau tidak. Kalau tidak kita boleh memindah Seksyen 3 ini. Kalau pewartaan adalah diperlukan saya mencadangkan supaya kita meletakkan satu jangka masa di Seksyen 3 ini di mana Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor perlu mewartakan Pegawai Maklumat selepas Pegawai Maklumat ini dikenal pasti selepas satu jangka masa *for example* 14 hari selepas Pegawai Maklumat telah dikenal pasti oleh Jabatan-jabatan. Dengan ada ini kita ada satu *framework* supaya kita ada Pegawai Maklumat yang dapat elaun dan boleh menjalankan kerja. Seksyen yang kedua yang saya tengok yang kita mungkin boleh kaji semula ialah Seksyen 7, 30 hari untuk memberi respons kepada pemohon. Saya tengok daripada laporan ini bahawa *delay* akan terjadi apabila permohonan melibatkan jabatan-jabatan yang berbeza. Sama ada 30 hari ini adalah praktikal dalam Selangor konteks kita kena kaji semula. Saya memang tahu di negara-negara lain 20 hari 30 hari adalah tempoh masa yang diletakkan untuk respons kepada permohonan FOI.

Tetapi dalam Selangor konteks adakah kita akan menukarkan tempoh ini kepada satu tempoh yang lebih praktikal dalam Selangor konteks. Ha, kalau kita nak teruskan dengan 30 hari maka saya cadangkan supaya Enakmen Seksyen 7 ini dipinda bahawa kita menambah satu untuk mewajibkan Pegawai Maklumat mengeluarkan surat kepada pemohon jika tempoh 30 hari ini kita tidak boleh memberi maklumat. Surat ini kena diwajibkan dan kena diletakkan di dalam Enakmen. Itu pandangan saya. Saya juga berpendapat bahawa saya tengok saranan daripada SELCAT salah satu adalah latihan kepada Pegawai Maklumat.

Saya berpendapat bahawa bukan sahaja Pegawai Maklumat yang kena dilatih tetapi kakitangan-kakitangan kerajaan juga perlu diberi "*Awareness*" tentang Enakmen ini,



sebab di 2013 selepas pilihanraya saya giat pejabat saya 'call' PBT semua PBT untuk tanya bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat, tidak ada orang di 'hotline' boleh jawab. Kita pergi 'website' pun tak ada maklumat yang berkenaan. Saya rasa ini tidak jauh berbeza sekarang 'so' kalau kita boleh melatih bukan sahaja Pegawai Maklumat tetapi juga kaunter sesiapa yang menjaga kaunter di PBT dan juga tanah 'Land Officers' dan juga 'hotline' orang yang jawab 'hotline' itu kena tahu tentang di mana yang kita boleh 'ask' memohon 'F.O.I' ini dan juga bagaimana cara-cara dan prosedur yang terbabit. Ini cadangan saya.

Perkara lain yang saya nak sentuh di sini ialah atas semangat kebebasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, penyata yang dibahaskan sekarang ini adalah penyata daripada Jawatankuasa daripada SELCAT. Jadi kita harus menumpukan apa yang dibincangkan apa isu di SELCAT bukan cadangan baru, kalau ada cadangan baru pergi SELCAT, bincang di SELCAT bentangkan di dewan. Sebab ini adalah cadangan Usul daripada Jawatankuasa SELCAT diterima semua, jadi lebih baik balik kepada SELCAT bincang di SELCAT bentang di sini bukan bentang di sini mintak kerajaan jawab kerana kemudian selepas ini akan menggulung adalah pihak pencadang bukan pihak kerajaan. Mungkin dari segi prosedur itu harus difahami juga. Banyak yang saya dengar semuanya bukan hasil daripada kerajaan ini bukan penyata atau pun laporan kerajaan, ini adalah penyata daripada SELCAT. Jadi sekiranya Yang Berhormat berminat buat cadangan untuk melengkapkan lagi penyata ini pergi ke SELCAT sepatutnya pergi ke pendengaran awam SELCAT untuk dimasukkan semula cadangan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:**Ha.. saya rasa kita ada pandangan yang berbeza atas apa yang boleh dibahaskan di dewan atau pun atas penyata, penyata ini di mana saya rasa bahawa kerajaan patut menjawab penyata ini 'so' penyata ini telah membangkitkan dua (2) perkara iaitu 30 hari..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Ya, Yang Berhormat

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Dan juga 30 hari dan juga 'allowance' perwartaan pegawai maklumat iaitu cadangan 'so' kerajaan boleh tengok cadangan dan ini untuk menjawab kepada sidang hadapan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Ya sebab itu saya kata, itu cadangan sepatutnya bila Yang Berhormat tahu ada pendengaran awam tentang 'F.O.I' sepatutnya Yang Berhormat hadir di situ minta juga dibentangkan pandangan daripada Yang Berhormat bukan di peringkat sini jadi maklumat sudah tentu sudah diperuntukkan kita akan bagi maklum balas kemudian. Tetapi kalau kita nak bagi maklum balas adalah maklum balas daripada laporan ini bukan maklum balas kepada pandang

Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat kena masuk ke sini baru kita beri maklum balas.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama, bahas berkenaan saranan Jawatankuasa.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:**Ok, *thats all*.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Puan Speaker. *Bismillahi Rahmanir Rahim* terima kasih kerana memberi saya peluang perbahasan menyokong Usul Penyata SELCAT berkaitan dengan 'F.O.I'.

Pertama saya ingin tegaskan apa yang telah berlaku pada tahun 2010 apabila Kerajaan Negeri Selangor membawa cadangan penubuhan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2010 yang menjadi 2011 kemudiannya. Ini merupakan satu pendekatan yang cukup "*revolutionary*" dengan izin, satu pendekatan berani yang ingin membentuk satu kerajaan dan amalan yang telus di mana vaksin yang wujud "*Government That Practices Securities Is A Bad Governance*" dengan izin di mana itu satu asas yang telah dikemukakan dalam masyarakat antarabangsa yang dipelopori oleh NGO-NGO yang banyak di seluruh dunia yang telah menekankan bahawa sebuah amalan kerajaan yang berkaitan dengan kebebasan maklumat adalah satu yang dipuji. Dan kita mengalu-alukan dan memberi ucapan tahniah pada masa itu dan kita juga dikejutkan dengan satu pendekatan yang cukup hebat dalam amalan demokrasi di Selangor di dunia pada masa itu di mana biasanya diamalkan apabila satu Rang Undang-undang hendak dibawa dibahaskan sekaligus dalam bacaan pertama, kedua, ketiga dan diterima tetapi amalan yang cukup hebat pada masa itu adalah apabila kerajaan selepas membentangkan Rang Undang-undang ini membuat keputusan bahawa bacaan kedua adalah dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa khas Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mendetailkan, memperhalusi dan kemudian dibawa dalam bacaan ketiga dan diluluskan di dalam sidang yang berikutnya. Dalam proses itu kita amat berbangga kerana Jawatankuasa yang dipilih oleh kerajaan terdiri daripada ADUN-ADUN yang muda pada masa itu yang pada hari ini menjadi EXCO Batu Caves, Seri Setia dan juga menjadi Speaker Dewan. Jadi ini menunjukkan bahawa kesan daripada penghayatan kebebasan maklumat itu melahirkan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan kita harap ini adalah identiti yang paling menonjol dalam Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat. Dan saya juga ingin menegaskan bahawa apa yang ingin dibawa dalam Rang Undang-undang ini adalah ketelusan dan apabila Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan apa telah yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas adalah untuk melebarkan lagi skop penglibatan masyarakat dan rakyat daripada Jabatan-jabatan dilebarkan kepada PBT-PBT dan kemudian dilebarkan kepada GLC dengan mengadakan pendengaran terbuka '*feedback*' dengan izin daripada pelbagai lapisan. Dan ini merupakan

satupendekatan yang cukup hebat di mana pada asalnya Rang Undang-undang itu sudah agak baik tetapi ditambah baik dengan penglibatan NGO-NGO, PBT, GLC dan sudah pasti jabatan-jabatan yang pada asasnya merupakan sasaran utama pada pelaksanaan Rang Undang-undang ini. Dan itu sendiri telah menunjukkan bahawa ketelusan merupakan asas yang nak didokong oleh Pakatan Rakyat.

Walau bagaimanapun, saya merakamkan dalam pendengaran terbuka bahawa dalam proses Jawatankuasa Pilihan Khas ingin membawa satu pendekatan yang memantapkan Rang Undang-undang yang dibawa oleh kerajaan. Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas telah dipanggil untuk memberi laporan berkala mungkin setiap minggu pada masa itu ataupun dua (2) minggu sekali kepada pihak Eksekutif. Dan ini saya bantah kerana tidak ada surat rasmi dan saya rasa ini tidak menepati kerana Jawatankuasa Pilihan Khas yang dibentuk oleh kerajaan yang dibentuk oleh dewan hanya bertanggungjawab pada sidang dewan dan itu telah kita kemukakan dalam pendengaran terbuka SELCAT pada masa itu pada masa yang terdekat baru-baru ini.

Dan dengan itu kita juga berasa terpanggil apabila sejak kelulusannya hinggalah pelaksanaannya agak lembap dan cepat-cepat Jawatankuasa SELCAT menganggap perkara ini sebagai satu perkara yang '*urgent*' yang segera untuk dikemukakan dalam satu pendengaran terbuka dan kita telah mengadakan pendengaran terbuka dengan memanggil semua pihak dan sekali lagi satu pujian patut diberi di mana ketua pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor iaitu Dato' Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah dipanggil dan memberi keterangan dan penerangan dan dalam masa yang sama kita memanggil cukup saksi ataupun mereka yang memberi keterangan di peringkat Pegawai Penerangan, Pegawai Maklumat, Pegawai Penerangan di mana pada masa itu kita nampak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Yang Berhormat saya nak bertanya, sebab Yang Berhormat membangkitkan bahawa saksi telah dipanggil iaitu Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan beberapa pegawai telah dipanggil untuk memberi keterangan, tetapi saya tidak nampak di manakah keterangan tersebut di dalam penyata ini, sebab menurut peraturan tetap 76 (3), sesuatu penyata atau penyata khas Jawatankuasa pilihan bersama-sama dengan butir-butir diperjalanan mesyuarat dan butir-butir apa-apa keterangan yang diambil di hadapan Jawatankuasa hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat oleh Pengerusi dan itu tidak dilakukan.

Jadi kalau dalam mahkamah, kalau sesuatu kes itu dibawa dirayu daripada Mahkamah Tinggi pergi ke Mahkamah Rayuan sekiranya nota keterangan itu tidak dibentangkan maka kes tidak akan didengar. Jadi dalam kes ini juga sebab kita tidak tahu sama ada kesimpulan dibuat oleh Jawatankuasa SELCAT ini betul atau tidak tanpa merujuk kepada nota keterangan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Maklumat itu kita telah ambil kira yang kita dapat teguran sebelum ini pada Jawatankuasa Pilihan yang lain iaitu butiran itu ada, tapi adakah perlu dibekalkan sekali dalam sidang ini atau boleh dibekalkan kemudian.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Sebenarnya kalau mengikut peruntukan 76(3) perlu dibawa hendaklah dibawa dan telah dilakukan sebelum ini. Di mana dibekalkan dalam bentuk CD ROM, jadi kalau mengikut kebiasaannya atau amalan di mahkamah ini akan ditolak penyata ditolak rayuan ditolak sebab tidak lengkap. Jadi dewan ini sebenarnya tidak ada bahan yang mencukupi untuk menilai sama ada kesimpulan dan pengesyoran itu berasas atau tidak.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Mentafsirkan bahan itu boleh dibekalkan tetapi kalaulah boleh menjejaskan pembentangan saya ini maka adakah memadai kalau saya menarik balik '*point*' tadi kerana tidak dibekalkan sekali pada hari ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tidak, maksud saya

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** '*Point*' tadi...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Nota keterangan apa-apa yang dinyatakan oleh saksi dalam penerangan itu hendaklah dibentangkan bersama..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Mohon penjelasan daripada ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:**Tapi, walau bagaimanapun, walau bagaimanapun ada *saving clause* ya, dalam Peraturan Tetap 92, segala kesilapan ini tidak akan menggagalkan prosiding ini. Cuma saya minta lah sebab saya kira saya pernah buat teguran ini dan amalan ini tidak dipatuhi dan peraturan ini tidak dipatuhi. Jadi Jawatankuasa dewan sepatutnya juga membina kewibawaannya dengan sendirinya mematuhi peruntukan dalam Peraturan Tetap itu sendiri.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Selepas teguran itu kita memastikan bahawa setiap Jawatankuasa Pilihan Khas ataupun Jawatankuasa Pilihan mengemukakan bahan tambahan dalam CD tetapi pada hari ini kita tidak nampak benda itu walau pada dasarnya kita meminta diadakan. Adakah perlu petua daripada Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah kita akan menambah baik teguran yang telah diberikan oleh Sungai Pinang tetapi untuk Enakmen Kebebasan Maklumat penyata ini memang telah disiarkan secara langsung semua penyata keterangan oleh saksi-saksi dibuka pendengaran awam jadi memang yang ini kita akan bertambah baik tak ada masalah kekeliruan kerana semua telah mendengar kenyataan daripada saksi-saksi. Teruskan Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Sungai Pinang. Apabila kita mengumpulkan saksi-saksi daripada jabatan-jabatan sebagai Pegawai Maklumat kita masih lagi sebagaimana terkandung dalam rakaman dari segi seperti dilema di antara Pegawai Penerangan dan budaya yang telah wujud pada masa itu dan pada masa kini yang masih lagi di mana pegawai-pegawai kerajaan dibangunkan dibina dengan satu budaya maklumat-maklumat kerajaan adalah Rahsia dimana ada kategori Sulit, Rahsia, Rahsia Besar dan sebagainya. Dan budaya yang hendak di bawa oleh 'F.O.I' ini oleh kerajaan Pakatan Rakyat adalah ketelusan "*Good Governance*" dengan izin dan keberanian untuk menyatakan kebenaran sebagai kebenaran dan mengetengahkan perkara fakta maklumat sebagainya sebagaimana yang diperlukan bukan hanya oleh 'F.O.I' sebagai satu Rang Undang-undang tetapi sebagai satu budaya yang menekankan bahawa mempunyai maklumat-maklumat adalah hak asasi.

Kita ingin menekankan satu amalan bahawa jabatan, agensi dan sebagainya yang ditugaskan oleh rakyat melalui bajet, membayar gaji, elaun, 'part-time', 'overtime' mereka dan sebagainya mengumpul maklumat dan bukan tujuan maklumat dimiliki oleh agensi, jabatan atau kerajaan semata-mata tetapi mengumpulkan maklumat demi kesejahteraan rakyat untuk hak rakyat dan dia merupakan sebahagian hak asasi.

Jadi ini merupakan satu yang tersirat sebenarnya di dalam saranan ketiga 9.3, muka surat 12 iaitu Latihan Berkala. Latihan merupakan satu perkara yang tidak boleh dikompromikan. Latihan memerlukan bajet dan ini akan bererti bahawa 'F.O.I' dan pelaksanaan menjadikan menuntut, memiliki, memohon untuk mendapat maklumat adalah satu hak asasi yang bererti satu penekanan yang tegas perlu dilakukan oleh kerajaan dalam bajet hujung tahun ini untuk membentuk peruntukan yang cukup untuk melatih kakitangan bahkan rakyat sekali orang ramai, orang awam agar membudayakan bahawa 'secrecy' kerahsiaan merahsiakan maklumat (dengan izin) bukan budaya yang hendak dibangunkan Pakatan Rakyat Selangor. Sebaliknya menanggap ia sebagai hak asasi yang patut dimiliki, patut dipunyai sebagai tugas mereka memantau, menasihati, menegur dan menyokong sebuah kerajaan yang sentiasa berjalan di atas dasar ketelusan dan keadilan. Dengan itu saya memohon Tuan Speaker menyokong usul penyata ini untuk diterima. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Tuan Speaker. Rawang ingin turut serta dalam menyokong usul yang di bentang dalam Dewan ini. Saya rasa kita patut mengiktiraf dan menucapkan syabas kepada Pakatan Rakyat di Negeri Selangor. Sebab kita merupakan negeri yang pertamanyaewartakan dan meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat ini di dalam Dewan yang mulia ini, berbanding dengan kerajaan BN, UMNO di Kerajaan Persekutuan yang hanya

berselindung di sebalik Akta Rahsia Rasmi. Ini menunjukkan satu *political will* (dengan izin) bahawa Pakatan Rakyat kita mahu lakukan sesuatu yang berbeza, kita mahu reformasikan sistem yang sedia ada supaya keadilan dan kesaksamaan itu diberi kepada rakyat. Tapi saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap saranan Jawatankuasa bagi saya kita telah memulakan satu langkah yang pertama (1) dengan mewartakan enakmen ini. Jadi yang seterusnya adalah fokus usaha kita untuk mengukuhkan sistem atau struktur organisasi dan maksima yang ada supaya Enakmen Kebebasan Maklumat ini boleh digunakan dengan sebaiknya bukan sahaja oleh pegawai maklumat yang ditugaskan dipertanggungjawabkan tetapi juga kepada orang dan rakyat jelata yang sebenarnya merupakan *state older* (dengan izin) di Negeri Selangor ini. Izinkan saya peti tentang jawapan daripada soalan bertulis tentang 163 kes-kes ataupun permohonan yang telah dimohon sepanjang sejak pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat ini supaya kita boleh nampak secara jelas mana Jabatan agensi yang sebenarnya yang terima permohonan yang paling tinggi ataupun Jabatan dan agensi yang tidak terima sebarang permohonan. Dan kita perlu kaji apa perlu lagi langkah yang boleh diambil supaya kita boleh perbaiki dari segi untuk memperkasakan struktur organisasi dan maksima yang sedia ada. Yang pertama (1) saya merujuk kepada:

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	-	2 permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	-	Tiada permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Klang	-	Tiada permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	-	12 permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	-	1 permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	-	Tiada permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	-	Tiada permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	-	Tiada permohonan
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	-	Tiada permohonan

Seterusnya saya rujuk kepada 9 PBT, maaf 12 PBT di bawah Kerajaan Selangor:

Majlis Bandaraya Shah Alam	-	1 permohonan
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	-	3 permohonan
Majlis Perbandaran Subang Jaya	-	6 permohonan
Majlis Perbandaran Kajang	-	Tiada permohonan
Majlis Perbandaran Selayang	-	Tiada permohonan
Majlis Perbandaran Klang	-	Tiada permohonan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	-	14 permohonan
Majlis Perbandaran Sepang	-	Tiada permohonan
Majlis Daerah Kuala Selangor	-	Tiada permohonan
Majlis Daerah Sabak Bernam	-	Tiada permohonan
Majlis Daerah Hulu Selangor	-	Tiada permohonan
Majlis Daerah Kuala Langat	-	Tiada permohonan
Lembaga Urus Air Selangor	-	39 permohonan

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	-	39 permohonan
Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Perbadanan Adar Melayu dan Warisan Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Korporat)	-	4 permohonan
Perbendaharaan Negeri Selangor	-	1 permohonan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Tuan Speaker hendak saya teruskan.		
Jabatan Pertanian Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Dan akhir sekali ada Jabatan dan agensi tiada permohonan:		
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	-	5 permohonan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Jabatan Mufti Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	-	1 permohonan
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	-	1 permohonan
JAIS	-	Tiada permohonan
Jabatan Kebajikan dan Masyarakat Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Jabatan Perancang dan Desa Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Jabatan Veterinar Negeri Selangor	-	Tiada permohonan
Dan akhir sekali		
Jabatan Mahkamah Syariah Negeri Selangor	-	34 permohonan
Jumlahnya	=	163 permohonan

Sejak pelaksanaan 2011. Kita dengan adanya Enakmen Kebebasan Maklumat ini. Jadi saya nyatakan bahawa fokus kita seterusnya adalah macam mana kita boleh kuatkan struktur organisasi kita sebelum kita buat hebahan seterusnya kepada orang awam macam mana mereka boleh gunakan enakmen ini. Bagi saya kalau struktur itu tidak kuatkan dia akan menyebabkan mungkin ada kes dari *redundant*(dengan izin) bila orang awam sendiri yang buat permohonan yang berpusu-pusu atau banyak dengan Jabatan atau agensi ataupun Badan Berkanun yang dimaksudkan. Jadi ini saja penekanan yang saya ingin tekankan kalau boleh kita bagi latihan kepada Pegawai Maklumat dan fasa keduanya kita seharusnya turun padang setiap tempat melalui Adun ataupun agensi supaya kita boleh melakukan *workshop* (dengan izin) dengan *in governmentcivil society* dengan NGO kawasan masing-masing semua orang boleh bantu untuk kita menghayati dan menggunakan enakmen ini dengan sebaiknya. Sekian sahaja saya menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER:** Saya menjemput pihak kerajaan. Jika ingin memberi penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin ucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa

SELCAT yang telah mengadakan Pendengaran Awam tentang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2012. Dalam perbahasan selepas perbahasan cadangan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Kg.Tungku, Damansara Utama dan Rawang selain daripada Ahli Jawatankuasa SELCAT yang turut memberi beberapa pandangan yang penting untuk Kerajaan Negeri buat *follow up*. Untuk menjawab cadangan ataupun syor daripada Jawatankuasa SELCAT iaitu kesemuanya 9 secara perinci saya akan membentangkan kepada Dewan pada masa terdekat. Cuma ada beberapa perkara yang saya merumuskan:

Satunya saranan yang pertama (1) iaitu untuk seorang Ahli MMKN diberi tanggungjawab untuk menjaga portfolio tersebut buat masa ini pengurusan Enakmen Kebebasan Maklumat diletakkan di bawah tanggungjawab Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan perkara ini turut juga mendapat kerjasama daripada Penasihat Kamar Undang-Undang Negeri Selangor. Kedua-dua Yang Berhormat juga adalah Ahli MMKN walaupun statusnya ex-officio tapi tetap menjadi Ahli MMKN. Keduanya ada saranan daripada SELCAT untuk mempercepatkan proses pelantikan dan juga pewartaan pegawai-pegawai maklumat yang sedia ada. Untuk maklumat semua berdasarkan semakan hanya seramai 13 orang pegawai sahaja yang belum diwartakan. Dan selebihnya seramai 28 pegawai telah diwartakan dalam urusan terdahulu. Urusan pelantikan ini dilaksanakan atas nama seseorang pegawai yang dikenal pasti dicalonkan oleh Jabatan dan agensi. Dan Kerajaan Negeri mengambil perhatian dengan baik dan pihak pengurusan Jabatan dan agensi telah mengemaskini senarai nama pegawai-pegawai yang berperanan selaku pegawai maklumat masing-masing dan senarai nama pegawai yang baru untuk dilantik selaku pegawai maklumat akan dibentangkan di dalam Mesyuarat MMKN pada 25 telah dibentangkan pada 25 Mac 2015 sebelum diwartakan oleh Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri. Saranan ketiga (3) dan juga keempat (4) yang ada kaitan *sorry* maaf saranan ketiga (3) dan juga yang kelima (5) yang ada kaitan tentang latihan. Saya dengan sukacitanya boleh maklum pada SELCAT dan juga pada Dewan yang mulia ini bahawa ada perancangan latihan dalam bentuk seminar, bengkel dan kursus yang telah dijadualkan di dalam takwim tahunan di setiap Jabatan dan juga agensi. Di peringkat Jawatankuasa Induk di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri program atau aktiviti yang dirancang melibatkan semua lapisan warga kerja adalah seperti berikut:

1. Taklimat Pengenalan Asas Berkaitan Dengan Enakmen Kebebasan Maklumat akan diadakan pada 20 Mei 2015 dan 15 Jun 2015 bertempat di Auditorium Jubli Perak Dewan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.
2. Keduanya Bengkel Pengukuhan Kefahaman Enakmen Kebebasan Maklumat akan diadakan sebanyak 3 siri 13 sehingga 14 April 2015, 6 sehingga 7 Julai 2015 dan 26 sehingga 27 Oktober 2015.



Tambahan juga terdapat Hari Terbuka Enakmen Kebebasan Maklumat yang akan dijalankan dengan kerjasama dengan semua Jabatan dan agensi di peringkat Daerah dan komuniti. Dan keempat (4) Program Promosikan Enakmen Kebebasan Maklumat bersama warga media akan diadakan pada bulan Mei 2015. Saranan yang keempat (4) berkenaan tentang garis panduan untuk menyerahkan tugas antara pegawai maklumat baru dan lama. Cadangan ini juga diambil perhatian yang baik dan garis panduan ini sememangnya telah diwujudkan sebelum ini bagi semua pegawai maklumat Jabatan yang dilantik. Hal ini turut diperjelaskan di dalam fail meja seperti pegawai maklumat yang mana ia diterangkan secara jelas tentang perihal, prosedur dan tatacara pengurusan permohonan yang diterima. Namun begitu garis panduan itu perlu dikemas kini ditambah baik dari masa ke semasa. Saranan ke-6

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan sedikit

**TUAN SPEAKER:**Ya Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Y.B Exco semasa Jawatankuasa Pemilihan Khas mengemukakan pindaan-pindaan dan cadangan untuk bacaan kedua (2) dan ketiga (3) disediakan juga oleh bantuan Peguam garis panduan dialog tentang pelaksanaan adakah itu diterima dan berdasarkan itu berlaku apa yang ada cadangan nombor 5 ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya tidak begitu jelas apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat boleh

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:**Masa kita buat cadangan kita jawatankuasa mengemukakan juga membuat garis panduan pelaksanaan pada fasa demi kosa seksyen demi seksyen yang terkandung dalam rang undang-undang tersebut. Adakah itu masih diguna pakai sebagai asas garis panduan apa pun bagaimana?. Di samping kita ada enakmen kita menyediakan garis panduan *elementary*.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Itu adalah mungkin jadual ataupun peraturan dan ini beza dari apa yang disebut tadi iaitu garis panduan untuk menyerahkan tugas antara pegawai maklumat dari lama ke baru. Kerana itu adalah saranan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa so mungkin itu perkara yang lain dan kita boleh bincang secara lebih mendalam lepas ini *ok*. Boleh saya teruskan Tuan Speaker. Untuk saranan yang keenam (6) iaitu hebahan pendidikan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat kepada pihak awam cadangan ini diambil baik dan saya tertarik apabila Y.B Rawang membaca permohonan yang diterima oleh berbagai-bagai agensi. Dan laporan di dalam penyata amat jelas kalau terdapat Jabatan sebagai contohnya Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya ini sebagai contohnya dalam muka surat 8 dalam penyata juga ditekan atau dirujuk bahawa MPAJ juga Pejabat Tanah Kuala Langat

mereka ada juga aktiviti ataupun usaha yang agak baik untuk mempromosikan FOI kepada orang awam termasuk menggunakan JKKK, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesejahteraan Kampung, ketua-ketua masyarakat di kawasan luar bandar. Ini boleh menjadi satu pengalaman yang kita boleh bincang bersama dengan semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi macam mana kita boleh menambah baik lagi hebahan dan promosi dan juga pendidikan. Tambahan mesyuarat penyelarasan yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri diadakan sebanyak 3 kali setahun turut dijadikan medium pemantauan dalam memastikan Enakmen ini dilaksanakan secara menyeluruh di semua jabatan dan juga agensi. Ini juga membolehkan Pegawai-pegawai Maklumat berkongsi pengalaman seperti yang saya sebut tadi dan juga inisiatif masing-masing dalam menjayakan pelaksanaan Enakmen tersebut.

Untuk saranan ketujuh, iaitu Kaedah-kaedah dan Peraturan Di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat hendaklah ditambah baik. Saya rasa itu lah yang dimaksudkan oleh Hulu Kelang. Perkara ini diambil perhatian dan Pegawai-pegawai Maklumat Jabatan telah diberi peringatan yang sama agar pemakluman tentang perkembangan terkini permohonan dapat disampaikan dari semasa ke semasa. Dalam hal ini Pegawai-pegawai Maklumat Jabatan perlu mendapat maklumat, e-mel, nombor telefon dan sebagainya supaya kita boleh ringkaskan masa. Sebagai contohnya kalau hantar surat kebiasaan surat tidak diterima dan sebagainya dan kita juga ada cadangan untuk menyenangkan urusan-urusan khususnya dalam mendapat akses maklumat dalam permohonan.

Kelapan, saranan kelapan iaitu tentang perjanjian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, boleh tak minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya merujuk kepada *Handsard SELCAT FOI 3* yang dibekalkan kepada semua Ahli Dewan dalam bentuk *cd-rom* tentang pengurusan pemberian maklumat ini di mana perkara terkini ialah ia nya akan diuruskan oleh SUK bersama-sama dengan Pegawai Undang-undang, Penasihat Undang-undang Kerajaan dan tidak ada seorang EXCO yang akan ditugaskan khusus untuk perkara ini. Saya mengikuti *handsard* ataupun keterangan yang diberikan oleh Bukit Lanjan dalam Pendengaran Awam ini, saya ingin tetapi Pendengaran ini tidak menjelaskan mengapa *such arrangement is made*. Sebab sepatutnya tahun 2010 ia nya adalah di bawah satu perkara ataupun satu portfolio Yang Berhormat Bukit Lanjan tetapi sekarang dilihat sebagai tidak dan saya tidak pasti mengapa ada satu pertukaran seperti ini dan ianya tidak dijelaskan dalam *handsard* yang dibekalkan dalam *cd-rom* yang dibentangkan kepada Dewan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:**Terima kasih Kampung Tunku, itu sebabnya kita minta *proceeding, Minute of Proceeding Evidence* dengan izin dibentangkan secara keseluruhan kepada Dewan yang mulia ini supaya soalan-soalan seperti ini tidak dibangkitkan. Jadi yang boleh kita jawab adalah apa yang

disenaraikan atau pun apa yang ditulis dalam Penyata, bukan perkara yang berlaku semasa *proceeding* dan sebagainya. Memang ada jawapan tersebut tetapi kalau kita meneliti *Minute of Proceeding* dan juga *Evidence of Proceeding* saya rasa semua boleh dijawabkan, dapat dijawabkan semasa meneliti minit tersebut. Boleh saya teruskan Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER:**Saya nak betulkan kekeliruan kerana saya telah dimaklumkan oleh Setiausaha Dewan bahawa keterangan saksi-saksi telah dibekalkan dalam *cd* dan telah diletakkan di atas semua meja ADUN pada hari Rabu minggu yang lepas. Ok, silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:**Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kerana telah menjelaskan apa yang dibentangkan, yang harus dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya akan teruskan tentang saranan kelapan iaitu berkenaan dengan perjanjian yang bakal ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor perlu memasukkan klausa Enakmen Kebebasan Maklumat di mana sekiranya terdapat kepentingan awam, di mana orang awam perlu mengetahui tentang perkara ini. Cadangan itu juga dialu-alukan dan sedang diteliti pelaksanaannya oleh pentadbiran. Hal ini agak rumit saya ingin jelaskan kepada Dewan yang mulia ini kerana bukan semua perjanjian melibatkan hanya kerajaan negeri dan pihak kedua, adakala perjanjian melibatkan pihak luar dan kalau ada pihak luar kedua-dua boleh dikata perlu juga setuju bahawa klausa Enakmen Kebebasan perlu dimasukkan di dalam perjanjian tersebut. Walau bagaimanapun kita ada Yang Berhormat Pegawai Undang-undang yang menasihati kerajaan negeri macam mana kita boleh memasukkan klausa tersebut.

Akhirnya dalam Jawatankuasa SELCAT saranan kesembilan, telah menyarankan Laporan Tahunan dibentangkan di dalam Dewan Negeri Selangor sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 22 Enakmen tersebut dan pentadbiran ini dengan sukacitanya sedang ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan negeri sedang mengemaskini input pelaksanaan daripada semua jabatan dan agensi dan dijangka akan dibentangkan di dalam sidang Dewan Negeri yang akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi bahawa sanya menurut peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan *Special Select Committee And Competent Accountability and Transparency (SELCAT)* bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan dengan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul Nombor 2 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER:** 15 minit ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, bahawa saya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata pilihan mengenai Pejabat Daerah Tanah JP PADAT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung masalah yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2015.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, JP PADAT telah pun mengadakan lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah seperti berikut pada suku Ketiga tahun 2014 iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Klang dan Hulu Selangor. Selain itu Jawatankuasa JP PADAT juga telah menerima laporan daripada Pejabat Daerah dan Tanah seperti di bawah berkenaan dengan beberapa isu berbangkit iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Hulu Langat dan Gombak dan untuk memudahkan pemahaman semua, semua penemuan dan saranan Jawatankuasa PADAT untuk ke semua Pejabat Daerah dan Tanah ini telah dimuatkan di dalam Penyata ini dan isu-isu yang diketengahkan atau dibawa dilaporkan di dalam Penyata ini di antaranya termasuk, saya ingin senaraikan di sini dengan ringkasnya iaitu :-

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Tanah Daerah;
- (ii) Pengurusan Tanah Rizab Melayu dan masalah pengantiannya;
- (iii) Masalah pelupusan tanah tanpa Pemberian Hak Milik Tanah;
- (iv) Masalah hasil dan tunggakan cukai;
- (v) Pemendapan tanah, bangunan pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat; dan ini adalah kes yang seterusnya adalah;
- (vi) Isu-isu spesifik di setiap satu Pejabat Daerah dan Tanah Daerah. Ini di Kuala Langat dan selepas itu tanah Pusat Giat MARA di Selayang di bawah daerah Gombak dan seterusnya;
- (vii) Masalah kebocoran bangunan di bangunan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan seterusnya;

- (viii) Revolusi Hijau di Kampung Perempat di daerah Kelang dan seterusnya;
- (ix) Masalah bencana alam sekitar di daerah Hulu Selangor dan yang terakhir sekali;
- (x) Masalah penternakan khinzir haram dan cadangan untuk membina *Modern Pig Farming* (MPF) dengan izin di daerah Kuala Langat;

Jadi ini adalah antara isu yang penting yang telah dirumuskan di dalam Penyata ini dan adalah menjadi harapan isu-isu ini dapat diberi penjelasan oleh pihak MMKN dalam Sidang Dewan yang akan datang. Jawatankuasa juga telah menyenaraikan sebanyak 11 saranan kepada pihak Eksekutif untuk pertimbangannya dan saya ingin membawa sebenarnya 4 ataupun membawa perhatian kepada 4 saranan yang telah pun dikemukakan dalam Penyata ini. Pertama adalah, tentang tunggakan bayaran kutipan cukai yang tinggi. Yang kedua, kelewatan dalam pemprosesan atau kelewatan proses Pemberimilikan atau Pelupusan Tanah dan Lesen Pendudukan Sementara. Ketiga, penerokaan tanah rizab Melayu dan yang keempat adalah cadangan untuk penubuhan Jawatankuasa Tanah dan Daerah. Jadi inilah 4 cadangan, 4 perkara yang saya rasa harus diberi perhatian semasa Eksekutif memberi maklum balas dalam Sidang yang akan datang dan itulah sedikit sebanyak apa yang saya ingin bawa di sini sebagai Ucapan Pencadang dan akhir kata adalah menjadi harapan Jawatankuasa ini bahawa saranan ini dapat diberi pertimbangan sewajarnya dan tindakan pembetulan bolehlah diambil pada kadar secepat mungkin dan saya mohon mencadang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Penyokong?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:**Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Nak berucap?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, boleh terus bahas?

**TUAN SPEAKER:**Silakan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:**Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin terus bahas dalam Penyata JP PADAT berhubung masalah-masalah yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor. Salah satu Penyata JP PADAT pada tahun lepas pernah mencadangkan agar pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah diasingkan

supaya kedua-dua pejabat itu dapat berfungsi dengan lebih efektif dan efisien dalam menjalankan tugas masing-masing. Walau bagaimanapun, cadangan itu telah ditolak oleh kerajaan negeri. Pada tahun ini JP PADAT tidak lagi mengemukakan cadangan pengasingan pentadbiran tersebut tetapi mencadangkan Jawatankuasa Tanah Daerah ditubuhkan melibatkan Ahli Dewan Negeri kawasan, Ahli Parlimen kawasan dan atau Penyelaras DUN kawasan.

Puan Speaker, Jawatankuasa yang sedia ada yang melibatkan Wakil Rakyat kawasan dan Penyelaras DUN Kawasan adalah Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD). Saya pernah bertanya dalam sesi soal jawab dalam Dewan yang mulia ini mengenai mesyuarat JKTD. Jawapan yang diberikan oleh Dato' Menteri Besar pada ketika itu adalah seperti berikut; Seksyen Agihan dan Pembangunan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) memaklumkan bahawa kerajaan negeri telah menetapkan supaya JKTD yang merupakan Jawatankuasa Tertinggi di peringkat daerah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ini adalah bagi memastikan masalah berkaitan di peringkat daerah dapat dibincangkan dan diselesaikan bersama antara agensi dan jabatan teknikal berkaitan. Melalui mesyuarat itu, pihak pentadbiran tanah daerah boleh membuat laporan hasil daripada mesyuarat itu sekiranya perlu kepada pihak kerajaan negeri untuk makluman dan tindakan selanjutnya. Malangnya jawapan dalam Dewan yang mulia ini tidak diturunkan kepada setiap daerah secara rasmi maka terdapat Pejabat Daerah yang masih berjadual bermesyuarat sekali dalam dua bulan pada tahun ini. Mesyuarat JKTD yang sedia ada adalah bertumpu kepada kerja-kerja pembangunan yang menggunakan peruntukan yang disalurkan. Laporan daripada JKR, JPS, pihak Polis, Jabatan Kesihatan dan lain-lain jabatan yang hadir. Ini jarang membincangkan isu-isu tanah. Ini menyebabkan kebanyakan penemuan dalam Penyata ini berkaitan dengan urusan tanah seperti pembangunan tanah, pemberian hak milik tanah, menguatkuasa undang-undang pungutan cukai dan hasil berkaitan tanah.

Puan Speaker, saya ingin membangkitkan tujuh (7) isu tanah yang tidak disebut dalam penemuan JP PADAT. Yang pertama, Lot tanah di tepi kuari batu dibenarkan tukar syarat tanah kepada kegunaan kediaman menyebabkan tiada zon penampakan antara industri berat dengan kediaman. Biasanya zon penampakan tersebut adalah sejauh 500 meter.

Yang kedua, Penternakan ayam secara komersial di tanah pertanian tanpa menukar syarat tanah menyebabkan pergerakan ayam boleh dijalankan di merata-rata tempat dan berhampiran kawasan kediaman penduduk. Penduduk tidak mempunyai sebarang masalah jika bersebelahan dengan tanaman sekiranya tanaman tersebut tidak menggunakan tahi ayam basah sebagai baja tetapi penduduk akan membantah sekeras-kerasnya jika bersebelahan dengan reban ayam. Yang ketiga... sendikit.....

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu, adakah ini contoh-contoh ...

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** untuk memperkukuhkan saranan JP PADAT. Ini adalah isu-isu tanah yang sedia ada, tetapi tidak dalam penemuan JP PADAT.

**TUAN SPEAKER:** Pendekkan contoh ini kerana ini isu-isu spesifik yang di luar daripada penyata.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, Puan Speaker memang pendek hanya untuk memperkukuhkan saranan tersebut. Sedikit penjualan tanah kerajaan yang palsu terutama di Hulu Selangor masih bergiat aktif di era teknologi maklumat ini.

Yang keempat, Tanah kosong tetapi menggunakan gambar rumah orang lain untuk membuat permohonan tanah kerana dasar Kerajaan Negeri yang hanya mempertimbangkan permohonan geran jika terdapat bangunan kediaman.

Yang kelima, Balai raya yang dibina di tanah hak milik individu sebelum tahun 2008 yang kebanyakannya berlaku di daerah Sabak Bernam masih belum mempunyai cara penyelesaiannya.

Yang keenam, Seluruh kampung yang rumah kediaman mereka dalam hak milik tanah individu. Kampung-kampung tersebut adalah Kampung Baru Hasan di Hulu Bernam, Kampung Bagan Sungai Yu, Kampung Baru Pasir Penambang di Kuala Selangor dan lain-lain.

Puan Speaker, Isu yang ketujuh adalah isu yang hangat dibincangkan iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Kampung Melayu Rasa sebagai pemaju membangunkan 287 unit rumah di atas lot tanah di Jalan Ampang Pecah Rasa sejak akhir tahun 2014. Risalah penjualan diedarkan kepada orang ramai dan papan tanda yang sangat terbaharu didirikan dengan menulis Pengerusi dan JKKK Kampung Melayu Rasa sebagai pemaju. Maklumat cukup lengkap dalam papan tanda tersebut sehingga kelulusan daripada MDHS juga ditulis. Kalau membuat lawatan tapak boleh nampak 5 atau 6 buah rumah yang sedang dibenakan. Persoalan sekarang ialah adalah Kerajaan Negeri membenarkan mana-mana JKKK untuk memajukan lot tanah-tanah tertentu. Dalam kes Kampung Melayu Rasa pula, siapa yang berani menggunakan nama JKKK tersebut, memandangkan Pengerusi JKKK tersebut En. Sahar bin Hasan telah membuat laporan polis malam tadi bahawa....

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu, memang tak berkaitan dengan penyata ... PADAT.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ia, ini hanya satu contoh sekiranya Jawatankuasa Tindakan Daerah ditubuhkan, kita harap semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang

duduk dalam jawatankuasa tersebut boleh mengambil berat tentang hal ini yang sudah lama, sebab tujuh (7) tahun kita tak pernah menyentuh isu-isu ini.

**TUAN SPEAKER:** Isu tersebut sepatutnya dibahaskan dalam perbahasan dasar minggu lepas, tapi saya bagi dua (2) minit untuk habiskan ....

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Boleh, memang satu (1) minit boleh habiskan....

**TUAN SPEAKER:** Bukan untuk contoh ini Kuala Kubu Baharu ini...`

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Tiada, tiada contoh ini. Ok, laporan polis kata malam tadi bahawa pihak JKKK tidak terlibat dalam pembangunan projek perumahan tersebut adakah ini satu skandal. Ini kita harap jawatankuasa ditubuhkan boleh siasat. Puan Speaker, saya yakin ada lagi banyak masalah yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah jadi wakil rakyat menyumbangkan idea dan pandangan dalam Jawatankuasa Tanah Daerah yang disarankan oleh JP PADAT bagi memenuhi kehendak dan *epitasis* yang tinggi daripada pelbagai pihak. Dengan ini saya berpendapat saranan JP PADAT iaitu menubuhkan Jawatankuasa Tanah Daerah adalah wajar. Sekian sahaja, saya menyokong usul ini.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih, Puan Speaker. Dalam perbahasan ini saya akan terus kepada tiga (3) saranan yang dikemukakan dalam penyata ini. Jangan risau tiada perkara baru yang akan disebut dalam perbahasankali ini.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada muka surat 14. Saranan 4.2. – Kelewatan Proses Pemberimilikan atau Pelupusan Tanah dan Lesen Menduduki Sementara atau pun lebih dikenali sebagai TOL. Saya meneliti bahawa saranan Jawatankuasa di dalam 4.2. ini ialah untuk membentuk satu Jawatankuasa baru untuk memproses disebabkan alasan yang saya dapati daripada penyata, saya sendiri tidak ..... saya pun Ahli Jawatankuasa ini, alasan diberi ialah kelewatan jabatan-jabatan lain seperti JKR, JPS, PBT dan JPBD untuk memberi ulasan teknikal. Pada pandangan saya mungkin saranan ini kurang *spot on* dengan izin, disebabkan apakah isu pokok disebabkan, yang menyebabkan maklum balas ini. Saya rasa kalau kita adakan mesyuarat dan jawatankuasa baru kalau mereka bermesyuarat dua kali sebulan pun jika ulasan teknikal ini lambat, ia akan tetap menjadi lambat dan insentif untuk mempercepatkan ulasan ini kita kena cari *the group host* kenapa ulasan ini lambat. Saya juga merujuk satu contoh Mesyuarat OAC di setiap PBT di mana banyak kali ulasan teknikal daripada Jabatan-jabatan luar ini lambat diterima saya walaupun Mesyuarat OAC ini sekurang-kurangnya dua kali sebulan tetapi dia tidak memberhentikan kekerapan ulasan ini datang lambat.



Jadi kita kena cari pegawai ini, apakah mereka KPI mereka untuk membuat lawatan tapak dan membuat apa-apa ukuran yang perlu dibuat dan membawa balik ulasan teknikal ini. Jika pegawai tidak mencukupi, pihak pentadbiran Kerajaan Negeri perlu menambahkan kakitangan di mana yang perlu supaya ulasan teknikal ini boleh dibekalkan dalam masa yang diperlukan. Mungkin satu lagi aspek yang mungkin kita boleh lihat dalam kawasan *hot*. Mungkin yang ini lebih sesuai di kawasan luar bandar, tapi di kawasan bandar di mana tanah-tanah kerajaan yang boleh dipohon TOL ini sangat sedikit dan permintaan dia sangat tinggi. Kita boleh lebih khusus ulasan teknikal dia tidak berapa susah untuk diperolehi sebab bidang tanah itu setiap tahun di *renewal*, setiap tiga tahun ada mungkin ditukar tangan kepada pengusaha lain, tetapi ialah tempat yang sama jadi ulasan teknikal dia sepatutnya tidak perlu melalui satu *cycle* yang sepenuhnya. Jadi macam mana kita boleh *simplyfile* dengan izin proses ulasan teknikal ini supaya benar-benar kepada apa yang perlu dijawab supaya keputusan TOL ini untuk dibuat dan apa-apa ulasan teknikal yang sebenarnya *biopractic* atau pun *readtake* dengan izin, kita boleh abaikan dan dikecualikan supaya kita boleh mengurangkan beban kepada pegawai dan juga mencepatkan proses membuat keputusan.

Tetapi saya sangat setuju dengan 4.2.3. saranan daripada jawatankuasa untuk satu sistem *tracking* di mana setiap permohonan ini diberi satu kod ataupun nombor fail, dia boleh masukkan nombor fail ini di laman web, dia boleh tahu apakah status permohonan ini saya rasa cukup baik cadangannya dan patut dilaksanakan. Jadi *transparance* lah di mana kekangan dalam proses dia, jabatan mana yang belum bagi ulasan, pemohon ini boleh tahu lah, macam mana proses permohonannya. Saranan yang kedua, yang saya ingin menyebut pada hari ini ialah 4.3. di muka surat 15 – Penerokaan Tanah Haram.

Bagi isu ini didapati peringkat pejabat daerah, pejabat tanah masih lemah disebabkan kekangan kakitangan Unit Penguatkuasaan. Saya ingin membawa satu contoh di Seksyen 18, Petaling Jaya kawasan DUN Bukit Gasing terdapat beberapa pengusaha yang mencerooboh tanah kerajaan sudah dua tahun, sejak Mei tahun 2013 di mana saya masuk menjadi ADUN di kawasan Bukit Gasing saya membangkitkan isu ini banyak kali, tetapi tindakannya sangat lemah. Adakah benar bahawa kakitangan adalah sangat kurang sehingga tindakan penguatkuasaan tidak dilakukan sehingga hari ini, ataupun adakah ada isu-isu lain. Apakah KPI kita untuk menilai pasukan penguatkuasa ini. Kita perlu ada *check and balance system* supaya kita memastikan bahawa lawatan tapak tindakan susulan ini diambil dan kes ini tidak dilupa. Dan kita perlu juga ada pencegahan untuk memastikan supaya tidak ada kes rasuah sebab isu untuk menghalau sesuatu perniagaan daripada tanah ini boleh senang mendatangkan rasuah walaupun saya tidak menuduh mana-mana kes spesifik tetapi mekanisme untuk mencegah ini penting dan perlu dilakukan. ... beri laluan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih. Setuju kah Yang Berhormat Bukit Gasing dengan saya bahawa kalau kita meneliti ketiga-tiga maklum balas yang dikemukakan oleh MMKN dan PTD tentang Petaling, Gombak, Hulu Langat ada disebut tentang kekangan dari segi tenaga penguatkuasaan. Ada saya terbaca ada sebuah daerah, Pejabat Tanah dan Daerah hanya ada 8 orang penguat kuasa sahaja dan ini adalah satu isu yang sangat besar.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ini memang mungkin menjadi isu, tetapi saya bukan daripada Jawatankuasa yang melakukan penyelidikan ini, tetapi pihak Kerajaan Negeri perlu mengambil serius mengapa isu penguatkuasaan ini lemah, apakah alasan-alasannya dan jika betul pegawai ini tidak mencukupi macam mana kita boleh membaiki situasi ini secepat mungkin sebab ini adalah perkara yang boleh menimbulkan banyak kacau ganggu. Dalam kes contoh, saya dia membuat kacau ganggu kepada penduduk yang tinggal di sekeliling kawasan tersebut di mana perusahaan ini banyak membawa kesusahan kepada rumah-rumah teres yang berdekatan.

Yang terakhir juga terlibat dalam penguatkuasaan 5.2. di mana kecekapan untuk pendakwaan. Ini pun saya memandang serius sebab pendakwaan ini bukan sahaja untuk kes menceroboh tanah tetapi kes salah guna bangunan dan kes salah guna bangunan ini cukup tinggi di kawasan Petaling Jaya, banyak bangunan kediaman sekarang diguna sebagai bangunan perniagaan yang tanpa kebenaran, tanpa izin dan adakah pihak PTD akan menambah baik penguat kuasa mereka, berapa kes sebulan adalah KPI mereka supaya kita boleh *clear backlog-backlog* kes ini dan kita kena pastikan bilangan pendakwaan ini kena lebih laju daripada bilangan kes baru yang timbul. Kalau bilangan kes baru yang timbul jauh lebih pesat daripada bilangan pendakwaan, tidak akan *catch-up* dan lama-kelamaan *the problem will get out of the control* dengan izin. Jadi itulah tiga (3) isu yang ingin saya bawa. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya jemput pihak kerajaan jika ada yang ingin memberi penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebelum saya memberikan maklum balas tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam penyata Jawatankuasa PADAT ini, ingin saya memberikan sedikit pandangan. Pada kebiasaannya Penubuhan Jawatankuasa Pilihan atau pun *Slack Committee* oleh dewan ini, ianya mempunyai satu tujuan yang cukup murni untuk mengelakkan perbincangan secara khusus dan spesifik dalam dewan kerana ia mengambil masa yang cukup panjang maka sebelum kerajaan menggubal sebarang undang-undang dan membentangkan Rang Undang-Undang, memang

kita dalam satu sistem yang demokratik kita membentuk Jawatankuasa Pilihan ini supaya semua pihak dapat memberikan pandangan di peringkat jawatankuasa, dan jawatankuasa akan membentangkan penyata melalui syor-syor dan pandangan untuk pertimbangan kerajaan. Jadi apa yang nak saya tegaskan kerana saya tengok pemerhatian saya dalam dua Jawatankuasa yang telah dibentangkan hari ini, nampaknya kita tidak fokus kepada syor yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa berkenaan dan kita mengambil masa yang panjang membangkitkan perkara-perkara baru yang terlalu spesifik dan ini sebenarnya tidak menepati hasrat pembentukan Jawatankuasa Pilihan Dewan yang sebenarnya bertujuan untuk mengupas semua isu-isu yang berbangkit yang ada kaitan dengan jawatankuasa berkenaan dan akhirnya perlu mengemukakan satu penyata yang menggariskan syor-syor untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Kalau tidak kita akan ulang balik apa yang berlaku dalam jawatankuasa, kita ulang dalam dewan dan ini akan mengambil masa yang agak lama dan sukar untuk kerajaan memberikan maklum balas secara terus.

**TUAN SPEAKER:** Dato' Menteri Besar boleh sambung lagi. Jam telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, maka saya tangguhkan dewan sehingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin menyambung sedikit pemerhatian saya dalam isu pembentangan penyata dan perbahasan yang telah dijalankan. Satu perkara lagi yang saya ingin berkongsi dengan Dewan ialah, saya melihat perkara-perkara yang

disyorkan dalam penyata-penyata ini sering kali juga timbul dalam konteks yang berbeza. Selain daripada dikemukakan dalam bentuk penyata, perkara yang sama juga dikemukakan dalam bentuk soalan bertulis, soalan lisan, perbahasan, usul dan penyata. Jadi saya kira pendekatan ini juga kurang sihat saya kira walaupun itu hak ahli Dewan untuk mengemukakan pandangan dalam bentuk soalan atau pun perbahasan tetapi kalau diulang perkara yang sama dalam konteks yang berbeza, itu akan memakan masa yang tidak baik untuk Dewan kerana saya ingat beberapa syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa PADAT ini juga telah pun dijawab dalam sesi soal jawab dan juga dalam perbahasan. Sebagai contoh isu kelewatan pemberimilikan TOL, kelewatan pindah milik strata, tanah rizab Melayu. Jadi saya harap perkara ini juga tidak berulang di masa yang akan datang di mana Jawatankuasa telah meneliti isu-isu ini dan perlu dikemukakan dalam bentuk syor kepada Kerajaan dan Kerajaan akan memberikan pertimbangan.

Berbalik kepada syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa PADAT ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri memandang serius syor-syor yang telah dikemukakan kerana ianya memang bertujuan untuk menambah baik sistem penyampaian khususnya di peringkat Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Selangor. Sudah tentulah Kerajaan Negeri akan meneliti penyata ini dan kita akan kemukakan jawapan dan maklum balas secara bertulis dalam sesi yang akan datang seperti yang telah ditetapkan oleh Peraturan Tetap. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil sedikit masa untuk memaklumkan pada prinsipnya memang Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan birokrasi dalam pengurusan di Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Selangor supaya kita dapat meningkatkan *efficiency*, kecekapan dan sistem penyampaian di peringkat yang berkenaan. Sebagai contoh, baru-baru ini di dalam perbahasan ada cadangan untuk Kerajaan Negeri menimbang semula dasar untuk menurunkan kuasa daripada Menteri Besar kepada Pengarah PTG dan ini pun telah kita ambil satu tindakan yang pro-aktif dan kita telah bersetuju dalam banyak perkara untuk kuasa ini diturunkan kepada Pengarah PTG supaya kelulusan dapat diberikan dalam tempoh yang singkat dan ia dapat membantu meningkatkan sistem penyampaian dan *efficiency* di Pejabat Daerah dan Tanah bagi pemohon-pemohon yang telah kita uruskan.

Tapi saya ingat pada umumnya memang perkara ini perlu diteliti. Walau bagaimanapun, saya kira sambutan rakyat terhadap sistem dan pendekatan baru yang digunakan ini memang positif. Sebagai contoh, apabila kita memperkenalkan sistem E-Strata itu, ianya telah banyak membantu mempercepatkan proses pindah milik strata di Negeri Selangor. Kebetulan tadi saya terima satu SMS daripada orang awam di Negeri Selangor yang agak menarik. Seorang penduduk di Ampang. Dengan izin Tuan Speaker, kalau boleh saya bacakan sedikit. Mohon izin kerana ianya dalam bahasa Inggeris. Dia kata "*Salam Y.A.B., I try to avoid physically going to government offices but today I couldn't avoid. I went to Majlis Daerah Hulu Selangor and Pejabat Tanah Hulu Selangor. I spend less than 30 minutes at both Offices and was served by friendly and smiling staff. Superb feeling because so*

*unexpected. Enjoying my drive home just have to tell you my experienced today. At Majlis Daerah Hulu Selangor, I was served by Siti Shahrizal and Ros, while Nurul dan Farid at Pejabat Tanah Hulu Selangor.”*

Jadi ini satu persepsi yang agak baik di kalangan orang awam kerana khidmat yang diberikan oleh Pegawai-pegawai kita di Majlis Daerah Hulu Selangor dan juga di Pejabat Tanah Hulu Selangor. Satu lagi saya juga dapat SMS daripada EXCO kita, Yang Berhormat Seri Kembangan yang memaklumkan bahawa Majlis Daerah Hulu Selangor *will receive an award from Bank Negara for actively using internet banking*. Jadi Bank Negara Malaysia juga telah mengiktiraf Majlis Daerah Hulu Selangor sebagai satu PBT yang paling kerap menggunakan sistem *internet banking* di negara ini. Jadi ini contoh-contoh yang boleh kita kongsi yang menunjukkan memang ada usaha-usaha Kerajaan Negeri termasuk di peringkat PBT dan juga Pejabat Daerah untuk meningkatkan sistem penyampaian. Walau bagaimanapun, syor-syor yang dikemukakan dalam penyata ini akan diberikan perhatian khusus, malahan untuk makluman Jawatankuasa PADAT, pihak PTG telah pun menyiapkan maklum balas. Walaupun kalau mengikut Peraturan Tetap, kita akan kemukakan dalam sesi yang akan datang tetapi *Insyah-Allah* esok saya akan serahkan maklum balas ini kepada Jawatankuasa untuk mendapat maklum balas apakah pendirian Kerajaan tentang syor yang dikemukakan. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu Usul yang berbunyi :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah – PADAT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung masalah-masalah yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah, PBT di Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul nombor 3 tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker dan ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas

mengenai Pembasmian Kemiskinan, JPK – Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan cadangan menyelesaikan punca-punca kemiskinan dan ketidaksamarataan di kalangan rakyat Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 6 tahun 2015.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian, Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan sesi rundingan meja bulat pada 20 Januari 2015 dan 28 Januari 2015 bagi mendengar taklimat dan pandangan daripada ahli panel yang terlibat dalam bantuan golongan-golongan miskin dan punca-punca kemiskinan serta ketidak sama rataan di Negeri Selangor. Kami merujuk kepada empat (4) isu seperti yang diterangkan di bawah ini :-

1. Tahap kemiskinan di Selangor dan hala tuju menjelang tahun 2035. Punca-punca kemiskinan. Dasar-dasar pembasmian kemiskinan, program dan pelaksanaan bagi mengatasi masalah kemiskinan, keberkesanan program tersebut dan juga saranan penambahbaikan. Jadi penemuan Jawatankuasa telah pun dirumuskan di bawah berdasarkan kenyataan ahli panel di mana Jawatankuasa berpendapat terdapat lima (5) faktor utama yang merupakan punca-punca kemiskinan di Selangor iaitu :-

- i) Pendapatan.
- ii) Pendidikan.
- iii) Pengangkutan (lebih kepada jarak daripada tempat tinggal ke tempat-tempat seperti klinik, hospital dan sekolah).
- iv) Kesihatan
- v) Kesejahteraan rohani dan sahsiah

Kami juga merumuskan saranan-saranan seperti yang terdapat dalam Penyata yang telah pun dibentangkan di sini iaitu Kerajaan Negeri hendaklah mendefinisikan kemiskinan dan tidak hanya berpandukan kepada paras garis kemiskinan pendapatan sahaja. Kerajaan juga harus merangkumi aspek multi dimensi dalam mengambil kira faktor hak asasi manusia berdasarkan definisi yang diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi maklumat terperinci ada di dalam Penyata tersebut.

2. Kerajaan Negeri hendaklah menetapkan satu matlamat atau pun KPI untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat Selangor. Apabila saranan ini dilakukan, kami mengambil maklum bahawa sebenarnya Kerajaan belum

ada satu lagi KPI yang khusus untuk dipatuhi supaya kita boleh mengukur setakat mana kejayaan Kerajaan Negeri dalam membasmi kemiskinan melalui program-program yang telah ditetapkan.

3. Pada pendapat Jawatankuasa adalah sangat penting di mana Kerajaan Negeri hendaklah mendirikan satu pusat kajian atau pun pusat sehati untuk mengumpul dan mengintegrasikan semua data berkaitan dengan kemiskinan daripada pelbagai agensi Kerajaan termasuk PBT, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan termasuk agensi Kerajaan Persekutuan.

Kami membuat saranan ini atas pemerhatian yang kami dapati bahawa selama kami menjalankan pendengaran tertutup dan juga mesyuarat meja bulat ini kami tidak ada satu pangkalan data yang lengkap terhadap kadar kemiskinan di Negeri Selangor. Kami berpendapat adalah perlu dan mustahak sekiranya pusat kajian ini dapat diadakan untuk membekalkan satu data yang lengkap terhadap situasi kemiskinan di Selangor.

4. Akhir sekali tentang peranan JKM di Negeri Selangor di mana kami mencadangkan bahawa Kerajaan haruslah merombak semula peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor untuk memastikan peranannya setara dan setanding dengan Lembaga Zakat Negeri Selangor dalam menjaga kebajikan masyarakat bukan Muslim di Selangor.

Saranan ini dikhususkan disebabkan kami mendapati bahawa Lembaga Zakat Negeri Selangor sebenarnya mempunyai satu garis panduan yang pada pendapat Jawatankuasa sangat lengkap dan boleh dicontohi oleh JKM. Dengan itu, kami memasukkan cadangan ini sebagai salah satu daripada saranan yang dibawa oleh Jawatankuasa dalam Penyata ini.

Jadi dengan itu, saya memohon, mencadang Penyata ini, dan memohon supaya diterima. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Tuan Timbalan Speaker, Taman Medan menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya buka untuk perbahasan, jika ada.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Timbalan Speaker, Teratai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 6, terus kepada menjurus kepada saranan

Jawatankuasa yang mana saranan yang keempat di mana adalah Kerajaan Negeri disarankan untuk mendirikan pusat kajian atau pun pusat sehati untuk mengumpul dan mengintegrasikan semua data berkaitan kemiskinan daripada pelbagai agensi, Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan. Saya ingin nak tanya, minta penjelasan berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh agensi yang dinyatakan dalam saranan ini khususnya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri di mana kalau bagi golongan kemiskinan, sepanjang pengalaman Teratai adalah mereka selalunya memohon bantuan daripada Pusat Khidmat Wakil Rakyat dan juga Lembaga Zakat Selangor atau pun Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jadi saya ingin nak tanya, apakah data atau pun minta penjelasan berkenaan Lembaga Hasil Dalam Negeri, apakah peranan yang boleh dimainkan dalam memberi data-data berkenaan dengan isu kemiskinan ini. Tambahan pula berkenaan dengan saranan yang pertama iaitu cadangan untuk mendefinisikan kemiskinan dengan cara yang lebih holistik dan komprehensif.

Tuan Timbalan Speaker, bagi Kerajaan Negeri Selangor, kita mempunyai satu *Blue Print* untuk pembasmian kemiskinan dan paras pendapatan yang kita tetapkan hanya bagi Negeri Selangor adalah RM1,500.00 dan jauh lebih tinggi daripada pendapatan yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat, UMNO, Barisan Nasional. Apa yang berlaku ialah menurut titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, paras kemiskinan bagi Kerajaan Negeri Selangor telah kurang atau pun bertambah baik. Tapi ini tidak bermakna Kerajaan Negeri Selangor harus berhenti begitu sahaja.

Memang bagi saranan Jawatankuasa dengan beberapa perkara ini di mana Kerajaan Selangor, saya yakin bahawa dapat dengan meneliti dengan baik dan juga kita katakan program-program yang untuk membantu golongan itu haruslah dihebahkan dengan melalui pusat Wakil-wakil Rakyat, bukan sahaja bagi daripada ADUN dan juga bahkan daripada Ahli Parlimen, JKKK dan juga Ahli Majlis juga. Selain daripada itu saaran daripada Jawatankuasa berkenaan dengan merombak semula peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang mana adalah dicadangkan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor haruslah setara atau setanding dengan Lembaga Zakat Selangor. Sebelum ini pada sidang yang lepas, saya masih ingat, Teratai masih ingat bagi Y.B. Kota Anggerik pernah memohon atau pun mencadangkan agar satu Institusi Yayasan diwujudkan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor supaya ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat bukan Muslim di Selangor. Jadi bagi saya, bagi Teratai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan juga Lembaga Zakat Selangor memainkan peranan yang berlainan dan tidak haruslah di satu padukan di mana kedua-dua agensi ini mempunyai peranan masing-masing dan Teratai juga tidak nak berucap dengan panjang dan saya berharap supaya apa yang telah dicadangkan oleh ADUN-ADUN dalam sidang lepas diteliti. Terima kasih.



**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker

**TUAN TIMBALAN SPEAER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Speaker, saya merujuk kepada muka surat 56 saraan Jawatankuasa No. 4 iaitu Kerajaan Negeri hendaklah mendirikan pusat kajian atau Pusat Seheni, *One Stop Centre* untuk mengumpul dan integrasi semua data berkaitan dengan kemiskinan. Saya ingin mengesyorkan selain daripada mengumpul data yang mendapat maklumat integrasikan maklumat saya juga ingin mengesyorkan juga untuk pertimbangan *One Stop Centre* ini juga adalah *One Stop Centre* untuk menyelesaikan masalah-masalah orang-orang miskin secara menyeluruh sama ada tentang pendidikan, persekolahan atau sebab tak cukup makan atau pun sebab dia sakit atau pun sebab dia tidak ada kediaman segala-galanya. Panduan *One Stop Centre* ini saya rasa kena dikembangkan selain daripada....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Cadangan saya, saya ingin bertanya Yang Berhormat Selat Klang sama ada bahawa cadangan untuk menambah baik fungsi *One Stop Centre* ini adalah cadangan kepada Kerajaan Negeri atau pun cadangan kepada Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan sebab Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan tidak ada kuasa untuk menyelesaikan masalah kemiskinan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Cadangan saya ialah penambahbaikan cadangan saranan Jawatankuasa oleh kemiskinan ini kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan oleh pihak Kerajaan. Jadi kita tidak mahu yang saranan-saranan yang lain itu, kita melihatkan menggunakan jabatan atau agensi atau pun sekali yang sudah ada. Saya memohon Kerajaan Negeri Selangor juga *think out of the box* dengan izin bukan sahaja agensi yang ada yang disebutkan oleh Teratai tadi ia sebut tentang Yayasan dan sebagainya. Kadang-kadang di Selangor ini kita seram kerana kita ada pengalaman sedikit apa dengan Yayasan Basmi Kemiskinan. Dah ada Yayasan itu, ada masalah sedikit tetapi kita cari cara yang positif mungkin buat benda yang *start from the baseline* kita nak analisa *One Stop Centre* tadi menganalisisakan kemudian *go forward* bagaimana kita benar-benar nak menyelesaikan masalah ini dengan mengguna segala sumber sedia ada atau pun kalau tidak ada kita wujudkan mana daripada kajian ini kita boleh melihat secara objektif, secara profesional untuk kita menyelesaikan masalah ini secara *long term*, *short term* dan segala aspeknya. Untuk mengupayakan orang-orang miskin, untuk mengurangkan kadar orang miskin ini daripada semua suku kaum, semua apa ini sama ada bandar atau pun luar bandar. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Teratai.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:**Sila

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya ingin nak tanya bagi Yang Berhormat Selat Kelang adakah lebih baik Kerajaan Selangor memberi bajet yang lebih banyak untuk membasmi kemiskinan dalam perkara ini yang merupakan satu permasalahan yang penting bagi Selangor, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih saya setuju 100% dan ia bukannya sahaja sebagai satu ad-hoc atau pun *one-off* seperti *back to school* seperti kita bagi nak Raya dan sebagai Jom *Shopping* bukan sahaja. Tapi segala-galanya inilah peranan *One Stop Centre* ini memikirkan segala-galanya dan kita apa saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri jemputlah pelbagai pihak yang secukupnya *be inclusive* melibatkan semua sama ada yang berpengalaman telah bersara yang memang aktivis yang telah berjaya menyelesaikan masalah kemiskinan dan daripada dan sebagainya. Saya menyokong 100%, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada pihak EXCO di mana penyata ini saya cadangan diterima bersekali dengan penyata-penyata yang sebelumnya terutamanya yang maklum balas pada pihak EXCO tentang program pemberian baucar Perayaan Jom *Shopping*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Alam Shah dan juga penyata yang berkaitan dengan golongan gendang tangan. Terima kasih kepada EXCO Yang Berhormat Sementa dan ini bererti bahawa kecekapan kita menandatangani daripada penyata dan usul makin teratur dan akan mudah bagi semua pihak melaksanakan program penambahbaikan di mana dalam konteks sebelum ini saya nak ambil perhatian muka surat 3 perkara 4.3 iaitu Keberkesanan Dasar Pembasmian Kemiskinan dalam bentuk Mimbar dan Skim Sel di mana ketika mana penyelenggaraan ini diadakan programnya masih dalam bentuk Mimbar dan Skim Sel. Kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah menaik taraf program ini kepada Program Hijrah. Dan saya ingin ringkas menarik perhatian tentang penemuan yang telah sama-sama Jawatankuasa capai dalam isu yang berkaitan dengan punca-punca kemiskinan yang dapat kami kumpulkan dengan beberapa siri pendengaran tertutup dan juga rundingan meja bulat. Pertamanya pendapatan, pendapatan ini Hulu Kelang berharap dapat dikaitkan dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan gaji minima di mana apabila ada gerakan di dalam Kerajaan untuk memastikan tercapainya satu program yang berkaitan dengan gaji minimum maka mobilisasi ke arah satu *target* pendapatan itu *akan* dapat digerakkan dan kempen itu akan disedari dan dengan cara Pembangunan Ekonomi peningkatan taraf hidup rakyat akan dapat mensasarkan kepada satu sasaran yang sedemikian rupanya. Kedunya pendidikan kita mengakui bahawa pendidikan dalam konteks negara kita ini adalah generik dengan izin generik bererti kita ada standard format maksud dia darjah 1 sampai darjah 6

Sekolah Menengah masuk Universiti atau pun bekerja dan lainnya sama ada teknikal atau pun sastera kalau dulu dan itu ada kaitannya dengan struktur pembentukan kelas menengah Malaysia. Walau bagaimanapun, standard pendidikan produk yang generik ini sesuai telah terbukti berjaya dalam pasaran pekerjaan peningkatan gaji satu kerjaya tetap dalam tempoh 23 tahun dan 40 tahun berikutnya. Dia menghasilkan satu kelas menengah yang boleh dikatakan telah berada di tahap ekonomi yang baik yang membantu masyarakat bawahan. Tetapi ada satu Syarikat yang terpinggir secara umumnya keseluruhannya adalah kaum asal di mana bagi mereka pendidikan yang menghasilkan satu lain yang generik ini tidak relevan bagi mereka. Mereka merasakan agak kekok dan cangkung berada dalam satu kelas yang belajar Matematik, *English* yang generik bagi rakyat Malaysia yang lain tapi bagi mereka yang hidup merayau cari hasil hutan dia tak relevan jadi dia tak merasakan dirinya fit dalam sistem tersebut. Walaupun ini adalah dalam bidang kerajaan pusat tapi saya ingin mani perhatian agar kebersamaan masyarakat kaum asal kaum masyarakat orang asli dapat ambil kira agar mereka pendidikan ada satu sumbangan dalam pembasmian kemiskinan iaitu kita galakkan dan mungkin izin *tailor made* kepada kumpulan mereka. Kemudian yang ketiga adalah apa yang dikatakan sebagai pengangkutan. Kita sedar apabila Selangor menjadi sebuah negeri yang merupakan Perbandaran, masalah yang berkaitan dengan kemiskinan adalah kemiskinan bandar yang agak fokus dan khusus dalam beberapa aspek. Walau bagaimanapun kesan yang lebih penting yang meniti tersebut adalah mobiliti fizikal. Apabila ada pergerakannya ke bandar adanya rangsangan peningkatan ekonomi dan sebagainya maka perubahan telah berlaku dalam struktur Masyarakat Selangor. Jadi barangkali itu saya ingin menarik perhatianapa yang telah di sebutkan oleh Sungai Pinang tentang Pembangunan Pengangkutan awam, demikian juga dengan struktur rancangan dan Selangor 2035 yang menyentuh tentang pada umumnya ialah mobiliti fizikal pergerakan masyarakat dengan peningkatan sistem pengangkutan ke bandar tentang dalam proses itu akan meningkatkan daya saing peningkatan ekonomi dan akhirnya satu tertentu akan membantu dalam proses pembasmian kemiskinan. Demikian itulah tambahan saya dan saya menyokong agar penyata ini diterima, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya suka sila...ah tambah lagi? Silakan saya rasa jangan lebih 5 minit.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:**Terima kasih Tuan Speaker, saya cuma nak tambah sedikit tentang Usul yang dibawa oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan. Apa yang saya dibaca punca utama adalah pendapatan dan saya akan menyentuh dua sahaja. Pendapatan 5.1 dan mobiliti fizikal 5.3. Pada pendapat saya ada banyak aspek dengan kemiskinan, apa yang saya nak tujukan adalah kemiskinan bandar di mana saya rasa bahawa apa yang kita boleh buat di kemiskinan bandar adalah untuk meningkatkan pendapatan. Apa Kerajaan sekarang yang Kerajaan Negeri buat adalah untuk program hijrah dan juga PWB dan untuk menambah pendapatan keluarga tapi saya ingat kita boleh buat satu lagi

iaitu sekarang di Golok, di bandar *especially* di bandar kemiskinan adalah tertumpu di kos rendah, flat-flat kos rendah, kita tiada dapat ada orang yang bina flat-flat kos rendah ini adalah banyak kalau kita pergi kos flat rendah ini akan dapat mendapati bahawa banyak golongan wanita tiada pekerjaan. Apa yang kita buat sekarang ialah kita bagi PWB bagi mereka membake kek, menjual kek dan lain-lain yang kita *additional step* yang kita boleh buat yang saya nak cadangkan ialah bahawa kita buat wujudkan *affordable childcare*. Mengikut kajian yang ditaja oleh Majlis Ekonomi Negara mendapati bahawa keluarga yang ada jumlah pendapatan RM5,000.00 ke atas *usually* mereka boleh mengupah pembantu isi rumah dan RM5,000.00 yang ke atas *usually* adalah *dual family*. Iaitu kalau pendapatan kita tidak lebih daripada RM5,000.00 biasanya *single income*. Sebab wanita di kekang oleh *restricted at home* kerana ada banyak anak-anak yang mereka kena jaga. Kalau send Pusat Kanak-kanak *usually* adalah lebih mahal daripada gaji yang mereka boleh dapat, yang itu situasi di miskin kemiskinan bandar. Apa yang kita boleh buat ialah bertumpuan kemiskinan di bandar adalah *flat-flat* di *flat* kos rendah, apa yang kita boleh buat sebagai Kerajaan Negeri ialah untuk merang sangkan untuk *encourage more* penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di *flat* kos rendah supaya wanita-wanita menghantar anak ke Pusat Penjagaan Kanak-kanak dan keluar bekerja. Dengan ada mekanisme ini kita akan membebaskan lebih wanita untuk menceburi diri dalam ekonomi dan juga meningkatkan pendapatan keluarga isi rumah.

Apa yang saya nak cadangkan di sini ialah sebab ini sangat penting. Apa yang kita dapat tahu ialah kalau golongan wanita miskin tidak pergi bekerja jurang perbezaan pendapatan akan lebih tinggi. Kalau kita boleh *fill up the missing link* menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak, *not charge three hundred ar..* kalau *charge three hundred, four hundred ar* sehari kita akan dapat bahawa kalau kita ada empat, empat anak sudah melebihi gaji. So, kita kena, yang pusat penjagaan kanak-kanak ini kena *affordable to the people*. Yang kedua ialah apa yang *bystreets* orang yang miskin bandar yang boleh pergi bekerja ialah mereka tiada pengangkutan, tiada jaringan yang besar iaitu *mobility physical* yang di senaraikan oleh JP ar.. *this* Pembasmian, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan. *Mobility* ini sangat penting sebab kalau kita pergi flat kita nampak golongan wanita biasanya tak boleh membawa kereta. Apa yang kita boleh buat ialah memastikan bahawa bas percuma yang kita akan *provide* di PBT-PBT boleh melalui terutamanya kos, flat-flat kos rendah dan menghubungi bas ini pergi ke stesen LRT dan juga ke kawasan industri dan komersial. Dengan ini kita akan membesarkan jaringan yang sedia ada bahawa mereka boleh menggunakan pengangkutan awam untuk bekerja. *We areconnecting the labor to the market*. So, ini sangat penting, saya kira kalau kita *instead of creating the job ourselves, we need to fill up the gap to get them to the market itself*. So, kita tiada tekanan supaya untuk *create job ourselves*. Mewujudkan peluang pekerjaan dengan kerajaan. So, saya tengok ini cadangan dua cadangan yang saya nak bentangkan di sini untuk menarik perhatian kerajaan negeri.

**TUAN SPEAKER:** Saya persilakan pembawa usul untuk memberikan penjelasan sedikit terhadap dua soalan yang dikemukakan oleh dua ADUN tadi sebelum saya serahkan kepada kerajaan. Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Speaker dan juga semua ADUN yang mengambil bahagian dalam perbahasan ataupun perbahasan penyata ini. Dua, tiga perkara yang saya ingin boleh diberi penggulungan, pertama adalah berkenaan cadangan untuk penambahbaikan sistem pengangkutan awam. Walaupun pada pandangan umum mungkin ianya tidak akan ada kaitan secara langsung dengan pembasmian kemiskinan. Tapi kami berpendapat bahawa ianya adalah penting. Dan ia telah di senarai sebagai salah satu daripada saranan yang telah pun dimasukkan dalam penyata ini. Yang kedua adalah tentang garis kemiskinan. Ini adalah satu *expert statement* daripada panel yang memberi keterangan. Beliau adalah Profesor Madya Dr. Hajah Fatimah binti Khari iaitu Ketua Jabatan Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya. Profesor Madya Dr. Hajah Fatimah binti Khari sebenarnya telah banyak kali hadir ke Sesi Pendengaran Tertutup dan juga Mesyuarat Meja Bulat Jawatankuasa ini dan memberi banyak pandangan yang bernas. Antaranya yang paling penting adalah tentang isu Garis Kemiskinan ini. Di mana apa yang kita lakukan sekarang beliau menegur bahawa adalah satu asas yang sangat *basic*, barangkali tidak dapat mengukur taraf kemiskinan di negeri Selangor dengan menyeru dan dari situ sebenarnya berkait juga dengan isu kemiskinan yang bersangkutan-paut dengan orang asli. Masyarakat orang asli. Kerana masyarakat orang asli dengan gaya hidupnya yang berbeza dengan masyarakat-masyarakat yang lain. Lagi susah kita hendak mengukur sama ada mereka hidup dalam keadaan yang bahagia atau tidak. Kadang-kadang mereka tidak begitu sesuai dengan kehidupan di bandar, mereka lebih sesuai dengan kehidupan merayau di dalam hutan. Dan bagi mereka itu adalah satu kebahagiaan. Dan mereka hidup kaya. Kalau mereka hidup dalam banglo di bandar mereka hidup miskin walaupun ada banglo. Jadi ini adalah satu pendapatan yang sebenarnya menyebabkan kita mengemukakan cadangan ini. Ada juga saranan berkenaan dengan rombakan terhadap Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kepada pendapat Jawatankuasa ini adalah sesuatu yang sekiranya boleh dilakukan ia adalah suatu berita baik. Tetapi kami juga melihat perbezaan dari segi peruntukan kepada JKM dan juga Lembaga Zakat. Tetapi apa pun sekali ini adalah satu cadangan yang kami kemukakan ke dewan ini supaya dapat dilakukan sekurang-kurangnya kita memulakan tapak yang pertama. Itu sahajalah sedikit pengumuman saya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya persilakan jika ada pihak kerajaan untuk memberi respons. Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Timbalan Speaker. Rata-ratanya daripada Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan ini sememang amat setuju dan juga saya berasa begitu gembira sekali. Saranan-saranan mereka untuk

menambahbaikkkan Pembasmian *STANDCO* Kemiskinan ini. Dan juga punca-punca yang mereka telah menggariskan di sini juga nampaknya mereka telah mendalami begitu dalam sekali. Kajian yang benar-benar untuk mengenal pasti tentang kadar kemiskinan di negeri Selangor. Saranan mereka yang telah disarankan di sini adalah lebih lima saranan. Saya akan menjawab untuk empat saranan yang dibawa *STANDCO* saya dan saranan terakhir di bawah Jabatan Kebajikan akan dijawab oleh Yang Berhormat daripada Sementa. Apa yang kami dapati adalah saranan yang telah diklasifikasikan di sini daripada satu, dua dan keempat. Adalah baik saya rasa saya jawab sahaja di sini untuk secara formal dan kemudian disusuli dengan jawapan ang bertulis nanti dipenggal akan datang. Di sini untuk saranan pertama, Kerajaan negeri hendaklah mendefinisikan kemiskinan dengan cara yang lebih holistik dan komprehensif. Mendefinisikan kemiskinan dengan berpandukan paras garis kemiskinan akan menjadikan kerajaan gagal menggariskan dasar dan program-program yang mantap bagi kesejahteraan rakyat jelata. Saya setuju, ya. Dan kita dapat secara umumnya kemiskinan dianggap sebagai isu subjektif yang boleh dilihat dari pelbagai sudut dan dimensi. Kebanyakan pengkaji mengaitkan kemiskinan dengan kekurangan pendapatan dan ketidakmampuan individu dan isi rumah untuk memenuhi keperluan hidup atau keperluan harian. Ini termasuk mereka yang hanya dapat memenuhi keperluan hidup secara mencukupi sekurang-kurangnya untuk masa sebulan. Manakala konsep "Bank Dunia" menyebut kemiskinan dirujuk sebagai ketidakupayaan seseorang untuk mencapai standard hidup yang minimum dari segi keperluan zat makanan, penggunaan dan tahap penglibatan. Di Malaysia pula, garis pemisah bagi membezakan di antara yang golongan miskin dan tidak miskin dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pendapatan garis kemiskinan merupakan pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. PGK digunakan untuk mengenal pasti bilangan isi rumah miskin dan mengukur insiden kemiskinan. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatannya kurang daripada PGKnya. Ini bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. Manakala sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar jika pendapatannya kurang daripada paras garis kemiskinan makanannya. Paras garis kemiskinan ditakrifkan secara berasingan bagi setiap isi rumah. Setiap paras garis kemiskinan ini mengambil kira perkara-perkara berikut. Pertama saiz isi rumah dan komposisi demografi, kedua lokasi isi rumah, negeri serta bandar, luar bandar. Pengiraan paras garis kemiskinan adalah terdiri daripada dua komponen iaitu paras garis makanan tadi yang komponennya adalah yang dikatakan sebagai komponen makanan dalam paras garis kemiskinan ditetapkan berdasarkan kepada nasihat pakar pemakanan, pakar diet dan pakar perubatan daripada Kementerian Kesihatan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putera Malaysia. Jumlah keperluan kilo kalori bagi satu keluarga seramai lima orang ialah sebanyak 8,725 sehari. Keperluan harian kilo kalori bagi setiap individu adalah mengandungi pemakanan yang seimbang yang terdiri daripada bijirin produk, bijirin, ayam, telur dan ikan, susu, minyak, lemak, gula, sayur-sayuran, buah-

buahan dan kacang. Keperluan kilo kalori seterusnya ditukarkan kepada nilai ringgit mengikut harga runcit setiap kawasan. So, ini kita boleh nampak dengan pengenalan cukai yang baru terbaru, GST, kita boleh nampak barangan telah naik harga, kita perlu kaji balik apa yang telah digariskan sebelum ini. Begitu juga dengan paras garis kemiskinan bukan makanan. Komponennya seperti pakaian dan kasut, *saver* kasar, bahan api dan kuasa barangan tahan lama, perabot, peralatan kelengkapan isi rumah, pengangkutan dan perhubungan lain-lain perkara yang bukan makanan. Paras garis kemiskinan bagi setiap isi rumah adalah berbeza mengikut lokasi yang seperti yang telah saya katakan dan juga ada dua kadar iaitu kadar kemiskinan dan kadar kemiskinan tegar yang telah seperti yang telah saya nyatakan tadi. Walau bagaimanapun, di pusat secara rasional kita telah menetapkan sebanyak RM830.00 sebagai paras garis kemiskinan. Namun negeri Selangor sebagai negeri yang termaju telah menetapkan sebanyak RM1,500. Dalam pada itu pun masih lagi kita mengkaji balik adakah kesesuaian tentang 1,500 maka kita telah melantik UNITAR, UTAR dan juga UNISEL untuk membuat satu kajian secara menyeluruh. Kajian komposisi kaum dan juga tempat dari luar bandar, bandar di mana mereka akan kaji setiap rumah dan mendapat perangkaan yang lebih sesuai untuk membuat penetapan mendefinisikan memberikan mendefinisikan tentang paras garis kemiskinan tersebut. Bagi saranan kedua, kemiskinan adalah didepani sebagai permasalahan yang bersifat *multidimensional*. Kemiskinan juga mesti dijadikan satu permasalahan yang berkaitan dengan persoalan hak-hak asasi manusia. Bebas daripada kemiskinan adalah persoalan hak asasi manusia. Tidak ditekan dan dihipit oleh kemiskinan juga adalah isu hak asasi manusia. Saya amat bersetuju dengan saranan ini.....

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Ulasan...

**TUAN SPEAKER:** Ya. Paya Jaras

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Ya. Terima kasih Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat EXCO menyatakan bahawa paras kemiskinan yang kita tetapkan adalah 1,500 dan soalan saya, adakah masih terdapat lagi di kalangan kakitangan kerajaan di Selangor ini sama ada peringkat pengawal, pemandu dan sebagainya yang masih berada dalam tahap di bawah paras kemiskinan. Kalau ada apa tindakan kita.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Paya Jaras yang sangat prihatin dengan pekerja-pekerja dari sumber servis ini kita perlu faham kerajaan negeri telah menetapkan paras garis kemiskinan pada tahun 2009. Dan dalam daripada itu mereka telah, daripada itu kerajaan negeri, pimpinan pakatan rakyat telah menetapkan agar setiap pekerja itu boleh membawa gaji minima sebanyak 1,500, campur elaun, campur segala bukan sahaja gaji pokok, semua. Dan apa yang saya telah difahamkan kerajaan negeri, semua kakitangan dan juga daripada GLC kerajaan negeri, semuanya menerima tidak kurang daripada dengan camur semua tu tadi yang saya katakan tidak kurang daripada 1,500 tapi berkenaan

tentang jika sekiranya ada yang terlepas mungkin, saya percaya kerajaan negeri perlu usahakan bersama dengan sokongan daripada semua pihak agar tidak ada yang terlepas kurang daripada 1,500. Saya percaya saya telah menjawab dengan saudara Yang Berhormat Paya Jaras. Berbalik kepada saranan kedua.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat panjang lagi ke? saya minta diringkaskan *please*.

**Y.B. TUAN GANABATIARAU A/L VERAMAN:** Kalau begitu saya ringkaskan. Tadi yang mengatakan multi *dimensional* yang memang kerajaan ambil maklum, bersetuju pembasmian kemiskinan adalah kita perlu keluarkan, mereka-mereka yang berada di paras bawah paras kemiskinan ini dan kita akan mendapatkan memberi jawapan yang lebih teratur dan juga pada masa akan datang. Saranan kedua dipersetujui dan saranan ketiga kerajaan negeri hendaklah menetapkan matlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat negeri Selangor. Memang matlamat negeri Selangor agar untuk membasmi kemiskinan daripada semua rakyat memang Kerajaan Negeri telah melalui Program Hijrah. Kita harap setiap DUN boleh mendapat manfaat dengan mengesyorkan setidak-tidaknya 1,000 peserta daripada apa tu, dalam sebelum 2017. Kita ada sasaran tersebut. Maka saya percaya Program Hijrah pengenalan yang baru ini akan membawa satu kesan yang lebih sangat positif dalam masa yang singkat. Saranan keempat iaitu ramai juga menyentuh perkara ini kerajaan negeri hendaklah mendirikan pusat kajian atau pun pusat sehenti *One Stop Centre* untuk mengumpul dan mengintegrasikan semua data berkaitan kemiskinan. Secara ringkasnya terdapat dua sistem maklumat yang dibangunkan oleh kerajaan negeri berkaitan maklumat penerima bantuan dan data berkaitan kemiskinan iaitu sistem *iwork fare* dan sistem Ikram. Sistem *iwork fare* kita memang maklum bahawa merupakan satu pangkalan data bersepadu yang mengintegrasikan data-data penerima-penerima bantuan bagi program-program bantuan di bawah seliaan pelbagai agensi di negeri Selangor. Manakala sistem informasi kesejahteraan rakyat majmuk negeri Selangor Ikram ini sedang dibangunkan melalui pelaksanaan kajian yang saya tadi katakan itu, yang kita sedang bangunkan program ini untuk data dikumpul dan menerusi kajian ini adalah merangkumi semua informasi mengenai setiap isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin. Ini merangkumi semua maklumat termasuk demografi, latar belakang, punca pendapatan, perbelanjaan, kos hidup, kesihatan, keperluan khas dan berkaitan orang kelainan upaya masalah asas yang dihadapi serta bantuan yang telah diperolehi serta bantuan yang diperlukan setiap daerah. Secara tidak langsung ianya juga berperanan sebagai pusat rujukan maklumat utama untuk kepada semua jabatan, agensi di bawah kerajaan negeri Selangor mengenai kadar kemiskinan di negeri Selangor. Seperti yang telah dinyatakan apa tu saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat daripada Selat Kelang tadi, *one stop centre* ini akan menjadi satu kaji selidik yang digunakan nanti akan membantu dalam mengenal pasti siapa yang miskin maka data-data tersebut akan digunakan untuk pembasmian kemiskinan dengan cara yang lebih holistik.



**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, saya kata bukan sahaja untuk mengkaji tetapi menyelesaikan masalah. Itu daripada perspektif kerajaan, tetapi bagaimana *the customer, the client* yang miskin itu. Bagaimana *one stop*.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Seperti yang telah saya nyatakan tadi pembangunan program yang terbaru seperti Hijrah, dan juga *STANDCO* Kemiskinan dan juga *STANDCO* Kebajikan, semua ini akan dikaitkan bersama dengan program Ikram apa tu yang akan dibuat nanti di *one stopcentre* yang akan dimajukan nanti. Maka ia akan bersamaan semua seliaan program-program *STANDCO* ini akan membuat dalam masa yang sama akan membuat program-program yang berkaitan untuk membasmi kemiskinan. Maka saranan keempat saya percaya telah dijawab maka saya benarkan Yang Berhormat Sementa membawa kepada saranan kelima.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sementa, ah! sebelum tu, Yang Berhormat Sementa saya suka menyebut bahawa semua cadangan usul dikemuka di dalam dewan ini tidak perlu untuk dijawab semua kerana tanggungjawab kerajaan adalah untuk menjawab secara sempurna pada sesi depan, cuma isu-isu yang sangat penting asas wajar dijawab di dalam dewan inilah. Dipersilakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya kira saranan, saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan khas Pembasmian Kemiskinan dan saya ingin respons kepada saranan kelima yang saya kira ia penting juga untuk kita kemukakan dalam sesi ini. Saranan daripada jawatankuasa untuk nombor lima ialah kerajaan negeri hendaklah merombak semula peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor untuk memastikan peranannya setara dan setanding dengan Lembaga Zakat Selangor dalam menjaga kebajikan masyarakat bukan Muslim di Selangor. Ulasan adalah asas penubuhan institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor adalah atas asas melaksanakan tuntutan beragama di dalam Islam dan bukannya manifestasi program kebajikan yang dicetuskan oleh kerajaan negeri. Atas asas itulah maka Lembaga Zakat Selangor diletakkan di bawah pengendalian Majlis Agama Islam Selangor iaitu MAIS dan bukannya di bawah pengendalian *STANDCO* Kebajikan. Dana Lembaga Zakat Selangor adalah diperolehi daripada pembayar-pembayar zakat dan bukannya daripada peruntukan kerajaan negeri. Sehubungan dengan itu adalah lebih tepat sekiranya gagasan mewujudkan institusi sosial seumpama Lembaga Zakat Selangor kepada masyarakat bukan Islam didukung oleh institusi dan NGO berkaitan agama bukan Islam. Tuan Speaker, kerajaan negeri melalui *STANDCO* Kebajikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berusaha melaksanakan agenda kebajikan yang sebaiknya untuk rakyat Selangor yang merentasi agama dan kaum. Bantuan diberi kepada semua yang layak berasaskan kriteria yang telah ditetapkan secara adil dan saksama kepada semua rakyat negeri Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “ bahawasanya menurut peraturan 76.5, Peraturan-peraturan Tetap Negeri Selangor Dewan Negeri Selangor “ dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi dewan negeri Selangor berkenaan cadangan bagi menyelesaikan punca-punca kemiskinan dan ke tidak kesamarataan di kalangan rakyat negeri Selangor yang telah dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 6 tahun 2015. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul No. 4 tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76.5 oleh Yang Berhormat Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ALI:** Tuan Timbalan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. “ Bahawasanya menurut peraturan 76.5 Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP-ABAS bagi dewan negeri Selangor berkenaan dengan *Selangor Fruits Valley* atau pun SFV dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor *PKPS Lives Stock Farms Sdn. Bhd.*, yang telah dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat 12 tahun 2015. Saya ingin mencadangkan, membentangkan sepuluh muka surat kertas penyata daripada JP-ABAS ini adalah bagi memastikan bahawa program-program yang dikendalikan di bawah Jawatankuasa, minta maaf di bawah anak syarikat dan badan berkanun berjalan dengan baik kerana ia melibatkan duit kerajaan negeri atau pun rakyat negeri Selangor. Jadi isi kandungan sepuluh muka surat ini sebenarnya meliputi dua latar belakang, dua program besar iaitu *Selangor Fruits Valley* dan juga Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor *PKPS Lives Stocks Farms Sdn.Bhd.*, yang mana ahli jawatankuasa yang terlibat dalam melihat tentang perkara ini seramai tujuh orang Ahli Dewan Negeri. Jadi, dua lawatan telah pun dibuat, ya, ke dua lokasi yang berbeza ini iaitu di *SelangorFruits Valley* telah pun dilakukan lawatan pada 29 Januari 2015 iaitu pada hari Khamis, dan kali keduanya ke *PKPS Lives Stocks Farms Sdn. Bhd* pada 16 Februari 2015. Apa yang didapati daripada penelitian jawatankuasa di sudut laporan yang kita perolehi secara terus daripada fiskal dan juga kita lihat apa yang berlaku di lapangan, berapa penemuan yang ingin saya bentangkan di sini iaitu kita mengambil berat tentang pengurusan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang mana daripada perakuan-perakuan yang diberi daripada pihak yang wajib kepada pihak wajib itu kita lihat beberapa perkara perlu diambil maklum oleh pihak yang bertanggungjawab oleh kerajaan negeri. Terutamanya dari konteks, dalam konteks aliran tunai yang kita dapati iaitu yang saya yang jawatankuasa bentangkan dalam saranan, kita lihat bahawa cara keseluruhan, ya, *Selangor Fruits Valley* saya boleh nyatakan prestasinya agak memuaskan dan saya ucapkan tahniah kerana pengurusan baru yang dilantik pada

apa ni, pada tarikh iaitu pada 13, 13 Ogos 2013 yang lepas telah pun menunjukkan prestasi yang agak memberangsangkan iaitu semenjak dilantik sahaja dan selepas ada satu penambah baik kita dapati keuntungan di bawa kepada kerajaan dalam program-program yang dibuat. Tetapi amat malang kita bila lihat apabila *PKPS Lives Stcosk Farms Sdn. Bhd.*, ya, dia telah pun kita lihat adi sini diwujudkan tanpa ada satu kajian yang, yang komprehensif terlebih dahulu. Ia menyebabkan, ia tidak mencapainya satu pulangan yang baik. Bila kita lihat atur aliran, aliran tunainya dijangkakan sehingga 2020 ya, kita atau pun kerajaan negeri akan menanggung kerugian lebih kurang 10 juta ringgit. Jadi, untuk itu saranan kerajaan supaya hendaklah memastikan *PKPS Lives Stocks Farms* menjalankan kajiannya yang menyeluruh sebelum melaksanakan program yang saya hendak beri maklum *Lives Stocks Farms Sdn.Bhd.* ini adalah program ternakan lembu. Ya, dan lembu tenusu yang mana sebenarnya kerajaan negeri setiap ekor lembu tu kita terpaksa membiayai sebanyak RM 6.50 sedangkan harga jualannya adalah RM 2.80. Jadi, maknya tanggungan setiap lembu itu melibatkan RM 3.80 *top up* daripada kerajaan negeri, ya, kepada usaha yang kita nampak sebenarnya merugikan. Ya, duit rakyat sebenarnya. Jadi untuk itu saya harap ya PKPS hendaklah menetapkan sasaran.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya hendak mohon penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Belum lagi.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Belum.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sebab bagi izin habiskan usulkan dulu.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Okey. Okey.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih YB

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ALI:** Nanti tanya. *Insyallah*, jadi untuk itu saya hendak menetapkan supaya dalam tempoh, saranan kepada jawatankuasa saranan PKPS hendaklah menetapkan sasaran dalam tempoh 1 hingga 2 tahun untuk memulihkan projek ternakan lembu ini. Jika, didapati ianya masih tidak dapat diteruskan, kita mencadangkan jawatankuasa JP ABAS mencadangkan supaya membatalkan projek ini, ya, supaya 10 juta itu boleh di manfaatkan kepada projek-projek yang lain yang lebih mendapatkan manfaat kepada rakyat. Dan juga yang akhirnya, saranan daripada kerajaan, daripada JP ABAS adalah kerajaan negeri hendaklah memastikan Perbadanan Menteri Besar menetapkan dan memantau keperluan membuat kajian teliti dalam prosedur operasi PKPS sebelum pelaburan

dibuat. Apa yang kita dapati sebenarnya secara keseluruhan projek *PKPS Lives Stocks Farms Sdn.Bhd.* ini terlalu bergantung kepada konsultan yang dilantik. Ya. Jadi, tidak ada pemantauan khusus, tidak ada satu penelitian yang lebih teliti dan akhirnya yang saya bimbang 10 tahun yang akan datang lagi kita terpaksa menanggung kerugian. Jadi, saya mohon supaya saranan-saranan yang telah dinyatakan dalam penyata ini diambil maklum secara, secara teliti tetapi saya juga mencadangkan supaya saranan-saranan untuk *Selangor Fruits Valley* ya, yang telah dinyatakan di dalam penyata ini diteruskan agar *Selangor Fruits Valley* nanti satu hari akan menjadi salah satu *icon* ya, *fruits valley* yang terbesar, yang terbaik di Malaysia ini. Dengan ini saya mohon mencadang usul penyata JP ABAS ini diterima. Itu Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Speaker, bahasa yang disampaikan oleh Batu Tiga tadi sangat jelas dan saya rasa semua faham dan saya rasa tak payah nak bahas dengan panjang sangat. Dengan itu saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya buka untuk perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat yang lain. Sila Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menyokong usul ini memandangkan peningkatan yang agak drastik yang telah berlaku kepada *Selangor Fruits Valley* dari segi kekemasan, ladang, ke aturan dan keceriaan kakitangan dan barisan pimpinan yang menggerakkannya dan juga satu masalah itu juga hampir-hampir ditutup dengan masalah yang sebenarnya berlaku sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Tiga tadi tentang *farms, Lives Stocks Farms*. Apa yang ingin saya tegaskan secara menyeluruh, secara keseluruhannya apa yang berlaku sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam audit tentang *Selangor Fruits Valley* beberapa tahun yang lalu adalah satu gambaran yang pelik yang suram tentang kepimpinan dan bagaimana pengurusan PKPS dan program-program keseluruhannya. Dan apa yang berlaku sejak 2008 adalah pelantikan seorang Pengurus Besar yang ada kesungguhan yang ada *drive* untuk mengislahkan, memperbaiki, meningkatkan, memulihkan projek-projek dibawah PKPS yang agak sakit dan yang saya perhatikan ia dibantu dengan seorang Timbalan Pengurus Besar yang muda yang saya sebut ini ada faktornya kalau dalam muka surat 4, Jabatan Nianelipot adalah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, satu, Encik Hj. Tambi Omar bin Mohamad, Pengurus Besar PKPS, kedua Encik Hj. Akmal Hazam bin Ahmad Timbalan Pengurus Besar PKPS. Daripada pengalaman jawatankuasa ini sejak dari tahun penubuhannya adalah *team* yang menggabungkan seorang Pengurus Besar yang ada kesungguhan dengan seorang Timbalan Pengurus Besar yang muda bertenaga telah membawa sedikit demi perubahan dan apa yang kita capai hari ini apabila Pengurus sebelumnya Ahmad juga namanya Hj. Dato' Ahmad telah bersara dan diganti dengan Tuan Haji Tambi Omar, kita lihat perubahan itu berlaku kerana *knowledge base*, pengalaman *base*. Kalau Pengurus Besar sebelumnya adalah

kerana pengalaman di ladang dan yang baru ini adalah kerana ilmunya, pengetahuannya dan dalam konteks itu kita tengok perubahan. Perubahan itu banyak bergantung dengan kesungguhan pimpinan atas dasar pengalaman atas dasar keilmuan tetapi kami perasaan dan saya sedar bahawa apa yang berlaku perubahan dalam KSPS ini hanya dalam bidang pertanian. Tidak dalam bidang penanaman pokok buah-buahan, tidak dalam pertanian yang berkaitan dengan lembu Jadi ini bererti sebagaimana yang dinyatakan oleh Batu Tiga tadi bahawa banyak bergantung penternakan Lovestock Farm banyak bergantung kepada personel, *inter-lection networking* yang telah wujud .pada masa itu, .kalau gagal kalau tiak kompeten maka hasilnya tidak kompeten sepatutnya. Jadi saya ingin menarik perhatian yang bergantung yang bersandarkan kepada penyata ini bagaimana kerajaan patutnya mewujudkan satu pasukan yang bukan hanya semata-mata berdasarkan pengalaman kecenderungan ilmu pengetahuan dan *drive* dengan izin keinginan untuk membuat perubahan tetapi sebaliknya mewujudkan satu sistem yang dalam sistem itu ada barisan kepimpinan yang menggabungkan *relationship* kualiti yang boleh menggabungkan segala kompetensi-kompetensi yang kita perlukan dengan izin. Segala kompetensi-kompetensi teras kompetensi-kompetensi yang boleh *turn around* memulihkan keadaan projek di bawah PKPS. Jadi ini satu saranan yang sebenarnya kalau kita teliti tersirat didalam penyata ini. Saya mohon menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dipersilakan sekiranya ada ulasan daripada pihak kerajaan. Jika ada.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya nak gulung dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya hanya sedikit ingin menggulung di sini apa saranan atau tambahan yang dibuat. Dua perkara besar yang kita belajar iaitu pertamanya jika kita memberikan tanggungjawab pengurusan dalam apa juga badan berkanun dan agensi yang kita berikan yang kerajaan negeri uruskan perlulah kita berikan kepada mereka yang ada pengetahuan dan jangan terlalu bergantung kepada *consultant* yang kita tidak pasti latar belakang sama ada dia *hands on* atau tidak. Jadi Selangor *Fruit Valley* kita tengok *very hands on* pakar dapat melaksanakan dan melihat prestasi yang memberangsangkan tetapi kalau kita berikan ianya kepada mereka yang tidak berkemampuan hanya bergantung kepada info-info yang kita sendiri tidak pasti bagaimana ianya yang dapat kita laksanakan. Ia akan mengundang kerugian oleh duit rakyat yang telah diperuntukkan. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dipersilakan pihak Kerajaan. Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:**Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang mengambil bahagian yang mengusulkan dalam perbahasan. Pihak kerajaan amat menghargai dapatan-dapatan yang telah ditemui dalam yang berkaitan dengan Selangor Fruit Valley dan juga PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd. Yang pertamanya terima kasih juga di atas penghargaan yang telah pun diberikan kepada Selangor Fruit Valley yang kejayaan dalam tempoh dua tahun mampu mencapai hasil RM138,000.00 sebulan bermula pada Januari 2015 selama dalam tempoh dua tahun mampu untuk mengembalikan apa yang kita harapkan kepada Selangor Fruit Valley dan kita mengharapkan supaya Selangor *Fruit Valley* mampu untuk terus memuncak kejayaan dan mampu mengembalikan kegemilangan Selangor *Fruit Valley* satu ketika dulu satu tempat kunjungan juga menjadi tempat Expo pelancong yang terkenal di Selangor dan peringkat kerajaan negeri bersama PKPS akan terus meningkatkan tahap pengurusan seperti mana yang telah disebutkan. Berkaitan dengan PKPS Livestock Farm Sdn Bhd itu pihak kerajaan negeri mengambil berat tentang saranan-saranan dapatan-dapatan dan juga komen-komen yang telah pun dinyatakan dan saya kira itu satu perkara yang baik untuk kita lihat kembali walaupun ada sebenarnya ada sedikit dapatan yang mungkin ada khilaf yang begitu dengan berkenaan dengan pengeluaran susu yang 6 ringgit seliter hasil daripada semakan kembali mungkin kita boleh melihat balik di mana sebenarnya tidaklah sampai yang tidak sampai 6 ringgit satu kos tetapi tetap lagi di sana berlaku kerugian kalau kita bandingkan harga semasa. Walau bagaimanapun pihak kerajaan negeri mengambil serius tentang perkara ini yang dari sudut *for casting* nya mencapai kerugian 10 juta itu jadi pihak kerajaan negeri mengucapkan terima kasih dan akan mengambil berat tentang saranan-saranan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada permasalahan di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Selangor *Fruit Valley* dan Perbadanan Pertanian Negeri Selangor Farm Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil. 12 Tahun 2015.

Ahli-Ahli Yang Berhormat jika bersetuju sila kata YA. Yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

Usul seterusnya usul No. 5 Tahun 2015 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul seperti berikut bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi yang badan berkanun dan anak syarikat kerajaan Negeri Selangor JP ABAS bagi

Dewan Negeri Selangor berkenaan MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di dewan yang mulai ini sebagai kertas mesyuarat Bil 9 Tahun 2015. Tuan Timbalan Speaker penyata yang berada di depan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam muka surat 1 perlu diberikan perhatian kerana saya ingin menarik perhatian bahawa MAIS Construction Properties Sdn. Bhd. (MCSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh kumpulan MAIS Corporation Properties Sdn Bhd. yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat pengurusan projek pembangunan pada tahun 1982 di bawah Akta Syarikat 1965 serta mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM4.5 juta. Objektif penubuhannya untuk menjana keuntungan dan kestabilan kewangan pada tahun 2013 hingga 2016 dan seterusnya membantu ekonomi MAIS. Apa yang di perlu diperhatikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pertamanya laporan tentang MCPSPB. telah terdapat dalam laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor. Keduanya adalah penegasan daripada Jabatan Audit mengatakan bahawa jawatankuasa-jawatankuasa seperti PAC, ABAS, PADAT dan PBT yang telah mempunyai Peraturan-Peraturan Tetap di Dewan Negeri boleh membuat audit pada mana-mana syarikat yang audit oleh Jabatan Ketua Audit Negara. Dan di samping itu juga jawatankuasa telah meminta pandangan dan nasihat daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Selangor dan menyatakan boleh *approach* terus kepada Syarikat Kumpulan MAIS Corporation. Apa yang ingin saya jelaskan di sini apabila kita menyentuh tentang MAIS Corporation di ada anak syarikat di bawahnya dan tidak menyentuh langsung tentang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang kita maklumkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor adalah di bawah bidang kuasa YMM Sultan Selangor. Ini perlu difahami dengan jelas agar hubungan di antaradua agensi penting dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor iaitu yang berkaitan dengan kuasa DYMM Sultan Selangor dan Menteri Besar tidak dirujuk sebarang perkara yang tidak diingini. Ini adalah satu perkara yang saya ingin ditegaskan bahawa tidak ada campur tangan apa-apa di dalam urusan audit ini dan sebenarnya tujuannya adalah untuk memastikan perkara yang telah ditunjukkan oleh Jabatan Audit Negara dalam buku apuran tahunannya di ambil tindakan susulan dan mengemaskinikan perjalanan mana-mana agensi. Oleh kerana itu saya memberitahu awal saya ingin membuat petua daripada Timbalan Speaker tentang ke manakah dan apakah kaedah yang akan digunakan dalam memberi maklum balas kepada pihak yang berwajib kerana usul ini bukan berkaitan dengan cadangan ataupun saranan jawatankuasa kepada pihak kerajaan MAIS Corporation bukan bawah kerajaan maka kita rasa bertanggungjawab ada kaitan usul ini adalah kaitan dengan KUIS penglibatan Kerajaan Negeri dalam membantu masalah yang satu ketika melanda KUIS dan ada kaitan dengan MAIS Corporation yang di bawahnya juga terdapat syarikat yang dinamakan MCPSB. Saya ingin membentangkan laporan ini merupakan penemuan kami dengan audit daripada penyelenggaraan tertutup wakil-wakil syarikat datang memberi penerangan dan kami kemukakan beberapa saranan penemuan dan saranannya terkandung dalam muka surat 9 di mana di sini saya ingin mendapat petua daripada Timbalan Speaker bagaimanakah kaedah

pelaksanaannya kemudian. Pertama saranan jawatankuasa kumpulan MAIS Corportion (KMC) hendaklah memastikan rancangan perniagaan MCP SB tercapai dan tidak terlalu bergantung pada projek yang kelolai oleh MAIS Development Sdn. Bhd. Kedua, KMC hendaklah memastikan MCP SB dapat meningkatkan keupayaan menjana pendapatan sendiri. Ketiga, KMC hendaklah memastikan MCP SB membuat pinjaman modal dan memperluaskan skop kerja mereka supaya dapat bersaing di pasaran luar. Keempat KMC hendaklah memastikan MCP SB mempunyai rancangan perniagaan yang kukuh untuk memastikan aliran tunai yang sihat dan meningkatkan kadar pulangan projek. Kelima, KMC hendaklah memastikan MCP SB memantau tunggakan bayaran interim dan wang tahanan secara berkala. Keenam, KMC hendaklah memastikan MCP SB menetapkan piawaian untuk memastikan kerja berkualiti supaya kecacatan kerosakan pada bangunan dapat dikurangkan. Ketujuh KMC hendaklah memastikan MCP SB melakukan pemantauan kerja yang kerap. Kelapan, KMC hendaklah memastikan MCP SB melakukan kajian tanah yang menyeluruh sebelum melakukan sebarang pembinaan dan kesembilan KMC hendaklah memastikan MCP SB mempunyai kontraktor dalaman yang berdedikasi supaya kualiti kerja pembinaan dapat di kawal. Saya kemukakan penyata ini agar disokong. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Oleh sebab Usul telah disokong, saya buka untuk perbahasan. Sila, jika ada Pihak Kerajaan ini memberi *respons*. Silakan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih, Hulu Kelang, yang membawakan Usul ini. Cuma apa yang saya nak lihat di sini daripada satu sudut, ini adalah satu bentuk Usul yang dibawa bukan untuk menimbulkan konflik, tetapi yang mana kita nak lihat akhirnya ia sebagai satu bentuk muhasabah. Dan ada penambahbaikan-penambahbaikan yang boleh kita lihat oleh mungkin agensi-agensi. Dan di atas saranan-saranan yang dibawa itu. Cuma saya, bila melihat tentang Usul ini, kalau kita lihat bahawa penubuhannya sendiri sudah ditubuhkan semenjak 1982, dan juga antara objektifnya juga adalah berkaitan dengan menjana keuntungan. Yang mana saya melihat bahawa projek-projek yang dilakukan ini bukan satu atau dua projek. Saya kira, banyak, dah melibatkan jumlah peruntukan yang cukup besar. Dan sudah tentulah dengan pengalaman yang begitu luas dalam satu jangka masa yang sangat panjang. Kalau ada kelemahan itu, apabila ada satu sumbang saran, apatah lagi apabila pihak Audit telah memberikan saranan dalam auditnya, sudah tentulah Jawatankuasa ini juga mempunyai peranan untuk memberikan satu, penambahbaikan ataupun muhasabah supaya ada satu peningkatan. Saya melihat bahawa *MAIS Construction & Properties Sdn Bhd* ini, mungkin sudah masa, satu, sudah tiba masanya, untuk meletakkan di satu tahap yang lebih daripada tanggungjawab yang ada pada hari ini, dengan kalau kita melihat bahawa penubuhannya adalah untuk menguruskan projek pembangunan. Tetapi mungkin



MAIS *Construction & Properties* Sdn Bhd, pada hari ini juga boleh lihat, mungkin boleh terlibat sebagai pemaju, sebagai contoh. Untuk mendapatkan pemulangan ataupun keuntungan yang lebih daripada itu. Kerana apabila kita lihat antara penemuan-penemuan yang akhirnya dibebankan kepada MCPSB ini. Contohnya dalam muka surat 8, 4.3, penemuan Jawatankuasa :-

- i) MCPSB tidak menetapkan piawaian untuk memastikan kerja berkualiti supaya kecacatan dan kerosakan pada bangunan dapat dikurangkan.
- ii) MCPSB tidak melakukan pemantauan kerja dengan kerap.
- iii) MCPSB tidak melakukan kajian tanah secara menyeluruh sebelum pembinaan.
- iv) MCPSB tidak mempunyai kontraktor dalaman yang berdedikasi supaya kualiti kerja pembinaan dapat dikawal.

Ini seolah-olah kemudian dipulangkan balik kepada MCPSB yang sepatutnya pihak kontraktor sendiri juga, pemaju dapat memberikan perhatian yang serius di atas projek-projek dijalankan. Dan kalau kita lihat daripada jumlah, 7 projek yang telah siap, didapati 89 kecacatan yang telah dikenal pasti. Yang saya kira ini juga dipulangkan balik kepada MCPSB ini sebagai satu tanggungjawab, sebagai, walaupun sebagai pengurus projek-projek pembangunan yang dilakukan. Sebab itulah, saya kira akhirnya, saya kira saranan ini cukup memberikan faedah kepada Kumpulan MAIS *Corporation* yang tidak secara langsungnya kepada MCPSB untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka, kerana saya melihat bahawa, saya kira, selepas ini yang akan banyak lagi mungkin projek-projek akan berlaku dengan jumlah kewangan yang bukan satu atau dua juta tetapi berjuta-juta, yang akan dilakukan. Dan ini adalah sebahagian besarnya adalah daripada, kutipan daripada Lembaga Zakat Negeri Selangor. Sebab itulah kita nak melihat bahawa optimum penggunaan duit ini, ataupun *value of money*, yang akan kita gunakan untuk projek-projek yang akan dirancangkan, dan pelaksanaannya akan menepati kepada kehendak rakyat itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan Tetap Peraturan 76 (5), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor (JP ABAS), bagi Dewan Negeri Selangor, berkenaan MAIS *Construction & Properties* Sdn Bhd, yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini, sebagai Kertas Mesyuarat Bil 9 Tahun 2015.

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA, yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Usul ini DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul no. 6 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5), oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor, berkenaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd, KUIS, yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil 7 Tahun 2015. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan laporan, Ketua Audit Negara, Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012, Siri 2, Muka surat 28 – 49. Jawatankuasa ini telah mengadakan satu pendengaran tertutup pada 10 Februari 2015, bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd, ataupun KUIS. Secara keseluruhan pengauditan yang dijalankan adalah bulan Disember 2012 hingga Februari 2013, mendapati prestasi kewangan KUIS adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Selain itu, pengurusan aktiviti kurang memuaskan, selain pengurusan aktiviti yang kurang memuaskan, tadbir urus korporat KUIS adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. Dan seiring dengan teguran Ketua Audit Negara dan hasil daripada pendengaran tertutup Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat empat kelemahan yang perlu dibaiki oleh KUIS. Secara ringkasnya, kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti berikut :

- i) Pengambilan pelajar yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- ii) Jumlah graduan yang dihasilkan dan prestasi akademik pelajar yang memperoleh taraf kedudukan sangat baik, menurun pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan tahun 2010.
- iii) Tunggakan yuran yang tinggi, dan
- iv) Kemudahan asrama yang tidak digunakan sepenuhnya.

Dan berbangkit daripada pemerhatian dan juga siasatan yang Jawatankuasa dapati, Jawatankuasa telah pun menyenaraikan tujuh saranan :

- i) Kerajaan haruslah menjelaskan sebenarnya peranan dan tujuan penubuhan KUIS serta menetapkan satu KPI, untuk prestasi kewangan dan prestasi akademik KUIS. Supaya KUIS boleh mengimbang keperluan menjana keuntungan yang mencukupi dengan tanggungjawab sosial. Ini adalah satu saranan yang dibangkitkan disebabkan atas pemerhatian Jawatankuasa ini, bahawa KUIS ini adalah sebuah syarikat swasta yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Tapi pada masa yang sama ia perlu menjana keuntungan. Dan pada masa yang sama juga ia perlu melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Jadi persoalan timbul, di manakah letaknya peranan KUIS. Hendak menjana untung atau mengimbangi tanggungjawab sosialnya. Jadi saya rasa untuk menjawab soalan ini, Kerajaan harus melihat

kembali peranan dan tujuan penubuhan KUIS. Kerana apabila ditegur oleh Ketua Audit Negara, prestasi kewangan KUIS dijadikan sebagai satu isu.

- ii) Memastikan KUIS dalam mencapai sasaran untuk meningkatkan pengambilan pelajar yang tidak mengkompromi kualiti pelajar yang dihasilkan.
- iii) KUIS hendaklah menyediakan satu rancangan khas dalam tempoh 5 tahun, sebagai contoh untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar dan graduannya. Di mana Kerajaan Negeri Selangor yang memberi bantuan kewangan kepada KUIS mesti menjadi sebahagian daripada perangkaan rancangan ini.
- iv) Memastikan KUIS mempertingkatkan fokus kepada peningkatan pengambilan pelajar sejajar dengan kapasiti akademik supaya pulangan modal dapat diperolehi. Cadangan ketiga dan keempat, ini adalah lebih menjurus kepada peningkatan prestasi pelajar dan juga pemastian bahawa KUIS mempunyai sumber pelajar mencukupi untuk menampung operasinya. Jadi, dua-dua ini sebenarnya telahpun ditegur oleh Ketua Audit Negara dan kami amat berharap Kerajaan dapat memberi satu penjelasan terhadap strategi-strategi yang akan dan telah diambil. Memang dimaklumkan ada sudah dimulakan beberapa tindakan-tindakan pembetulan daripada Kerajaan dan kami berasa bangga kiranya usaha initelah pun membuahkan hasil.
- v) Memastikan KUIS tidak terlibat dalam perjanjian yang berat sebelah dan merugikan lagi. Ini adalah disebabkan oleh perjanjian yang pernah ditandatangani dengan kontraktor swasta dalam membina asrama KUIS. Dan isu ini saya kira telah pun di bahas dalam penggal yang lepas yang melibatkan peranan salah seorang ADUN di Dewan yang mulia ini. Itulah sebabnya kita panggil kan sekali lagi, kerana masalah KUIS ini sebenarnya, masalah itulah, masalah pembinaan, *cost over run*, dalam pembinaan asrama pelajar.
- vi) Dan rentetan daripada itu, saranan yang keenam, menyiasat semua perjanjian yang ditandatangani di antara KUIS sekali lagi. Siasatan ini perlu dijalankan untuk memastikan bahawa Kerajaan membuat persediaan awal. Sekira terdapat mana-mana perjanjian yang ditandatangani di antara KUIS dengan pihak kedua dan ketiga, supaya, sekiranya perjanjian ini adalah *loop side*, Kerajaan tahu dan bersedia apa yang harus dilakukan. Ini adalah persediaan awal.
- vii) Dan yang ke tujuh, akhir sekali, KUIS harus mengutamakan keselamatan penyewa asrama pelajar dan tidak mengabaikan semata-mata untuk memastikan sewa bangunan asrama pelajar dibayar. KUIS harus memastikan asrama pelajar ini akan mendapat sijil CCC dalam masa setahun. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, asrama yang dibina oleh KUIS setakat

siasatan ini dan juga setakat penyata ini dihasilkan, masih belum mendapat sijil CCC. Ini amat membahayakan keselamatan pelajar. Dan pada masa yang sama, pelajar, kita kena memastikan asrama ini diduduki oleh pelajar. Dan yuran asrama ini dibayar. Jika tidak KUIS akan menghadapi masalah kewangan yang lebih teruk. Dan pada masa yang sama, CCC tidak ada. Jadi ini adalah satu isu yang sangat penting, pada pendapat Jawatankuasa satu *time frame* yang tetap, perlu ditetapkan di sini supaya CCC ini boleh diperolehi dalam masa setahun. Jadi saya dengan rendah hati memohon supaya penyata ini dapat diterima dan disokong oleh Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Itu baru pencadang, tu.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:**Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persilakan perbahasan, jika ada. Tidak ada, saya persilakan, pihak Kerajaan jika mahu mengulas.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih kepada pihak Jawatankuasa yang telah membuat penyata ini. Dan dalam memberi ulasan saya akan pergi kepada saranan-saranan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa. Saranan pertama, sememangnya, walaupun KUIS ditubuhkan sebagai sebuah IPTS tetapi ia tidaklah bermatlamatkan keuntungan 100%. Memandangkan ia mempunyai milik, adalah milik Kerajaan Negeri Selangor menerusi Majlis Agama Islam. Dan objektif awalnya penubuhannya ialah untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangun dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam. Pelan strategik lima tahun 2014-2018 KUIS, telah diwujudkan sebagai KUIS untuk bergerak ke hadapan secara sistematik dan terancang, selain menjelaskan peranan dan hala tuju KUIS. Dan pihak KUIS juga telah menubuhkan stu Jawatankuasa Kawalan Kredit yang berfungsi untuk memantau prestasi kewangan hasil dan perbelanjaan KUIS dan memberi fokus kepada kutipan hutang pelajar. Prestasi akademik KUIS, juga dipertingkatkan dengan menetapkan KPI pensyarah, peningkatan pensyarah PHD melalui Sistem Latihan Akademik KUIS, (SLAK). Memperbanyakkan penyelidikan dan penerbitan jurnal oleh pensyarah. Dan akhir sekali mengadakan temu rapat, bengkel pemantapan akademik, seminar dan latihan yang berterusan, bagi pensyarah, bagi meningkatkan prestasi akademik. Tentang jumlah graduan yang dihasilkan, yang dikatakan menurun, dan pihak pengurusan KUIS sentiasa berusaha untuk memastikan prestasi akademik pelajar dan graduan, dihasilkan sentiasa meningkat. Penghasilan jumlah graduan bagi tahun pengajian 2010 - 2014 adalah sebanyak 59%. Ini adalah lebih baik berbanding dengan tempoh 2009 – 2012, iaitu 44.5%. dan KUIS juga, itu dari segi kualiti. Dari segi kuantiti, dari segi kualiti, KUIS kekal di *tier* ke-empat dengan kenaikan kepada 76.4% berbanding 74% dalam audit setara oleh Kementerian Pendidikan. Dalam mencapai sasaran untuk peningkatan pengambilan pelajar pihak KUIS tidak berkompromi dalam sudut kualiti pelajar yang dihasilkan dengan membuat tawaran

hanya pada pelajar yang layak dengan syarat yang ditetapkan oleh KUIS, MQA dan Kementerian Pendidikan walaupun permohonan pelajar adalah tinggi. Jumlah terkini permohonan pelajar semenjak Mac 2015 ialah sebanyak 10,217 orang bagi kemasukan Jun 2015. Bagi meningkatkan prestasi akademik dan kemasukan pelajar Kerajaan Negeri telah memainkan peranan dengan mewujudkan biasiswa khusus sebanyak RM10 Juta untuk KUIS dan UNISEL RM12 Juta, dan bantuan sara diri dan juga khusus untuk KUIS RM2 Juta, Program Pengajian Tahfiz Al-Quran. Tentang tunggakan yuran yang tinggi KUIS meningkatkan promosi melalui media cetak dan elektronik serta menjalankan program gerak tempur di dalam dan di luar negara bagi mempromosi KUIS di sekolah-sekolah. KUIS juga telah menerima tajaan daripada Kumpulan Media Karangkrif RM500,000.00 untuk mempromosikan KUIS dalam majalah dan surat khabar terbitan mereka. Dan bilangan pelajar baru juga telah meningkat sebagaimana saya telah sebutkan tadi. Jumlah pelajar aktif

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Di KUIS bagi tahun

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat mohon penjelasan dari Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Dalam penyata ini telah disebut bahawa setakat pendengaran tertutup pada 10 Februari 2015, KUIS hanya mempunyai 5,005 orang pelajar sahaja tapi apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Seri Setia bahawa KUIS sekarang setakat Jun 2015, April ataupun Mac saya tidak pasti, tadi saya terdengar angka lebih 10,000 pelajar. Ini peningkatan lebih daripada 100% jadi saya ingin bertanya adakah ini benar?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tak. Yang saya nyatakan Yang Berhormat Kampung Tunku permohonan pelajar untuk *intake* Jun 2015 setakat Mac 2015 adalah sebanyak 10, 217 itu *demand* untuk masuk ke dalam KUIS bukan jumlah pelajar. Untuk makluman jumlah pelajar kalau kita lihat yang ada mendaftar di KUIS pada tahun 2010, 2570 kemudian paling rendah dalam tempoh itu iaitu pada 2012 di mana mendapat 1,360 dan 2014 ialah sebanyak 3,172 pendaftaran baru. Kalau kita lihat kalender telah meningkat semula. Jumlah pelajar aktif di KUIS

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih. Yang Berhormat EXCO menjelaskan bantuan RM10 Juta. Adakah ia berkadar dengan bilangan yang akan menjadi pelajar di KUIS ataupun di atas sasaran-sasaran, subjek tertentu ataupun pencapaian tertentu?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Bilangan bantuan biasiswa RM10 Juta adalah satu dasar baru yang diumumkan oleh Dato' Menteri Besar di dalam ucapan Belanjawan untuk tahun ini dan kita dalam proses pelaksanaannya. Jadi untuk tujuan itu kita akan, ia akan berdasarkan bidang kepada bidang, kepada keperluan pelajar-pelajar tersebut. Dari latar belakang keluarga mereka dan juga segi pencapaian akademik mereka tapi dari segi mana mereka memohon kepada KUIS dan juga kepada UNISEL dan ada dana dari negeri, kita akan memberikan bantuan tersebut. Saya ingin menyambung sedikit, peningkatan pelajar yang ada adalah sejajar dengan kapasiti akademik dengan adanya pinjaman mudah daripada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM48,544,150.00 untuk membiayai infrastruktur terbaru, menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur sedia ada di KUIS. Tentang isu kemudahan asrama pelajar yang tidak digunakan sepenuhnya dan juga perjanjian yang berat sebelah yang disebut tadi. Untuk makluman, setakat selepas insiden itu tiada perjanjian yang berat sebelah ditandatangani oleh pihak KUIS, kes itu dalam proses mahkamah dan KUIS sudah mewujudkan Jawatan Penasihat Undang-undang, Bahagian Audit Dalaman, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit. Bagi membantu dan menasihati KUIS agar perkara yang sama tidak lagi berulang. Dan kes ini juga di dalam pemantauan Ahli Lembaga Pengarah KUIS. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah sesuatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pemilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Kolej Universiti Islam Selangor Sdn. Bhd. (KUIS) yang telah dibentangkan oleh Dewan Yang Mulia ini sebagai kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. USUL INI DIPERSETUJUI

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul Nombor 7 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan MAIS Health Care Service Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2015. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, MAIS Health Care Service Sdn. Bhd. ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan kesihatan, menyediakan pusat perkhidmatan dialisis dan memberi perkhidmatan perubatan yang berkaitan. Antara teguran-teguran daripada Audit adalah rancangan perniagaan MAIS Health Care Services Sdn. Bhd. tidak tercapai. Kedua, pemantauan terhadap kerja

penyelenggaraan mesin dialisis tidak memuaskan. Ketiga, pembelian dialisis secara sewa beli tidak menguntungkan. Selepas JP ABAS menyiasat dan mendengar taklimat daripada MAIS Health Care Services Sdn. Bhd. JP ABAS berpendapat Kumpulan MAIS Corporation(KMC) hendaklah mengkaji semula sama ada MAIS Health Care Services Sdn. Bhd. mempunyai keperluan untuk terus beroperasi, memandangkan perniagaan teras telah dipindahkan kepada Yayasan Islam Darul Ehsan. Dan, JP ABAS juga ingin menyarankan fungsi asas MAIS Health Care Services Sdn. Bhd. iaitu Program Perkhidmatan Kesihatan menyediakan pusat perkhidmatan dialisis memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan hendaklah diteruskan oleh Lembaga Zakat Selangor. Sekian, Kinrara memohon mencadang. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:**Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pembahas jika ingin membahaskan usul ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin menarik perhatian bahawa apa yang berlaku adalah kerana pada satu ketika dalam rangka MAIS memberi bantuan melalui asnaf zakat pada mereka yang keperluan untuk melalui proses rawatan dialisis maka di situlah munculnya idea untuk *in house* dan dana itu berpusing dalam rangka MAIS kumpulan MAIS Corporation agar diperkembangkan tapi apa yang berlaku *over this years* (dengan izin) bahawa market tidak cukup besar kerana di samping itu ada juga MAIS atau Lembaga Zakat membiayai mereka yang perlu dialisis di pusat-pusat rawatan yang lain. Termasuklah apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan melalui EXCO Kebajikan iaitu pusat dialisis rakyat yang telah dikemas kini kan maklumat oleh Yang Berhormat EXCO pada hari ini, Sementa mengatakan bahawa pusat dialisis rakyat dikekalkan kepada 5 buah dan yang lain itu dilantik panel dan programnya diteruskan dalam bentuk *partnership* yang sama dengan pendekatan yang lain. Jadi, saya ingin mencadangkan agar kertas kerja ini, kertas penyata ini dilihat dalam konteks apa yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memberi khidmat bantuan mereka yang perlukan rawatan dialisis dalam program kesihatan rakyat. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:**Terima kasih Tuan Speaker, Timbalan Speaker. Yang pertamanya, kita menerima penyata ini dan persepsi yang kita dapati daripada usul ini adalah masih banyak ruang yang masih boleh diperbaiki oleh MAIS Holdings. Tentunya pusat dialisis ini adalah pusat yang diperlukan oleh mana-mana kawasan dan mana-mana DUN. Bahkan ia merupakan pusat yang sangat-sangat diperlukan oleh mereka yang kurang berkemampuan. 5 strategik di bentang tetapi hanya kenyataan isi hanya satu, hanya satu daripada 5 yang berjaya mencapai matlamat. Saya mencadangkan sebab saya dapati, kita tahu MAIS

ataupun JAIS ada beberapa tanah yang masih didapati kosong. Kita dapati ada tanah-tanah ini yang terbiar dan ada, malah di tempat saya itu permulaan dicadangkan untuk perniagaan besi-besi buruk yang mana kita bantah ia tidak jadi diteruskan. Saya juga pernah mencadangkan juga kepada JAIS agar, kita ada juga korporat-korporat, syarikat korporat-korporat yang sedia membangunkan pusat-pusat dialisis ini di atas tanah ini secara percuma dengan perkhidmatan percuma kepada rakyat. Jadi saya minta kalau ada tanah-tanah yang boleh dipertimbangkan, mana kita sub kan tanah ini kepada syarikat-syarikat yang sanggup. Yang Berhormat EXCO, ada syarikat yang sanggup bina pusat dialisis secara percuma dengan kos sendiri, dengan perkhidmatan secara percuma kepada rakyat. Cuma dia minta tanah yang bersesuaian untuk dijadikan tempat dialisis. Kalau kita sub kan tanah ini boleh jadi kita serahkan kepada orang yang lebih pakar untuk membina pusat dialisis itu. Boleh jadi kita perlukan nasihat-nasihat daripada luar untuk membangunkan dialisis. Kita menyokong penuh dialisis sangat diperlukan, tambahkan kita melihat rakyat itu putus harapan, putus harapan bila kos terlalu tinggi apa lagi dengan masyarakat-masyarakat yang bukan beragama Islam. Saya hendak tambah sedikit kalau boleh diizinkan hendak lagi sikit saja daripada MAIS ini berhubung kait dengan kenyataan Yang Berhormat Dr. Daroyah bahawa Zakat ini dikutip kerana adanya tuntutan agama. Berhubung dengan kemiskinan tadi. Cuma saya hendak bertanya tadi tapi tidak sempat, saya hendak tanya sedikit sahaja Tuan Timbalan Speaker. Apakah Yang Berhormat Dr. Daroyah telah mengkaji ada atau tidak tuntutan dari agama-agama lain Kristian, Buddha, Hindu yang membolehkan konsep zakat ini diwujudkan bagi membolehkan negeri menerima pakai konsep-konsep dari agama lain. Cuba kita lihat. Menyokong Penyata tetapi saya cadangkan kita sub tanah-tanah yang ada kepada korporat. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jauh sikit larinya tu. Saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin ulas.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Kinrara yang membawakan usul ini. Kalau kita lihat ya, hasrat penubuhan MAIS Health Care Services Sdn. Bhd. untuk menubuhkan pusat-pusat dialisis ini dengan saya kira melalui Syarikat MAIS Dialisis Sdn. Bhd. yang diberikan tanggungjawab untuk mengurus dan mengoperasikan pusat-pusat rawatan ini. Adalah hasrat yang cukup baik kerana saya rasa apabila diadakan ditubuhkan pusat-pusat ini dengan secara tidak langsungnya dapat menjimatkan kos ataupun menjimatkan ataupun menubuhkan pusat, mengurangkan kewangan tajaan-tajaan kepada pesakit-pesakit yang menerima tajaan daripada Lembaga Zakat. Kerana bilangan pesakit ini akan terus meningkat dan kesan implikasi pada kewangan juga akan sentiasa bertambah. Jika kita lihat sendiri daripada statistiknya pada tahun 2014 Lembaga Zakat telah mengeluarkan ataupun membelanjakan RM55.2 Juta untuk menaja pesakit-pesakit ini, yang pesakit-pesakitnya sejumlah 11,887 orang untuk seluruh negeri Selangor. Minta maaf. 11,887 orang untuk seluruh Negeri Selangor. Dan saya kira bukan masalah *marketnya* tidak cukup



besar Hulu Kelang kerana jumlahnya cukup banyak tetapi keperluan untuk penubuhan-penubuhan Pusat Dialisis ini memerlukan spesifikasi-spesifikasi yang tertentu. Sebagai contoh perlu ada seorang Metrologi atau pun pakar di dalam buah pinggang yang perlu mengadakan lawatan dan juga mengadakan *assessment* kepada setiap pesakit. Perlu ada kakitangan-kakitangan yang mempunyai *post base cause, staf nurse* yang ada kursus di dalam bidang ini sendiri. Hatta memerlukan juga pegawai perubatan yang ada khusus di dalam bidang hemodialisis ini sebab itu saya kira bukan perkara yang mudah untuk diuruskan tetapi keperluannya yang cukup besar terutamanya di Negeri Selangor. Dan saya kira akan bertambah lagi sebab itulah saya kira di atas kesedaran mungkin boleh berlaku kelemahan di sana sini yang akhirnya disedari oleh pihak Lembaga Zakat.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB:** Tuan Timbalan Speaker saya ingin penjelasan sedikit dari Yang Berhormat EXCO.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB:** *Limited market* dalam konteks keupayaan dan *constrain* yang ada tadi. Di samping maknanya ramai yang selesa untuk mengadakan, menjalani rawatan ini di tempat mereka, dekat, selesa, keadaan keluarga dan sebagainya. Jadi maknanya oleh kerana itu *market itu limited*, terhad, terbatas memandangkan *constrain* dari segi peraturan kesihatan dan juga keselesaan mereka yang berpotensi mendapat tajaan Lembaga Zakat untuk menjalani rawatan tersebut.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Ok, terima kasih di atas keterangan daripada Hulu Kelang tadi dan saya ingat di atas kesedaran oleh Ahli Lembaga Kumpulan MAIS Corporation sendiri yang akhirnya pengurusan dan juga pengoperasian yang dikendalikan oleh MAIS Dialisis Sdn. Bhd. Kepada Yayasan Islam Darul Ehsan yang saya kira tadi pun bukan isu berkaitan dengan tapak-tapak yang kita sedia ada. Yang saya lihat hasrat dari awalnya adalah cuba menjimatkan ataupun mengurangkan kos diatas keperluan yang begitu banyak dan kos yang terpaksa dibelanjakan yang begitu besar. Jadi saya kira di atas beberapa saranan itu kita boleh lihat dan di samping penajaan-penajaan yang akan diteruskan yang akan ditaja oleh Lembaga Zakat Selangor kepada pesakit-pesakit ini. Dan kita juga perlu lihat kos yang efektif, proses operasi dialisis kepada pesakit perlu diteruskan dengan jangkaan kita. Pesakit yang bukan bertambah ramai lagi tetapi berkaitan pengoperasian dan pengurusan ini juga boleh diambil kira bagaimana kita dapat mengoptimumkan dengan jumlah pesakit yang ramai dan juga *sevices* yang akan kita berikan melalui penubuhan pusat-pusat dialisis ini yang dioperasikan di bawah Kumpulan MAIS Corporation, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut

peraturan 36 (5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri, JP ABBAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan MAIS Highcare Services Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA:** Usul nombor 8 Tahun 2015, usul di bawah peraturan tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS B. AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker dan semua Ahli Yang Berhormat, sekian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut peraturan 76 (5) peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pengurusan Sumber Air Mentah Selangor / *Committee on Role Water Resource Management of the State of Selangor JPKSEM* bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pelaksanaan projek *Habrid of water of man system* HORAS 600 yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2015. Tuan Timbalan Speaker, penyata ini telah disebarikan sebelum dewan dan saya cuma nak *highlight* apa yang terkandung dalam penyata ini. Sebagai jawatankuasa yang prihatin dan bertanggungjawab tentang pengurusan air mentah Negeri Selangor. Jawatankuasa ingin mengetahui status HORAS 600 bagaimana HORAS 600 akan menyumbang atau pun mengatasi masalah air mentah di Selangor. Agensi-agensi yang telah Jawatankuasa panggil iaitu Lembaga Urus Air Selangor, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH), kami telah mengadakan satu perjumpaan di sini sebagai pertemuan *close station*. Yang Berhormat sekalian, ini saya nak beri terang tentang perkara semasa HORAS 600 telah mula pada April 2014. Dan dijangka akan siap pada September 2015 iaitu *fest* 1 dan 2. *Fest* 3 akan dijangka siap pada 2017. Yang Berhormat sekalian simpanan maksimum HORAS 600 adalah 30 juta meter *bite* iaitu 17% pada Empangan Sungai Selangor. Yang menjadi masalah untuk nak mempercepatkan ialah pengambilan tanah dari pemilik-pemilik yang ada. Kos keseluruhan ialah RM119 juta tetapi kos ini akan dibiayai oleh Semesta dari pendapatan pasir yang telah dikorek dijangka pendapatan RM162 juta bagi mendapat keuntungan lebih kurang 41 juta. *Detail* ada dalam lampiran 2. Jawatankuasa telah mendapat keterangan dan maklumat yang telah dapat bahawa fasa 1 dan fasa 2 akan siap tetapi jangan harap ada air yang akan diisi oleh HORAS 600 ialah air dari hujan dan juga air limpahan dari Sungai Selangor, ini kena tahu sebab dulu masa projek ini dimulakan banyak orang ingat air itu dapat sumbernya dari bawah tanah. Rupanya sumber dari bawah tanah *not* signifikan jadi air hujan dan air Selangor, dari sungai-sungai Selangor. Dan walaupun fasa 1 fasa 2 siap dengan air yang ada, ini Jawatankuasa telah meneliti

dan dia tidak akan mengatasi masalah kemarau yang ada tahun lepas pada tahun ini. Kalau kemarau seperti kemarau yang berlaku dan juga Jawatankuasa keliru tentang pengeluaran banyak mana air akan keluar dari HORAS 600 sebab tiap-tiap agensi memberi keterangan yang berbeza. Jadi jawatankuasa pun telah mengenal pasti bahawa masalah projek ini ialah nombor satu pengambilan tanah dan juga lagi persiapan atau pun *the compression of this* projek dengan izin tergantung kepada pengorekan pasir yang ada. Jadi saranan Jawatankuasa ialah nombor satu Kerajaan Negeri hendaklah mengenal pasti kadar pengeluaran HORAS 600 sebab ada kata 150, ada kata 300 dan ada kata 600 juta liter sehari, jadi berbeza. Nombor dua Jawatankuasa mahu Kerajaan Negeri Selangor mempercepatkan projek HORAS 600 dengan membekalkan tanah untuk simpanan stok pasir. Ini salah satu masalahnya yang ada sebab pasir dikorek tidak tahu mana nak simpan sebab penjualan tidak seimbang dengan *the rate of* korek. Dan juga akhirnya Jawatankuasa sarankan Kerajaan Negeri hendaklah mengambil inisiatif untuk mempercepatkan proses pengambilan tanah di Pejabat Tanah untuk fasa 3. Fasa 3 dijangka siap pada 2017. Sekian jadi Jawatankuasa harap penyata ini diterima oleh dewan yang mulia ini.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persilakan jika ada perbahasan setelah disokong.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya, saya hanya nak satu Kerajaan Negeri untuk memastikan ialah jawapan yang diberi oleh Kerajaan Negeri bahawa kita kena mengeluarkan 100 juta untuk projek HORAS. Adakah ia benar atau pun penemuan Jawatankuasa itu benar? Iaitu apa yang kita dapat telah menurut muka surat 3, 5.1.6 menurut krisis Kerajaan akan mendapat penjimatan kos sebab kita tidak payah mengorek kolam yang begitu besar yang kos korekan kolam itu adalah 500 juta iaitu nilai yang kita dapat tetapi tidak dapat wang tapi memang kita dapat kolam itu dan juga kutipan royalti 12.9. Apa yang kita dapat dari jawapan Kerajaan Negeri ialah Kerajaan Negeri perlu mengeluarkan 100 juta. Ini sahaja yang saya nak Kerajaan Negeri untuk memastikan siapa yang keluarkan wang itu dan adakah dia benar bahawa kita tidak payah mengeluarkan wang tetapi dapat royalti 12.9 ini *cash and avalue of 5,000 million* dalam kolam dan KSSB juga mendapat keuntungan 41.4 juta.

**Y.B. DATUK SULAIMAN B. ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN B. ABDUL RAZAK:** Ok saya juga ingin mengambil sedikit sahaja perbahasan mengenai isu HORAS 600 ini yang dibangkitkan, yang dibawa oleh Yang Berhormat Ijok mengenai saya tidak pastilah. Jadi saya rasa ramai Ahli-ahli dewan merasa misteri dengan projek HORAS 600 ini. Jadi tidak ada banyak

butir-butir yang dapat kita temui dari segi kontraknya dan sebagainya. Jadi saya mencadangkan supaya satu penjelasan dibuat oleh pihak Kerajaan mengenai butir-butir bagaimana kontrak ini diluluskan, nilai kontrak juga mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ijok tadi penuh kita mengenai kadar-kadar air sama ada yang mana, benar-benar dan sebagainya. Jadi satu laporan teknikal juga wajar dikemukakan pada dewan ini dengan harapan supaya Ahli-ahli dewan mendapat penjelasan yang lebih jelas mengenai projek ini, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 4.30 petang maka dewan ditangguhkan sehingga hari esok 9 April 2015 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**